Felda Global Ventures Holdings Berhad

Annual Report **2012** Laporan Tahunan

The listing of FGV on 28 June 2012 was a historic milestone.

It made headlines as the second largest Initial Public Offering (IPO) in the world at that time, and successfully raised RM10.4 billion, at a time when confidence in capital markets was low.

This constituted half of the Malaysian IPO proceeds in 2012 and as a result, amplified Malaysia's position in global capital markets. The year saw Kuala Lumpur ranked as the second largest market in Asia and fourth largest market in the world.

But more significantly, it heralded the emergence in corporate Malaysia of a business that evolved from a 57 year old socio-economic initiative – the FELDA land development and poverty eradication programme.

Penyenaraian FGV pada 28 Jun 2012 adalah satu pencapaian bersejarah.

Ia menjadi bualan utama sebagai Tawaran Awam Permulaan (IPO) kedua terbesar di dunia pada masa itu, dan berjaya mengumpul RM10.4 bilion, pada ketika keyakinan dalam pasaran modal adalah rendah.

Ini merupakan separuh hasil perolehan IPO Malaysia pada tahun 2012 dan hasilnya, kedudukan Malaysia dalam pasaran modal global diperkukuhkan. Tahun tersebut menyaksikan Kuala Lumpur disenaraikan sebagai pasaran kedua terbesar di Asia dan pasaran keempat terbesar di dunia.

Tetapi yang lebih penting lagi, ia menandakan kemunculan dalam arena korporat Malaysia sebuah perniagaan yang berkembang daripada satu inisiatif sosio-ekonomi berusia 57 tahun – yakni pembangunan tanah FELDA dan program pembasmian kemiskinan.

A new

Bintang baru...

star...

Paving the way for FGV to become a global powerhouse.

FGV debuted strongly to emerge as one of the top 25 companies on Bursa Malaysia's main board amassing a market capitalisation of RM16 billion.

Today, we are the third largest palm oil operator in the world and the largest sugar refiner in Malaysia. We are associated with the world's largest Crude Palm Oil (CPO) producer and we have diverse operations in ten countries. Our journey is only just beginning.

Membuka jalan untuk FGV menjadi satu kuasa global.

Penampilan sulung FGV yang mantap telah membolehkannya muncul sebagai salah satu daripada 25 syarikat teratas yang tersenarai di papan utama Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak RM16 bilion.

Hari ini, kami adalah pengendali minyak sawit ketiga terbesar di dunia dan syarikat penapis gula terbesar di Malaysia. Kami bekerjasama dengan pengeluar Minyak Sawit Mentah (MSM) terbesar di dunia dan mempunyai rangkaian operasi di sepuluh buah negara. Perjalanan kami baru sahaja bermula.

A new

We now have the resources to be a global leader.

FGV amassed RM4 billion from the IPO. This puts us in a strong position to achieve our aspirations. By 2020, we aim to be one of the top ten agro-business conglomerates in the world.

Kami kini memiliki sumber-sumber yang akan menjadikan kami pemimpin global.

FGV telah berjaya mengumpul RM4 bilion daripada hasil IPO. Ini meletakkan kami di kedudukan yang kukuh untuk mencapai cita-cita kami. Menjelang 2020, kami berhasrat untuk menjadi salah satu daripada sepuluh konglomerat perniagaan asas tani terbaik di dunia.

dawn...

Permulaan baru...

Growing our future

FGV has in place a Global Strategic Blueprint, encapsulating our plan for exponential global growth through upstream and downstream expansion, human capital transformation and investments in innovation and technology.

Menghidupkan Masa Hadapan Kami

FGV telah menyediakan Rangka Tindakan Strategik Global, menghimpunkan rancangan pertumbuhan global yang pesat menerusi pengembangan segmen huluan dan hiliran, transformasi modal insan dan pelaburan dalam inovasi dan teknologi kami.

Felda Global Ventures Holdings Berhad's (FGV) stunning debut on the main market of Bursa Malaysia in 2012 was an international sensation.

This is just the start of our metamorphosis into a global powerhouse.

Kemunculan sulung Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) yang mengagumkan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada tahun 2012 merupakan satu sensasi antarabangsa.

Ini hanyalah satu permulaan dalam metamorfosis kami untuk menjadi satu kuasa global.

Contents
Isi Kandungan

Felda Global Ventures Holdings Berhad

Fifth Annual General Meeting will be held at:

Venue : Dewan Tun Razak 1
Putra World Trade Centre
41 Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur

Date : 26 June 2013

Time : 11.00 am

Mesyuarat Agung Tahunan ke-Lima Felda Global Ventures Holdings Berhad akan diadakan di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra, 41 Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur pada 26 Jun 2013, jam 11.00 pagi.

Financial Highlights (as at 31 December 2012)
Sorotan Kewangan (pada 31 Disember 2012)

Revenue Perolehan	RM12.89 billion bilion
Profit after Land Lease Agreement (LLA) liability, tax and zakat Keuntungan selepas liabiliti Perjanjian Tanah Pajakan, cukai dan zakat	RM905.1 million juta
Earnings before interest, tax, depreciation and amortisation (EBITDA) Pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA)	RM1.44 billion bilion
Shareholders' funds Dana pemegang saham	RM6.1 billion bilion
Earnings per share Pendapatan sesaham	28.5 sen sen
Net assets per share Aset bersih sesaham	RM1.67
Total dividends for the year Jumlah dividen bagi tahun	14.0 sen per share sen sesaham

Financial Calendar
Kalendar Kewangan

2012

25 JUNE
Announcement of the unaudited consolidated results for the 1st quarter ended 31 March 2012

Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2012

28 JUNE
Listing of Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) on the Main Market of Bursa Malaysia Securities Berhad

Penyenaraian Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad

28 AUGUST
Announcement of the unaudited consolidated results for the 2nd quarter ended 30 June 2012 and declaration of an interim single tier dividend of 5.5 sen per ordinary share for the financial year ended 31 December 2012

Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku ke-2 berakhir 30 Jun 2012 dan pengisytiharan dividen interim satu peringkat sebanyak 5.5 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

4 SEPTEMBER
Notice of Book Closure for determining the entitlement of single tier interim dividend of 5.5 sen per ordinary share for the financial year ended 31 December 2012

Notis Penutupan Buku bagi menentukan kelayakan dividen interim satu peringkat sebanyak 5.5 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

30 NOVEMBER
Announcement of the unaudited consolidated results for the 3rd quarter ended 30 September 2012

Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku ke-3 berakhir 30 September 2012

2013

26 FEBRUARY
Announcement of the unaudited consolidated results for the 4th quarter ended 31 December 2012 and the proposed single tier final dividend of 8.5 sen per ordinary share for the financial year ended 31 December 2012 subject to shareholders' approval at Annual General Meeting

Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku ke-4 berakhir 31 Disember 2012 dan cadangan dividen akhir satu peringkat sebanyak 8.5 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 tertakluk kepada kelulusan pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan

24 APRIL
Announcement of the Annual Audited Accounts for the financial year ended 31 December 2012

Pengumuman Akaun Tahunan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

29 MAY
Announcement of the unaudited consolidated results for the 1st quarter ended 31 March 2013

Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2013

4 JUNE
Notice of the Fifth Annual General Meeting, Notice of Dividend Entitlement and issuance of Annual Report

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Lima, Notis Kelayakan Dividen dan penerbitan Laporan Tahunan

26 JUNE
Fifth Annual General Meeting

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Lima

Kemunculan Sulung yang Mengagumkan



YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad
Pengerusi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Para pemegang saham yang dihargai,

Hasil penyertaan anda, Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) telah membuat penampilan sulung yang mengagumkan di pasaran utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2012.

Ia adalah satu proses penyenaraian yang telah meletakkan FGV di peta dunia, berikutan statusnya sebagai Tawaran Awam Permulaan (IPO) kedua terbesar di dunia pada masa penyenaraian. Ia juga merupakan IPO terbesar di Asia pada tahun 2012, penawaran awam terbesar di Malaysia sejak November 2010 dan IPO ketiga terbesar dalam sejarah bursa saham Malaysia. Di samping itu, sambutan luar biasa oleh kedua-dua pelabur tempatan dan antarabangsa mengatasi jangkaan pasaran dan telah menarik perhatian dunia kepada syarikat, pasaran modal dan negara kita.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah bahawa selepas penyenaraian, syarikat kami muncul sebagai antara 25 syarikat teratas di Bursa Malaysia dan antara sepuluh syarikat perladangan utama yang disenaraikan di rantau ini.

SATU PENCAPAIAN BARU

IPO tersebut mendapat sambutan hangat dengan tawaran bahagian awam sebanyak 72.96 juta saham terlebih langganan sebanyak 6.75 kali. Ini tercapai walaupun ia dilancarkan pada ketika persekitaran ekonomi global dilanda masalah berikutan kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat, krisis kewangan Eropah dan pertumbuhan yang perlahan di China.

Walau bagaimanapun, pasaran bertindak balas positif terhadap peluang untuk melabur dalam sebuah syarikat yang terlibat dalam perniagaan makanan yang kalis-kemelesetan, diterajui oleh kelayakan yang kukuh dan beroperasi dalam iklim ekonomi ASEAN yang teguh.

Penyenaraian tersebut telah menjana RM10.45 bilion, sekaligus memberikan Malaysia pengiktirafan antarabangsa dan pujian bagi pasaran modalnya yang berdaya maju dan berdaya tahan. Berserta IPO Malaysia yang seterusnya, penyenaraian FGV telah meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai pasaran kedua terbesar tahun ini untuk IPO di Asia. Ia juga muncul sebagai yang keempat terbesar di dunia, mengatasi London dan Hong Kong lantas menjadikan Malaysia sebagai destinasi pasaran modal yang menarik.

Selain daripada menjara modal untuk pertumbuhan dan pengembangan FGV, kejayaan IPO tersebut juga telah memberi manfaat kepada pelbagai pihak lain. Pemegang saham penjual, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah menerima RM6 bilion daripada hasil kutipan tersebut. Daripada jumlah ini, RM1.7 bilion disalurkan terus kepada 112,365 peneroka-pekebun

kecil FELDA dalam bentuk pembayaran tunai sebanyak RM15,000. Keuntungan yang terhasil menyuntik kesan berganda kepada ekonomi tempatan, memberi manfaat kepada pendapatan negara dan menyokong pembangunan luar bandar seperti di Jengka, Temerloh, Jempol dan Bahau. Kawasan-kawasan luar bandar ini berkembang sekurang-kurangnya sepuluh kali ganda selaku benefisiari utama pengagihan keuntungan daripada IPO tersebut.

Dengan kelebihan kewangan, struktur dan operasi yang diperoleh daripada penyenaraian ini, FGV kini sedia untuk melangkah lebih jauh dan menjadi antara sepuluh konglomerat perniagaan tani paling terkemuka menjelang 2020.



TAHUN DENGAN PELBAGAI PERISTIWA MENARIK

Pada 2012, landskap ekonomi antarabangsa menjadi lebih mencabar ekoran pertumbuhan global yang semakin sederhana. Keadaan ekonomi yang lemah di beberapa negara ekonomi utama telah menjejaskan perdagangan antarabangsa. Ini seterusnya memberi kesan buruk terhadap aktiviti domestik dalam ekonomi yang baru muncul. Secara khususnya, ekonomi global tergugat oleh krisis hutang zon Euro dan ketidakpastian prospek ekonomi Amerika Syarikat dan China.

Latar belakang global yang suram mengekang permintaan antarabangsa dan memperlahankan permintaan Minyak Sawit Mentah (MSM) dari China. Berserta bekalan yang semakin meningkat dari Indonesia yang berkembang secara agresif lalu menambahkan dengan inventori minyak sawit ke tahap luar biasa, tahun 2012 mencatatkan harga jualan MSM yang lebih rendah daripada jangkaan. Di peringkat global, harga purata MSM menurun kepada julat antara RM2,800 dan RM2,900 satu tan metrik berbanding purata tahun sebelumnya sebanyak RM3,219 satu tan metrik. Harga MSM FGV berkurangan sejajar dengan perkembangan ini, iaitu lebih rendah pada RM2,843 satu tan metrik pada tahun lepas berbanding RM3,218 satu tan pada tahun 2011.

Di peringkat syarikat, perkembangan paling penting pada tahun 2012 berlaku dalam perniagaan perladangan kami. FGV memeterai beberapa perjanjian dengan FELDA pada suku pertama 2012 - berkaitan dengan 355,864 hektar tanah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Perjanjian-perjanjian tersebut merubah model perniagaan FGV dengan kawalan sepenuhnya ke atas operasi estet-estet FELDA dan menjadikan FGV pengendali minyak sawit ketiga terbesar di dunia.

PRESTASI BERWIBAWA

Di sebalik persekitaran ekonomi global, FGV kekal berdaya tahan dan terus mencapai jangkaan prestasi. Prestasi saham selepas penyenaraian adalah menggalakkan, di sebalik pelbagai cabaran yang menyelubungi industri minyak sawit pada tahun 2012.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, FGV mencatat keuntungan sebanyak RM905.1 juta selepas menolak liabiliti Perjanjian Tanah Pajakan, cukai dan zakat. Kami juga mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) sebanyak RM1.44 bilion. Keuntungan Sebelum LLA dan cukai adalah sebanyak RM1.13 bilion, yang dicapai berikutan peningkatan perolehan sebanyak 73 peratus kepada RM12.89 bilion berbanding RM7.45 bilion pada tahun 2011.

Walaupun kebanyakannya terhasil berikutan kejatuhan harga minyak sawit mentah, keuntungan bersih yang mana adalah 35.4 peratus lebih rendah pada tahun 2012 juga berpunca daripada kos operasi yang lebih tinggi dan liabiliti perjanjian pajakan tanah kumpulan (LLA) sebanyak RM210.18 juta. Sumbangan daripada syarikat-syarikat bersekutu utama FGV – Tradewinds Malaysia Berhad dan Felda Holdings Bhd (FHB) – juga masing-masing menurun sebanyak 54 peratus dan 32 peratus. Tambahan lagi, pada tahun 2012 FGV telah menanggung satu caj yang berkaitan dengan perbelanjaan IPO sebanyak RM61.1 juta.

Daripada segmen perniagaan yang berbeza, sektor perladangan huluan FGV telah menyumbang 53.3 peratus daripada jumlah pendapatan. Segmen ini melaporkan peningkatan yang besar sebanyak 77.7 peratus dalam perolehan, dirangsang oleh jualan MSM sebanyak RM7.1 bilion walaupun harga purata MSM lebih rendah pada tahun 2012, pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) yang lebih rendah dan kos jualan yang lebih tinggi. Pengeluaran BTS menurun sebanyak 251,074 tan metrik kepada 4.91 juta tan metrik; bagaimanapun, dengan memanfaatkan kecekapan operasi yang semakin meningkat di bahagian ini, termasuk akses kepada BTS dari 500,000 hektar estet peneroka. Kumpulan berjaya mengekalkan pengeluaran MSM pada tahun 2012 iaitu pada 3.29 juta tan metrik, setanding pengeluaran pada 2011.

Segmen hiliran yang mencapai pemulihan telah mencatat RM20.5 juta dalam keuntungan sebelum cukai.

Perniagaan oleo-kimia FGV di Amerika Syarikat juga telah memperbaiki kedudukan kewangannya berikutan permintaan asid lemak dan gliserin yang kukuh daripada pelanggan utamanya.

Sementara itu, segmen Gula mencatatkan penurunan margin sebanyak 34 peratus dalam keuntungan sebelum cukai disebabkan oleh peningkatan dalam kos gula mentah walaupun pendapatan sebanyak RM2.3 bilion yang dicatatkan adalah sama dengan pencapaian pada 2011.

JANJI DITEPATI

Pada tahun 2012, FGV mengakhiri tahun kewangan sebagai sebuah entiti tersenarai dengan prestasi kewangan yang kukuh. Kunci kira-kira kami kekal kukuh dengan jumlah aset sebanyak RM16.5 bilion dan dana pemegang saham sebanyak RM6.1 bilion pada 31 Disember 2012. Pendapatan sesaham adalah sebanyak 28.5 sen manakala aset bersih sesaham adalah RM1.67.

Oleh itu, lembaga pengarah telah mencadangkan dividen akhir sebanyak 8.5 sen bagi 3,648,151,500 saham biasa di bawah sistem satu peringkat berjumlah RM310.0 juta. Digabungkan dengan dividen interim terdahulu sebanyak 5.5 sen sesaham yang dibayar pada 22 Oktober 2012, jumlah dividen bagi tahun ini adalah 14.0 sen sesaham, mewakili 64 peratus daripada keuntungan bersih.

Ini adalah selaras dengan janji kami yang dibuat dalam prospektus IPO untuk mengagihkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keuntungan bersih sebagai dividen kepada pemegang saham setiap tahun. Ia adalah bukti niat baik kami terhadap anda, dan kami akan melipatgandakan segala usaha untuk mendokong komitmen dasar dividen ini pada tahun-tahun akan datang.

Pembayaran dividen tersebut dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 180,000 pemegang saham termasuk majoriti 112,635 peneroka yang merupakan pemegang saham FGV. Di samping itu, menerusi Tabung Amanah Peneroka, semua peneroka di seluruh negara akan berkongsi pembayaran dividen akhir bagi 20 peratus saham yang dipegang oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) berjumlah RM62.02 juta. Ini adalah tambahan kepada RM40.13 juta yang telah diagihkan kepada mereka daripada dividen interim yang dibayar pada bulan Oktober 2012, menjadikan jumlah hasil untuk peneroka dari Tabung Amanah Peneroka sebanyak RM102.15 juta bagi tahun kewangan 2012.



MASA HADAPAN YANG CERAH

Melangkah ke hadapan, kebimbangan terhadap lebihan stok MSM terus melanda industri. Walau bagaimanapun, peningkatan permintaan pada bulan-bulan akan datang berikutan harga semasa yang rendah dan penubuhan Biodiesel Malaysia Sdn Bhd iaitu sebuah konsortium untuk melaksanakan inisiatif biodiesel oleh kerajaan baru-baru ini, akan membantu meningkatkan harga MSM.

Memandangkan perladangan adalah satu usaha jangka panjang, prospek kekal menggalakkan. Program Transformasi Ekonomi Malaysia (ETP) telah mengenal pasti minyak sawit sebagai satu komponen utama dalam ekonomi Malaysia bagi tempoh sepuluh tahun akan datang. Tumpuan adalah dalam memastikan produktiviti dan kemampanan industri menerusi peningkatan produktiviti penanaman kelapa sawit dan penggunaan biomas. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan sumbangan industri kepada pendapatan negara kasar (GNI) daripada RM125 bilion kepada RM178 bilion menjelang 2020.

FGV dengan ini kekal optimistik dengan prospeknya pada 2013. Hasil dijangka menunjukkan peningkatan sepanjang 2013 berbanding 2012 dengan berakhirnya tekanan ke atas pokok akibat cuaca. Kami telah melaksanakan dan akan meneruskan dengan pelbagai inisiatif peningkatan kecekapan bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos.

Satu lagi faktor utama adalah komitmen teguh FGV terhadap pengembangan hiliran dengan matlamat mempelbagaikan dan mewujudkan aliran pendapatan tambahan masa hadapan di seluruh rantaian nilai. Ini adalah bagi memenuhi wawasan jangka panjang FGV untuk menjadi pemain global yang dapat mengawal keseluruhan rantaian bekalan minyak sawit.

Kami berada dalam kedudukan yang amat baik untuk meneruskan rancangan pertumbuhan kami.

Penyenaraian FGV telah menghasilkan dana simpanan sebanyak RM4.5 bilion. Kami mempunyai modal yang diperlukan untuk meneruskan pelaburan di kawasan geografi yang baharu bagi mengukuhkan perniagaan perladangan teras kami serta bagi menceburi perniagaan baharu untuk memajukan lagi kedudukan kami sebagai pengeluar minyak dan lelemak serta produk barangan pengguna. Terdapat peluang untuk membangunkan produk-produk bernilai tinggi yang akan terus menyerlahkan nilai minyak sawit. Dalam hal ini, sejarah panjang FGV dan bukti kepakarannya dalam Penyelidikan & Pembangunan memberinya kedudukan yang baik untuk memanfaatkan inovasi dan mewujudkan peluang-peluang baharu daripada barisan perniagaannya.

keazaman untuk mencapai keputusan yang baik pada tahun yang agak mencabar untuk peserta industri minyak sawit.

Oleh itu, saya bagi pihak Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mengucapkan terima kasih kepada pasukan pengurusan dan kakitangan atas dedikasi dan sumbangan mereka yang tidak ternilai. Saya yakin bahawa dengan tadbir urus strategik disokong dengan kesungguhan dan komitmen, FGV boleh mengungguli pertanian komoditi dunia.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pemegang saham, pelanggan, kontraktor, rakan perniagaan dan semua pemegang kepentingan atas keyakinan, sokongan dan dedikasi berterusan anda kepada Syarikat. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan dalam Lembaga

SEMANGAT YANG DIKONGSI

Melewati tahun 2012, FGV telah mengguna pakai Rangka Tindakan Strategik Global yang menggariskan hala tuju peningkatan kami sehingga 2020.

Kini segalanya bergantung kepada semangat dan kesungguhan warga kerja kami untuk merealisasikan wawasan dan mewujudkan pertumbuhan mampan bagi syarikat kami. Saya yakin bahawa kami memiliki ramai bakat yang berkaliber tinggi dan individu yang berorientasikan hasil. Kakitangan kami telah bekerjasama untuk mengatasi pelbagai kesukaran dalam proses penyenaraian FGV yang amat mencabar. Mereka juga telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan sepenuh tumpuan, wawasan dan

Pengarah atas bimbingan mereka dan saya mengharapkan satu lagi tahun yang bermakna pada 2013.

Terima kasih.

YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD
Pengerusi

A Stunning Debut

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Warm Greetings

Dear valued shareholders,

Thanks to your participation, Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) made a stunning debut on the main market of Bursa Malaysia Securities Berhad on 28 June 2012.

YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad
Chairman

It was a listing exercise that placed FGV on the world map, given its status as the second largest Initial Public Offering (IPO) in the world at the time of listing. It was also the largest IPO in Asia in 2012, the largest public offering in Malaysia since November 2010 and the third largest IPO in the history of the Malaysian stock exchange. On top of it all, the exceptional response by both domestic and international investors surpassed market expectations and drew the world's attention to our company, our capital market, and our nation.

Given all of the above, not surprisingly post-listing, our company emerged as among the top 25 companies on Bursa Malaysia and the top ten listed plantation companies in the region.

A NEW MILESTONE

The IPO received an overwhelming response with its public portion of 72.96 million shares oversubscribed by 6.75 times. This is despite the IPO being launched amidst a troubled global economic environment caused by the US recession, a brewing European financial crisis and the slowing of growth in China.

However, the market responded positively to the opportunity to invest in a company involved in the recession-proof food business, anchored by solid credentials and operating within a robust ASEAN economic climate.

The listing raised RM10.45 billion, winning Malaysia tremendous international recognition and acclaim for its vibrant and resilient capital market. Together with subsequent Malaysian IPOs, FGV's listing boosted Malaysia's standing as the year's second largest market for IPOs in Asia. Malaysia emerged as also the fourth largest in the world, besting even London and Hong Kong to establish it as an attractive capital market destination.

Apart from raising capital for FGV's growth and expansion, the success of the IPO extended positive benefits to people and organisations within and without its universe. The selling shareholder, the Federal Land Development Authority (FELDA), received RM6 billion from the proceeds. Of this, RM1.7 billion went directly to 112,365 FELDA settler-smallholders in the form of RM15,000 windfall cash pay-outs. The resultant wealth created injected a multiplier effect into the local economy, benefitting national income and supporting the development of rural towns like Jengka, Temerloh, Jempol and Bahau. These rural towns are growing at least ten times as a result of the distribution of wealth from the IPO.

With the financial, structural and operational advantages gained from the listing exercise, the stage is now set for FGV to climb the ranks and become one of the top agro-business conglomerates in the world by 2020.

AN EVENTFUL YEAR

In 2012, the international economic landscape became more challenging as global growth moderated. Weakening economic conditions in several key economies affected international trade. This in turn created adverse effects on economic activities in emerging economies. In particular, the global economy was clouded by the Eurozone debt crisis and uncertainty over the outlook for the economies of the United States and China.

The gloomy global backdrop reined in international demand and slowed demand for Crude Palm Oil (CPO) from China. Coupled with growing supply from an aggressively expanding Indonesia, which pumped-up palm oil inventory to uncharacteristically high levels, the year 2012 saw lower than expected selling prices for CPO. Average CPO prices dropped to a range between RM2,800 and RM2,900 per tonne versus the previous year's average of RM3,219 per tonne. FGV's CPO prices reduced in tandem with this, transacting lower at RM2,843 per tonne last year compared to RM3,218 per tonne in 2011.

At company level, the most significant development in 2012 occurred in our plantation business. FGV entered into several agreements with FELDA in the first quarter of 2012 – with respect to 355,864 hectares of land in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. These agreements effectively changed FGV's business models by giving us full control of FELDA estates operations and making FGV the third largest oil palm operator in the world.

A CREDIBLE PERFORMANCE

In spite of the global economic environment, FGV remained resilient and continued to perform within expectations. The share performance after listing was encouraging, considering the challenges surrounding the oil palm industry in 2012.

For the financial year ended 31 December 2012, FGV achieved a profit of RM905.1 million after Land Lease Agreement (LLA) liability, tax and zakat. We also posted higher earnings before interest, tax, depreciation and amortisation (EBITDA) of RM1.44 billion. Profit before LLA and tax stood at a credible RM1.13 billion, achieved on the back of a 73 percent increase in revenue of RM12.89 billion compared to RM7.45 billion in 2011.

Though mostly attributed to falling CPO prices, the 35.4 percent lower net profit in 2012 resulted also from higher operational costs and a change of RM210.18 million arising from the Group's LLA. Contribution from FGV's significant associates – Tradewinds Malaysia Berhad and Felda Holdings Bhd (FHB) – also declined by 54 percent and 32 percent respectively. Added to this, in 2012 FGV incurred a one-off charge relating to IPO related expenses of RM61.1 million.

Of the different business segments, plantations contributed 53.3 percent of total revenue. This segment reported a hefty 77.7 percent rise in revenue, boosted by CPO sales of RM7.1 billion in spite of lower average CPO prices, lower Fresh Fruit Bunch (FFB) production and higher cost of sales in 2012. FFB production declined by 251,074 tonnes to 4.91 million tonnes. Leveraging, however, on heightened operational efficiencies in this division as well as having access to FFB harvest from 500,000 hectares of settlers estates, the Group maintained its CPO production of 3.29 million tonnes in 2012, at par with 2011.

The downstream segment, which attained a respectable turnaround, recorded RM20.5 million in pre-tax profit.

FGV's oleo-chemical business in United States also improved its financial position due to strong demand for fatty acids and glycerine from its key customers.

The Sugar segment, meanwhile, registered a 34 percent margin drop in profit before tax due to an increase in raw sugar costs although the revenue of RM2.3 billion was similar with 2011.

A PROMISE KEPT

In 2012, FGV ended the financial year as a listed entity with a solid financial performance. Our balance sheet remains strong with total assets of RM16.5 billion and shareholders' funds of RM6.1 billion as at 31 December 2012. Earnings per share stood at 28.5 sen while net assets per share were RM1.67.

As such, the Board has proposed a final dividend of 8.5 sen on 3,648,151,500 ordinary shares under the single-tier system amounting to RM310.0 million. Combined with the earlier interim dividend of 5.5 sen per share paid on October 22, 2012, the total dividends for the year is 14.0 sen per share, representing 64 per cent of dividend payout.

This is in keeping with the pledge made in our IPO prospectus to distribute at least 50 percent of net profit as dividends to shareholders every year. It is testimony of our good faith to you, and we will certainly expand every effort to uphold this good dividend policy commitment in future years.



The dividend payment is expected to benefit approximately 180,000 shareholders including the majority of 112,635 settlers who are FGV shareholders. In addition, through a Settler Trust Fund, all settlers nationwide will share in the payment of final dividends on 20 percent of shares held by FELDA amounting to RM62.02 million. Together with RM40.13 million distributed to them from the interim dividend paid out in October 2012, the total proceeds to settlers from the Settler Trust Fund amount to RM102.15 million for fiscal 2012.

A CLEAR FUTURE

Going forward, concerns on CPO stock overhang continue to plague the industry. However, increasing demand in the months ahead due to current low prices and the government's recent establishment of Biodiesel Malaysia Sdn Bhd, a consortium to implement biodiesel initiatives, promises to improve CPO prices.

Given that plantation is a long-term undertaking, prospects continue to be favourable. Malaysia's Economic Transformation Programme (ETP) identified palm oil as a major component of Malaysia's economy over the next ten years. The focus is on ensuring the productivity and sustainability of the industry by improving oil palm cultivation, productivity and enhancing utilisation of biomass. This is in line with the Government's efforts to increase the total gross national income (GNI) contribution of the industry by RM125 billion to RM178 billion by 2020.

FGV thus remains cautiously optimistic about its 2013 prospects. Yields are expected to show improvements throughout 2013 compared to 2012 with the end of the weather-induced tree stress. We have implemented and will continue with various efficiency-improvement initiatives to improve productivity and reduce costs.



Another key factor moving ahead is FGV's steadfast commitment to downstream expansion, with a view to diversify and create additional future revenue streams throughout the value chain. This is to fulfill FGV's long-term vision to be a global player able to exercise control over the entire palm oil supply chain.

We are in an enviable position to pursue our growth plans.

FGV's listing has resulted in a war-chest of RM4.5 billion. We have the capital needed to pursue investments into new geographies to strengthen our core plantation business as well as to venture into new businesses to develop further our position as a producer of oils and fats and consumer goods products. There are opportunities to develop high-value end products that would further unlock the value in palm oil. In this regard, FGV's long history and renowned expertise in R&D makes it well placed to capitalise on innovations and create new opportunities from its stable of businesses.

A SHARED PASSION

Entering 2012, FGV adopted a Global Strategic Blueprint which sets out our roadmap for advancement until 2020.

It is now down to the spirit and passion of our people to realise the possibilities presented by this shared vision and establish sustainable growth for our company. I have no doubt that we possess a talent pool of high calibre and result-oriented individuals. Our employees have determinedly worked together to overcome numerous adversities in FGV's highly challenging listing exercise. Similarly, they have conducted their responsibilities with focus, foresight and determination to deliver good results during a trying year for palm oil industry participants.

Therefore, it is my absolute pleasure, on behalf of the Board of Directors, to thank our management team and staff for their dedication and invaluable contribution. I am confident that with sound strategic governance supported by passion and commitment, FGV can turn into a star player at the world agri-commodities stage.

Finally, I would like to thank all our shareholders, customers, contractors, business partners and all our other stakeholders, for your confidence in, continued support for and dedication towards the Company. I also wish to thank my fellow Board of Directors for their guidance and look forward to another memorable year in 2013.

Thank you.

YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD
Chairman

FGV is set to unlock the value of its business further with its listing gains and a more efficient business structure. The time is ripe for us to grow strategically towards becoming a leading, globally diversified, integrated agri-business by increasing our landbank, participating in mergers and acquisitions and capitalising on downstream opportunities.

FGV bersedia untuk terus membebas kunci nilai perniagaannya menerusi keuntungan penyenaraiannya dan struktur perniagaan yang lebih cekap. Masanya telah tiba untuk kami berkembang secara strategik ke arah menjadi perniagaan pertanian global terkemuka yang bersepadu dan berkepelbagaian dengan menambahkan jumlah tanah kami, menyertai penggabungan dan pengambilalihan serta memanfaatkan peluang hiliran.

Reaching for the Stars

Menggapai Bintang



Vision

To be the leading globally diversified integrated agri-business

Mission

To be a global leader by:

- Creating value through our human capital
- Championing our locally invested culture
- Building an integrated value chain advantage
- Cultivating diversification in commodities and geography

Values

- Accountability
- Sustainability
- Human Dimension

Visi

Untuk menjadi perniagaan tani bersepadu dan berpelbagai yang terulung di dunia

Misi

Untuk menjadi pemimpin global dengan:

- Mewujudkan nilai melalui modal insan kami
- Memperjuangkan budaya tempatan
- Membina kelebihan melalui rantaian nilai bersepadu
- Mempertingkatkan kepelbagaian dari segi komoditi dan geografi

Nilai-nilai

- Kebertanggungjawaban
- Kemampanan
- Dimensi Insan

Corporate Profile
Profil Korporat

Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) is one of Malaysia's largest and most diversified agro-based companies focused on multiple crops especially oil palm and rubber, oils and fats, oleo-chemicals, sugar, logistics and other services. It has 49 subsidiaries, joint-venture companies and associates whose business footprint extends to 10 countries such as USA, China, Canada, Turkey, South Africa and Australia.

Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) adalah salah satu syarikat asas tani terbesar dan paling berkepelbagaian di Malaysia yang memberi tumpuan kepada pelbagai tanaman terutama kelapa sawit dan getah, minyak dan lelemak, oleokimia, gula, logistik dan perkhidmatan lain. Ia mempunyai 49 anak syarikat, syarikat-syarikat usahasama dan syarikat bersekutu yang mana tapak perniagaannya meliputi 10 buah negara seperti Amerika Syarikat, China, Kanada, Turki, Afrika Selatan dan Australia.

As the world's third largest palm oil operator, FGV operates 135 estates covering 343,521 hectares of oil palm plantation estates mainly in Malaysia. It also owns significant interest in Felda Holdings Bhd which is the world's largest producer of palm oil, producing 3.3 million tonnes of Crude Palm Oil (CPO) in 2011.

Felda Holdings, in turn, has 44 companies mainly based in Malaysia involved in the whole supply chain of palm oil activities such as CPO production, replanting activities, palm oil refining & fractionation, kernel oil production, estate management, research & development, cattle rearing, marketing & palm oil trading, production and distribution of packed products & cooking oils; and liquid & dry bulk storage. It owns 71 palm oil mills, seven refineries, four kernel crushing plants, 13 rubber factories, seven bulking installations, manufacturing plants and several logistic installations.

Through its listed subsidiary, MSM Malaysia Holdings Berhad, FGV is also the largest refined sugar producer in Malaysia. It produces 57 percent of the country's refined sugar products.

As a company aspiring to be a globally integrated, diversified multi-national corporation, FGV is also committed to all three principles of sustainability: profits, planet and people. It is pursuing an aggressive, strategic reform and expansion programme to ensure the vitality of its business. This stood at RM7.47 billion revenue and RM1.37 billion pre-tax profit in fiscal 2011. An active member of the Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) since 2004, FGV has a time-bound plan to achieve certification for all its mill complexes by 2017. Most notably, it was the first in the world to attain RSPO certification involving small holder estates and the first company outside Europe to achieve International Sustainability and Carbon Certification. In addition, it is at the forefront of renewable energy projects using oil palm biomass. FGV's 'green' power plant in Sabah is the world's first utilising 100 percent oil palm Empty Fruit Bunches (EFB).

FGV provides employment to some 23,000 employees, 20 percent of whom are descendants of FELDA settlers-smallholders. In addition, FGV's dividend payments seed a trust fund which supports the continued well-being of the 112,635 settlers. It also contributes yearly to Yayasan FELDA which runs various health and education programmes as well as other philanthropic activities.

FGV was listed on the Main Market of Bursa Malaysia Securities Berhad in June 2012.

Sebagai pengendali minyak sawit ketiga terbesar di dunia, FGV mengendalikan 135 estet yang meliputi 343,521 hektar ladang kelapa sawit terutamanya di Malaysia. Ia juga memiliki kepentingan yang besar dalam Felda Holdings Bhd yang merupakan pengeluar minyak sawit terbesar di dunia, menghasilkan 3.3 juta tan metrik minyak sawit mentah (CPO) pada tahun 2011.

Felda Holdings pula mempunyai 44 syarikat yang sebahagian besarnya berpangkalan di Malaysia dan terlibat dalam rantaian bekalan keseluruhan aktiviti minyak sawit seperti pengeluaran CPO, aktiviti penanaman semula, penapisan & pemeringkatan minyak sawit, pengeluaran minyak isirung, pengurusan estet, penyelidikan dan pembangunan, penternakan lembu , pemasaran dan perdagangan minyak sawit, pengeluaran dan pengedaran produk dibungkus & minyak masak, dan penyimpanan pukal cecair & kering. Ia memiliki 71 kilang minyak sawit, tujuh kilang penapisan, empat kilang penghancuran isirung, 13 kilang getah, tujuh pemasangan pukal, kilang-kilang pembuatan dan beberapa pemasangan logistik.

Menerusi anak syarikatnya yang tersenarai iaitu MSM Malaysia Holdings Berhad, FGV juga merupakan pengeluar terbesar gula halus di Malaysia. Ia menghasilkan 57 peratus daripada produk gula halus di negara ini.

Sebagai sebuah syarikat yang berazam untuk menjadi sebuah syarikat multinasional bersepadu dan berkepelbagaian di peringkat global, FGV juga komited kepada ketiga-tiga prinsip kemampanan: keuntungan, alam sekitar dan insan. Ia mengusahakan satu program reformasi dan pengembangan yang agresif dan strategik untuk memastikan daya maju perniagaannya. Ia menghasilkan perolehan sebanyak RM7.47 bilion dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.37 bilion pada tahun kewangan 2011. Ahli aktif Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO) sejak tahun 2004, FGV mempunyai pelan masa untuk mencapai pensijilan bagi semua kompleks kilangnya menjelang 2017. Paling penting adalah ia merupakan yang pertama di dunia mencapai pensijilan RSPO melibatkan estet peladang kecil dan syarikat pertama di luar Eropah mencapai Pensijilan Kemampanan dan Karbon Antarabangsa. Di samping itu, ia berada di barisan hadapan bagi projek-projek tenaga yang boleh diperbaharui menggunakan biomas minyak sawit. Loji kuasa 'hijau' FGV di Sabah adalah yang pertama di dunia menggunakan 100 peratus Tandan Kosong (TK) kelapa sawit.

FGV menyediakan pekerjaan kepada 23,000 pekerja di mana 20 peratus daripada mereka adalah keturunan peneroka-pekebun kecil FELDA. Di samping itu, pembayaran dividen FGV disalurkan kepada tabung amanah yang menjamin kesejahteraan berterusan peneroka seramai 112,635 orang. Ia juga menyumbang setiap tahun kepada Yayasan FELDA yang menjalankan pelbagai program kesihatan dan pendidikan serta lain-lain aktiviti amal.

FGV telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada Jun 2012.

Corporate Information
Maklumat Korporat

BOARD OF DIRECTORS
LEMBAGA PENGARAH

YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad
Chairman
Non-Independent Non-Executive Director
Pengerusi
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
Independent Non-Executive Director
(Appointed on 12 August 2012 as Non-Independent Non-Executive Director and re-designated as Independent Non-Executive Director on 24 April 2013)
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Dilantik pada 12 Ogos 2012 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas dan ditukar sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 24 April 2013)

Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah
Non-Independent Non-Executive Director
(Appointed on 29 November 2012)
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
(Dilantik pada 29 November 2012)

Datuk Dr Omar Salim
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Datuk Shahril Ridza Ridzuan
Independent Non-Executive Director
(Appointed on 18 January 2012)
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Dilantik pada 18 Januari 2012)

Dato' Abdul Rahman Ahmad
Independent Non-Executive Director
(Appointed on 18 January 2012)
(Resigned on 28 February 2013)
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Dilantik pada 18 Januari 2012)
(Meletak jawatan pada 28 Februari 2013)

Dato' Yahaya Abd Jabar
Independent Non-Executive Director
(Appointed on 18 January 2012)
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Dilantik pada 18 Januari 2012)

Dato' Paduka Ismee Ismail
Independent Non-Executive Director
(Appointed on 25 July 2012 as Non-Independent Non-Executive Director and re-designated as Independent Non-Executive Director on 24 April 2013)
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Dilantik pada 25 Julai 2012 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas dan ditukar sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 24 April 2013)

Datuk Wira Jalilah Baba
Independent Non-Executive Director
(Appointed on 25 July 2012)
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Dilantik pada 25 Julai 2012)

Dato' Sabri Ahmad
Group President/Chief Executive Officer
Non-Independent Executive Director
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Dr Mohd Emir Mavani Abdullah
Chief Executive Officer Designate
Non-Independent Executive Director
(Previously a Non-Independent Non-Executive Director. Re-designated with effect from 1 January 2013)
Ketua Pegawai Eksekutif Dilantik
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
(Sebelum ini Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas. Ditukar semula berkuatkuasa 1 Januari 2013)

Datuk Nozirah Bahari
Alternate Director to Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah
Non-Independent Non-Executive Director
(Appointed on 16 January 2013)
Pengarah Gantian kepada Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
(Dilantik pada 16 Januari 2013)

COMPANY SECRETARY
SETIAUSAHA SYARIKAT

Ida Suryati Datuk Abdul Rahim
(LS 0009477)

AUDITORS
JURUAUDIT

Messrs. PricewaterhouseCoopers
Chartered Accountants
Level 10, 1 Sentral
Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50706 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel : +603 2173 1188
Fax Faks : +603 2173 1288
Website Laman Web: www.pwc.com

SHARE REGISTRAR
PENDAFTAR SAHAM

Symphony Share Registrars Sdn Bhd
Level 6, Symphony House
Pusat Dagangan Dana 1
Jalan PJU 1A/46
47301 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia

Tel : +603 7841 8000
Fax Faks : +603 7841 8151/8152
Help Desk Meja Bantuan: +603 7849 0777

REGISTERED OFFICE
PEJABAT BERDAFTAR

Level 42, Menara Felda
Platinum Park
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel : +603 2859 0000
Fax Faks : +603 2859 0016

INVESTOR RELATIONS AND ENQUIRIES
PERHUBUNGAN PELABUR DAN PERTANYAAN

Level 6, Balai Felda
Jalan Gurney 1
54000 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel : +603 2692 8355
Fax Faks : +603 2692 8385
Website Laman Web: www.feldaglobal.com
E-mail E-mel: fgv.enquiries@feldaglobal.com

STOCK EXCHANGE LISTING
PENYENARAIAN PASARAN SAHAM

Main Market of Bursa Malaysia Securities Berhad
Listed since 28 June 2012
Stock Code: 5222
Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad
Disenaraikan sejak 28 Jun 2012
Kod Stok: 5222

Organisation Structure
Struktur Organisasi

- **Group President/Chief Executive Officer**
  Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
  - **Chief Executive Officer Designate**
    Ketua Pegawai Eksekutif Dilantik
    - Downstream (International/Domestic)
      Hiliran (Antarabangsa/Domestik)
  - **Chief Operating Officer** (Domestic Business Operation)
    Ketua Pegawai Operasi (Operasi Perniagaan Domestik)
    - Felda Holdings Bhd/ Manufacturing, Logistics & Others
      Felda Holdings Bhd/ Pembuatan, Logistik & Lain-lain
  - Plantations
    Perladangan
  - Sugar
    Gula
  - Research & Development
    Penyelidikan & Pembangunan
  - Group Human Resource & Corporate Services
    Sumber Manusia & Khidmat Korporat Kumpulan
  - Group Finance
    Kewangan Kumpulan
  - Group Strategy
    Strategi Kumpulan

Corporate Structure
Struktur Korporat



Legend:
Petunjuk:

Associate Companies
Syarikat Bersekutu

Jointly-Controlled Entity Companies
Syarikat Entiti Dikawal Bersama

* Detailed information is contained in the Financial Statements at Notes 21,22 & 23.
* Maklumat terperinci terkandung dalam Penyata Kewangan pada Nota 21,22 & 23.


100%
Felda Global Ventures Sugar Sdn Bhd
40%
MSM Malaysia Holdings Berhad
11%
100%
Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd
100%
Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd
100%
Astakonas Sdn Bhd
100%
MSM Properties Sdn Bhd
49%
Felda Holdings Bhd
100%
Felda Technoplant Sdn Bhd
100%
FPM Sdn Bhd
100%
Malaysia Cocoa Manufacturing Sdn Bhd
76.9%
Felda Agricultural Services Sdn Bhd
72.7%
Felda-Johore Bulkers Sdn Bhd
72%
Felda Palm Industries Sdn Bhd
71.4%
Felda Rubber Industries Sdn Bhd
51%
Felda Transport Services Sdn Bhd
51%
Felda Engineering Services Sdn Bhd
50%
FPG Oleochemicals Sdn Bhd
Other Businesses*
Perniagaan-perniagaan lain*
100%
Delima Oil Products Sdn Bhd
83%
Felda Kernel Products Sdn Bhd
67%
Felda Vegetable Oil Products Sdn Bhd
51%
Felda Marketing Services Sdn Bhd
Other Businesses*
Perniagaan-perniagaan lain*
Other Businesses*
Perniagaan-perniagaan lain*

FGV is one of the few Malaysian based oil palm plantation operators fully integrated along the palm oil value chain. FGV's group of companies and its associates operates refineries, oleochemicals and specialty fats plants, while also providing consumers with choice packed products and cooking oils. Saji cooking oil – our premier offering – enjoys a leading ten percent market share domestically. Participating in downstream activities enable FGV to ensure uptake of our upstream products and manage cyclical fluctuations.

FGV adalah salah satu daripada beberapa pengendali ladang kelapa sawit di Malaysia yang bersepadu sepenuhnya dalam rantaian nilai minyak sawit. Syarikat-syarikat Kumpulan FGV dan syarikat-syarikat bersekutunya mengendalikan loji-loji penapisan, oleo kimia dan lelemak khusus, serta menawarkan kepada pengguna produk-produk pilihan dibungkus dan minyak masak. Minyak masak Saji – produk ulung kami – menguasai sepuluh peratus bahagian pasaran domestik. Penyertaan kami dalam aktiviti-aktiviti hiliran membolehkan FGV memastikan pengambilan produk huluan dan menguruskan kitaran ketidaktentuan harga.

A Starring Role

Peranan Utama

CEO's Review
Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

In today's competitive world, being a market leader is not enough. The best companies are always thinking two steps ahead, taking ideas and solutions to the next growth level to ensure that the output is greater and more innovative than people can imagine. To be a leading star we have to shape the industry rather than react to it.

Dalam dunia kompetitif masakini, menjadi peneraju pasaran sahaja tidak mencukupi. Syarikat-syarikat terbaik sentiasa berada dua langkah di hadapan, membawa idea-idea dan penyelesaian ke tahap pertumbuhan seterusnya agar hasil yang diperolehi adalah lebih besar dan lebih inovatif daripada yang dijangka. Untuk menjadi peneraju utama kita perlu membentuk industri dan bukannya bertindakbalas terhadapnya.

GROWING OUR CORE STRENGTHS

MEMBANGUNKAN KEKUATAN TERAS

EXPANDING DOWNSTREAM CAPABILITIES

MENGEMBANGKAN KEUPAYAAN HILIRAN

RAISING SWEET PROSPECTS

MENINGKATKAN PROSPEK CERAH

LEVERAGING ON DIVERSE EXPERTISE

MEMANFAATKAN KEPAKARAN PELBAGAI

Bright Prospects Ahead

Prospek Cerah Di Masa Hadapan



Dato' Sabri Ahmad
Group President and Chief Executive Officer
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



Our vision for Felda Global Ventures (FGV) dates back to 2006 with the adoption of Five Strategic Thrusts to transform FELDA and exponentially grow its business. FGV's subsequent listing as well as business model change is part of a strategy put in place in 2007 which includes systems, processes and a revamped human capital in preparation for a new evolution. Today, we are pursuing targets set out in a Global Strategic Blueprint designed to achieve FGV's vision of becoming a globally diversified integrated agri-based multi-national corporation. Proceeds unlocked through the listing will fuel our drive to grow within the blueprint time frame of eight years.

Pada tahun 2003, beliau menyertai Kementerian Kewangan (MOF) dan memegang pelbagai jawatan termasuk Penolong Utama Setiausaha di Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Ketua Bahagian Ekonometrik, Ketua Perhubungan Pelbagai Hala, Timbalan Setiausaha Bahagian (Makro) Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, dan Setiausaha Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) pada tahun 2011. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha MOF.

Terkini, beliau merupakan Pengerusi Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan dan menjadi ahli lembaga pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Dana Pembangunan Pasaran Modal, Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia, Lembaga Tabung Haji, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), Danainfra Nasional Berhad, Malaysia Airline System Berhad (MAS), Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan GovCo Holdings Berhad. Beliau merupakan calon pengarah Kementerian Kewangan (Diperbadankan), pemegang Saham Khas FGV di bawah Memorandum dan Tataurusan Pertubuhan FGV.

Beliau telah menghadiri satu daripada dua Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan sejak pelantikan beliau sebagai Pengarah. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan sepanjang sepuluh tahun lepas.

Datuk Dr Omar Salim

Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Datuk Dr Omar Salim, aged 55, a Malaysian, was appointed to the Board as a Non-Independent Non-Executive Director on 27th September 2010. He is the Chairman of the Investment Committee and a member of the Audit Committee, Nomination Committee, Remuneration Committee and Board Steering Committee.

He graduated with a Bachelor in Arts from the University of Malaya in 1981 and obtained his Diploma in Public Administration and Diploma in Management Science both from the National Institute of Public Administration (INTAN) in 1982 and 1990, respectively. He further pursued his Master of Business Administration from University of Birmingham, United Kingdom in 1995 and his Doctorate in Business Administration from Universiti Kebangsaan Malaysia in 2004.

He started his career in 1983 with the Public Services Commission as Assistant Secretary. He then moved to the Prime Minister's Office and was appointed as Assistant Director in Public Services Department.

He was previously the Assistant Secretary at Kawal Selia Telekom, a Director of Malaysia Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU), the Deputy Secretary in the Finance Ministry and a Director in the Internal Audit and Inspection at Malaysia Maritime Enforcement Agency. He is currently the Head of Unit in Unit Kawal Selia FELDA of the Prime Minister's Department. He is a director of Federal Land Development Authority (FELDA) and several companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

He attended all 24 Board Meetings held during the financial year under review. He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

Datuk Dr Omar Salim, berusia 55 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 27 September 2010. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya pada tahun 1981 dan memperoleh Diploma dalam Pentadbiran Awam dan Diploma Sains Pengurusan kedua-duanya dari Institut Tadbiran Awam (INTAN) masing-masing pada tahun 1982 dan 1990. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Birmingham, United Kingdom pada tahun 1995 dan Doktor Falsafah dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2004.

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1983 dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebagai Penolong Setiausaha. Beliau kemudian berpindah ke Pejabat Perdana Menteri dan telah dilantik sebagai Penolong Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Beliau sebelum ini adalah Penolong Setiausaha di Kawal Selia Telekom, Pengarah Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Timbalan Setiausaha di Kementerian Kewangan dan Pengarah Audit Dalaman dan Pemeriksaan di Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Beliau kini merupakan Ketua Unit di Unit Kawal Selia FELDA Jabatan Perdana Menteri. Beliau merupakan seorang pengarah di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan beberapa syarikat di dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

Beliau telah menghadiri kesemua 24 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan sepanjang sepuluh tahun lepas.

Board of Directors
Lembaga Pengarah

Datuk Shahril Ridza Ridzuan

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Datuk Shahril Ridza Ridzuan, aged 42, a Malaysian, was appointed to the Board as an Independent Non-Executive Director on 18th January 2012. He is also the Chairman of the Audit Committee.

He graduated with a Bachelor of Civil Law from Oxford University, United Kingdom in 1992 and Master of Arts from Cambridge University, United Kingdom in 1993 and has been called to the Malaysian Bar and the Bar of England and Wales. He began his career as a Legal Assistant at Zain & Co. He then served as the Special Assistant to the Executive Chairman of Trenergy (M) Berhad/Turnaround Managers Inc (M) Sdn Bhd and subsequently joined Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.

He also held the position of Executive Director of SSR Associates Sdn Bhd and the Group Managing Director of Malaysian Resources Corporation Berhad. He is currently the Chief Executive Officer of Employees Provident Fund. He is also a director of Malaysian Resources Corporation Berhad, Malaysia Building Society Berhad, Media Prima Berhad, PLUS Malaysia Berhad and Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.

He attended 17 out of 22 Board Meetings of the Company held during the financial year under review since his appointment as Director. He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

Datuk Shahril Ridza Ridzuan, berusia 42 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 18 Januari 2012. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Sivil dari Universiti Oxford, United Kingdom pada tahun 1992 dan Ijazah Sarjana Sastera dari Cambridge University, United Kingdom pada tahun 1993 dan telah dipanggil ke Badan Peguam Malaysia dan Bar of England and Wales. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pembantu Perundangan di Zain & Co. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif Trenergy (M) Berhad/Turnaround Managers Inc (M) Sdn Bhd dan seterusnya menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Eksekutif SSR Associates Sdn Bhd dan Pengarah Urusan Kumpulan Malaysian Resources Corporation Berhad. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Beliau juga merupakan seorang pengarah di Malaysian Resources Corporation Berhad, Malaysia Building Society Berhad, Media Prima Berhad, PLUS Malaysia Berhad dan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.

Beliau telah menghadiri 17 daripada 22 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun kewangan 31 Disember 2012 sejak pelantikan beliau sebagai Pengarah. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan sepanjang sepuluh tahun lepas.

Dato' Yahaya Abd Jabar

Senior Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan

Dato' Yahaya Abd Jabar, aged 60, a Malaysian, was appointed to the Board on 18th January 2012. He was then appointed as Senior Independent Non-Executive Director on 12th October 2012. He is also the Chairman of Felda Global Ventures Holdings Berhad's Remuneration Committee and a Member of the Audit Committee, Nomination Committee and Board Steering Committee.

He graduated with a Bachelor of Arts (Honours) in International Relations from the University of Malaya in 1975. He began his career in the Ministry of Foreign Affairs in 1975 with the Administrative and Diplomatic Service of Malaysia. While abroad he served in a number of Malaysian Missions including in Saudi Arabia, Indonesia, Italy and Thailand and became an Ambassador in 1999.

He was previously the Ambassador to Uzbekistan, the High Commissioner to South Africa, Mozambique, Botswana, Lesotho, Swaziland and Madagascar, the Alternate Member of the Malaysian delegation to the 56th General Assembly of the United Nations in New York, the Chief Protocol at the Ministry of Foreign Affairs and the Ambassador of Malaysia to the United Arab Emirates. He retired from the Diplomatic Service of Malaysia on 25 December 2011 after spending 36 years in various positions, both in and outside of Malaysia.

He attended all 22 Board Meetings of the Company during the financial year under review since his appointment as Director. He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

Dato' Yahaya Abd Jabar, berusia 60 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah pada 18 Januari 2012. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan pada 12 Oktober 2012. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan Felda Global Ventures Holdings Berhad dan ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Ahli Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Perhubungan Antarabangsa dari Universiti Malaya pada tahun 1975. Beliau memulakan kerjaya di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada tahun 1975 dengan Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia. Ketika di luar negara, beliau telah berkhidmat dalam beberapa Misi Malaysia termasuk di Arab Saudi, Indonesia, Itali dan Thailand dan menjadi Duta pada tahun 1999.

Beliau sebelum ini merupakan Duta ke Uzbekistan, Pesuruhjaya Tinggi ke Afrika Selatan, Mozambique, Botswana, Lesotho, Swaziland dan Madagascar, Ahli Silih Ganti delegasi Malaysia ke Perhimpunan Agung ke-56 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Ketua Protokol di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Duta Besar Malaysia ke Emiriyah Arab Bersatu. Beliau bersara dari Perkhidmatan Diplomatik Malaysia pada 25 Disember 2011 selepas berkhidmat selama 36 tahun dalam pelbagai jawatan, di dalam dan luar Malaysia.

Beliau telah menghadiri kesemua 22 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat sepanjang tahun kewangan 31 Disember 2012 sejak pelantikan beliau sebagai Pengarah. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan sepanjang sepuluh tahun lepas.

Dato' Paduka Ismee Ismail

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Paduka Ismee Ismail, aged 48, a Malaysian, was appointed as a Non-Independent Non-Executive Director of FGV on 25th July 2012 and was re-designated as Independent Non-Executive Director on 24th April 2013. He is also a Member of the Audit Commitee.

He is a Fellow Member of the Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) and a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA). He began his career as a Management Accountant in Arab Malaysian Development Berhad in 1987. Subsequently, he joined Shell Group of Companies Malaysia and held various positions including as the Head of Forex and Banking of Shell Malaysia Ltd. and the Group Accountant of Shell Malaysia Trading Sdn Bhd.

He then returned to Arab Malaysian Development Berhad as the General Manager, before joining Pengurusan Danaharta Nasional Berhad as its Chief Accountant/Treasurer. He also held various positions including as Senior Vice-President, Medical Online (M) Sdn Bhd; Senior General Manager (Finance), Lembaga Tabung Haji and Chief Executive Officer, ECM Libra Securities Sdn Bhd. Currently, he is the Group Managing Director and Chief Executive Officer of Lembaga Tabung Haji. He is also the Chairman of Syarikat Takaful Malaysia Berhad and a director of BIMB Holdings Berhad, TH Plantations Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad and 1Malaysia Development Berhad.

He attended all five Board Meetings of the Company held during the financial year under review since his appointment as Director. He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

Dato' Paduka Ismee Ismail, berusia 48 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas FGV pada 25 Julai 2012 dan telah dilantik semula sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 24 April 2013. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Audit.

Beliau adalah Ahli Fellow Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) dan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau memulakan kerjaya sebagai Akauntan Pengurusan di Arab Malaysian Development Berhad pada tahun 1987. Selepas itu, beliau menyertai Shell Group of Companies Malaysia dan memegang pelbagai jawatan termasuk sebagai Ketua Forex dan Perbankan Shell Malaysia Bhd dan Akauntan Kumpulan Shell Malaysia Trading Sdn Bhd.

Beliau kemudian kembali ke Arab Malaysian Development Berhad sebagai Pengurus Besar, sebelum menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad sebagai Ketua Akauntan/Bendahari. Beliau juga pernah memegang pelbagai jawatan termasuk sebagai Naib Presiden Kanan, Medical Online (M) Sdn Bhd; Pengurus Besar Kanan (Kewangan), Lembaga Tabung Haji dan Ketua Pegawai Eksekutif, ECM Libra Securities Sdn Bhd. Pada masa ini, beliau adalah Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji. Beliau juga adalah Pengerusi Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan seorang pengarah di BIMB Holdings Berhad, TH Plantations Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad dan 1Malaysia Development Berhad.

Beliau telah menghadiri kesemua lima Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan sejak pelantikan beliau sebagai Pengarah. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan sepanjang sepuluh tahun lepas.

Datuk Wira Jalilah Baba

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Datuk Wira Jalilah Baba, a Malaysian, aged 59, was appointed as an Independent Non-Executive Director of FGV on 25th July 2012. She is also a Member of the Audit Committee, Remuneration Committee and Investment Committee.

She holds a Bachelor of Arts (Economic) Honours from University of Malaya and is one of the top economists in the country with expertise in handling investment related matters especially attracting FDI (Foreign Direct Investment), tax matters, Industry and high impact incentives packages. She has been the chief negotiator in attracting and evaluating High Impact Projects for Malaysia. She is source of reference for economics and investment matters by the media. She is known as an articulate speaker with excellent public relation communication skills and has been the lead speaker for Malaysia at various national and international conferences.

Datuk Wira Jalilah Baba retired from the Government service as the Director General and Chief Executive Officer of MIDA (Malaysian Investment Development Authority) in August 2011. She served MIDA for the past 30 years and has acquired knowledge on several specific industries in manufacturing and services such as, palm oil processing and downstream industries; oil and gas, renewable energy, green technology, advanced electronics, media and many others. She was part of the team in developing and implementing the Industrial Master Plan for Malaysia as well as placing Malaysia into the Global Supply Chain. Malaysia's progress to date can be highly correlated with the various strategies employed by MIDA in investment matters.

She spearheaded organisation's re-engineering and transformation with focus on process improvements and documentation; issues related to international ISO certifications and privatisation and corporatisation, which was her latest assignment in MIDA. Currently she is the Chairman of PKT Logistics Group Sdn Bhd, Crewstone International Sdn Bhd and a Member of the International Advisory Panel of Labuan Financial Services Authority. She is also a Board Member of RHB Capital Berhad, KOMARKCorp Berhad and QL Resources Berhad.

She attended four out of five Board Meetings of the Company held during the financial year under review since her appointment as Director. She has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company. She has not been convicted for any offences within the past ten years.

Datuk Wira Jalilah Baba, warganegara Malaysia, berusia 59 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas FGV pada 25 Julai 2012. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Pelaburan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) Kepujian dari Universiti Malaya dan merupakan salah seorang ahli ekonomi utama di negara ini yang mempunyai kepakaran dalam mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan terutama dalam menarik FDI (Pelaburan Langsung Asing), perkara-perkara cukai, Industri dan pakej insentif berimpak tinggi. Beliau telah menjadi perunding utama dalam menarik dan menilai Projek Berimpak Tinggi untuk Malaysia. Beliau merupakan pusat rujukan utama bagi hal-hal ekonomi dan pelaburan oleh pihak media. Beliau dikenali sebagai seorang penceramah lantang dengan kemahiran komunikasi perhubungan awam yang baik dan telah menjadi penceramah utama bagi Malaysia di pelbagai persidangan kebangsaan dan antarabangsa.

Datuk Wira Jalilah Baba bersara daripada perkhidmatan Kerajaan sebagai Ketua Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) pada Ogos 2011. Beliau telah berkhidmat dengan MIDA selama 30 tahun dan telah meraih kepakaran dalam beberapa industri khusus dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan seperti pemprosesan minyak sawit dan industri hiliran; minyak dan gas; tenaga boleh diperbaharui, teknologi hijau, elektronik moden, media dan pelbagai lagi. Beliau merupakan sebahagian daripada pasukan yang membangun dan melaksanakan Pelan Induk Perindustrian untuk Malaysia serta meletakkan Malaysia dalam Rantaian Bekalan Global. Kemajuan Malaysia sehingga hari ini boleh dikait rapat dengan pelbagai strategi yang dilaksanakan oleh MIDA dalam hal-hal pelaburan.

Beliau telah mengetuai kejuruteraan semula dan transformasi organisasi dengan tumpuan ke atas peningkatan proses dan dokumentasi; isu-isu berkaitan pensijilan ISO antarabangsa serta penswastaan dan pengkorporatan, yang mana merupakan tugasan terkini beliau di MIDA. Terkini, beliau merupakan Pengerusi PKT Logistics Group Sdn Bhd, Crewstone International Sdn Bhd dan Ahli di International Advisory Panel of Labuan Financial Services Authority. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah RHB Capital Berhad, KOMARKCorp Berhad dan QL Resources Berhad.

Beliau telah menghadiri empat daripada lima Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan sejak pelantikan beliau sebagai Pengarah. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan sepanjang sepuluh tahun lepas.

Dato' Sabri Ahmad

Group President/Chief Executive Officer,
Non-Independent Executive Director
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan,
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Dato' Sabri Ahmad, aged 65, a Malaysian, was appointed to the Board on 12th January 2010. He is a Non-Independent Executive Director and Group President and Chief Executive Officer of FGV. He is also a member of the Board Steering Committee.

He graduated with a Bachelor in Science (Agriculture) from the University of Malaya and a Master of Science (Agricultural Economics) from University of London, England. He further pursued an Advanced Diploma in International Studies at Rhode Island University, United States of America in 1980 and an Advanced Diploma in Management at University of Oxford, England in 1996.

He started his career in 1970 with the Ministry of Agriculture and later pursued his career with the Fisheries Development Authority as the Deputy Director General in 1973. He joined Harrisons Malaysia Plantations Berhad in 1985 until 1989 where he worked in various capacities. He became the Director in charge of marketing for Golden Hope Plantations Berhad in 1990 and was appointed its Group Chief Executive Officer and Director in 2004. He was the Chairman of Malaysian Palm Oil Board from 2007 to 2010. He is currently a Director of MSM Malaysia Holdings Berhad and the Managing Director of Felda Holdings Bhd. He is also a director of Federal Land Development Authority (FELDA) and several companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

He attended all 24 Board Meetings held during the financial year under review. He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

Dato' Sabri Ahmad, berusia 65 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah pada 12 Januari 2010. Beliau merupakan Pengarah Eksekutif Bukan Bebas serta Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains (Pertanian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Sains (Ekonomi Pertanian) dari University of London, England. Beliau kemudian memperoleh Diploma Lanjutan Pengajian Antarabangsa di Rhode Island University, Amerika Syarikat pada tahun 1980 dan Diploma Lanjutan dalam Pengurusan di University of Oxford, England pada tahun 1996.

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1970 dengan Kementerian Pertanian dan kemudiannya melanjutkan kerjaya dengan Lembaga Kemajuan Ikan sebagai Timbalan Ketua Pengarah pada tahun 1973. Beliau menyertai Harrisons Malaysian Plantations Berhad pada tahun 1985 sehingga tahun 1989 di mana beliau telah memegang pelbagai jawatan. Beliau menjadi Pengarah yang bertanggungjawab ke atas pemasaran untuk Golden Hope Plantations Berhad pada tahun 1990 dan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah pada tahun 2004 di syarikat tersebut. Beliau merupakan Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia dari 2007 hingga 2010. Beliau kini merupakan Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad dan Pengarah Urusan Felda Holdings Bhd. Beliau juga merupakan pengarah di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan beberapa syarikat di dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

Beliau telah menghadiri kesemua 24 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan sepanjang sepuluh tahun lepas.

Dr Mohd Emir Mavani Abdullah

Chief Executive Officer Designate with effect from 1 January 2013,
Non-Independent Executive Director
Ketua Pegawai Eksekutif Dilantik berkuatkuasa 1 Januari 2013,
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Dr Mohd Emir Mavani Abdullah, aged 49, a Malaysian, was appointed to the Board on 1st January 2012 as a Non-Independent Non-Executive Director and subsequently appointed as Chief Executive Officer Designate of FGV on 1st January 2013 and redesignated as Non-Independent Executive Director. He is also a Member of FGV's Board Steering Committee.

He graduated with a Chemistry Degree from Universiti Kebangsaan Malaysia in 1987 and obtained his Masters of Engineering Management from Warwick University, United Kingdom in 2000. He further pursued his Doctorate in Government Reforms from Warnborough University, United Kingdom in 2008 and had completed various executive education programmes in institutions such as Harvard and Yale in 2002 and 2003, respectively. He is a leading expert in economic and government administration reform in the Middle East and Asia for the past 20 years.

He was previously the Senior Advisor to the United Nations Development Program on various projects in the Middle East and North Africa region between 1998 to 2004, the Coordinator for Good Governance of Organization for Economic Cooperation and Development for the Arab region between 2002 to 2004, the Advisor to the Minister of Finance in the United Arab Emirates from 2002 to 2007 and the Strategic Advisor to the Executive Council of Abu Dhabi for the period of 2008 to 2010. Prior to his current position, he was a Director in charge of National Key Economic Areas (NKEA), Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU), in the Prime Minister's Department and also a Chief Executive Officer of Malaysia Petroleum Resource Corporation, the Prime Minister's Department and a Director of Malaysia Nuclear Power Corporation. He is a director of Australia Agricultural Company Limited, a public company listed on Australia Stock Exchange. He is currently a Director of MSM Malaysia Holdings Berhad and a Director of several companies within Felda Global Ventures Group of Companies .

He attended 20 out of 24 Board Meetings held during the financial year under review. He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

Dr Mohd Emir Mavani Abdullah, berusia 49 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2012 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas dan seterusnya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Dilantik bagi FGV pada 1 Januari 2013 dan dilantik semula sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas. Beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah FGV.

Beliau berkelulusan Ijazah Kimia dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1987 dan memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan Kejuruteraan dari Warwick University, United Kingdom pada tahun 2000. Beliau seterusnya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam Pembaharuan Kerajaan dari Warnborough University, United Kingdom pada tahun 2008 dan telah menjalani pelbagai program pendidikan eksekutif di institusi-institusi seperti Harvard dan Yale masing-masing pada tahun 2002 dan 2003. Beliau adalah seorang pakar terkemuka dalam pembaharuan ekonomi dan pentadbiran kerajaan di Timur Tengah dan Asia sejak 20 tahun yang lalu.

Beliau sebelum ini merupakan Penasihat kepada Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi pelbagai projek di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara di antara tahun 1998 hingga 2004, Penyelaras bagi Tadbir Urus yang Baik Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan bagi rantau Arab antara tahun 2002 hingga 2004, Penasihat kepada Menteri Kewangan di Emiriyah Arab Bersatu dari 2002 hingga 2007 dan Penasihat Strategik kepada Majlis Eksekutif Abu Dhabi bagi tempoh 2008 hingga 2010. Sebelum memegang jawatan sekarang, beliau merupakan Pengarah yang bertanggungjawab ke atas Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) di Jabatan Perdana Menteri dan juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Petroleum Resource Corporation di Jabatan Perdana Menteri selain Pengarah di Malaysia Nuclear Power Corporation. Beliau adalah seorang pengarah di Australia Agricultural Company Limited, sebuah syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Saham Australia. Beliau kini merupakan Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad dan Pengarah dibeberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

Beliau telah menghadiri 20 daripada 24 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan sepanjang sepuluh tahun lepas.

Board of Directors
Lembaga Pengarah

Datuk Nozirah Bahari

Alternate Director to Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah,
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Gantian kepada Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah,
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Datuk Nozirah Bahari, Malaysian, aged 57, was appointed as an Alternate Director to Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah of FGV on 16th January 2013.

She obtained her Bachelor's Degree in Social Science (Urban Studies) from University of Science Malaysia and holds a Diploma in Public Administration, Institute of Public Administration (INTAN). She has also attended several Senior Management Courses such as Global Leadership Development Programme organised by the International Centre for Leadership in Finance and Advanced Management Training in Harvard Business School.

She has over 30 years of service in the Malaysian Civil Service starting as Assistant Secretary, Finance Division in the Ministry of Finance before appointed in her current position. Among other positions she has held were Deputy Under Secretary, Procurement and Supplies Division (2002-2004), Deputy Under Secretary, Loan Management, Financial Market and Actuary Division (2005-2007), Under Secretary, Loan Management, Financial Market and Actuary Division (2007-2011) and Director of Budget Management Division (21 March-20 May 2011) in the Ministry of Finance. She has also served in various other Ministries including the Ministry of Health, Ministry of Agriculture as well as Director of Modernization and Management Planning Unit (MAMPU) Sabah and Deputy Finance Officer of Treasury Sabah. She is currently the Deputy Secretary General (Management) in the Ministry of Finance. Prior to this she was the Director of the Budget Management Division in the Ministry of Finance. She is also currently a director of Proton Holdings Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Federal Land Development Authority (FELDA) and a member of the Investment Panel of Retirement Fund Incorporated (KWAP).

She has not attended any Board Meetings of the Company held during the financial year ended 31st December 2012 review as she was appointed in January 2013. She has no conflict of interest with the Company and do not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company. She has not been convicted for any offences within the past ten years.

Datuk Nozirah Bahari, warganegara Malaysia, berusia 57 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Gantian kepada Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah pada 16 Januari 2013.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Pengajian Bandar) dari Universiti Sains Malaysia dan memegang Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam (INTAN). Beliau juga telah menghadiri beberapa Kursus Pengurusan Kanan seperti Program Pembangunan Kepimpinan Global yang dianjurkan oleh Pusat Antarabangsa bagi Kepimpinan dalam Kewangan dan Latihan Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School.

Beliau mempunyai lebih 30 tahun pengalaman berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Malaysia, bermula sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Kewangan di Kementerian Kewangan sebelum dilantik dalam jawatan sekarang. Antara jawatan lain yang pernah disandang beliau ialah Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Bekalan dan Pemerolehan (2002-2004), Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Pinjaman, Bahagian Aktuari dan Pasaran Kewangan (2005-2007), Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Pinjaman, Bahagian Aktuari dan Pasaran Kewangan (2007-2011) dan Pengarah Bahagian Pengurusan Belanjawan (21 Mac-20 Mei 2011) di Kementerian Kewangan. Beliau juga telah berkhidmat di pelbagai kementerian lain termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian serta Pengarah Unit Perancangan Pengurusan dan Pemodenan (MAMPU) Sabah dan Timbalan Pegawai Kewangan di Perbendaharaan Sabah. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) di Kementerian Kewangan. Sebelum ini beliau merupakan Pengarah Bahagian Pengurusan Belanjawan di Kementerian Kewangan. Terkini, beliau merupakan seorang pengarah di Proton Holdings Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP).

Beliau tidak menghadiri sebarang Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 kerana beliau dilantik pada bulan Januari 2013. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan sepanjang sepuluh tahun lepas.

Dato' Abdul Rahman Ahmad

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Abdul Rahman Ahmad, aged 43, a Malaysian, was appointed to the Board as an Independent Non-Executive Director on 18th January 2012. He was also a Member of the Audit Committee and Remuneration Committee.

He graduated with a Master of Arts in Economics from Cambridge University, United Kingdom in 1992 and is a member of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW). He began his career in 1992 at Arthur Andersen, London, United Kingdom. He then served as the Special Assistant to the Executive Chairman of Trenergy (M) Berhad/Turnaround Managers Inc (M) Sdn Bhd and subsequently joined Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.

He also held the position of Executive Director of SSR Associates Sdn Bhd, the Group Managing Director and Chief Executive Officer of Malaysian Resources Corporation Berhad, the Executive Director of Sistem Televisyen Malaysia Berhad and the Group Managing Director and Chief Executive Officer of Media Prima Berhad. He is currently the Chief Executive Officer of Ekuiti Nasional Berhad. He is also a director of Malaysian Resources Corporation Berhad, Kota Bayu Ekuiti Berhad, Axiata Group Berhad and Konsortium Logistik Berhad.

He attended 18 out of 22 Board Meetings of the Company held during the financial year under review since his appointment as Director. He resigned from the Board of the Company on 28 February 2013. He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

Dato' Abdul Rahman Ahmad, berusia 43 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 18 Januari 2012. Beliau juga pernah menjadi ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Imbuhan.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Sastera dalam Ekonomi dari Universiti Cambridge, United Kingdom pada tahun 1992 dan merupakan ahli Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales (ICAEW). Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1992 di Arthur Andersen, London, United Kingdom. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif Trenergy (M) Berhad/Turnaround Managers Inc (M) Sdn Bhd dan seterusnya menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Eksekutif SSR Associates Sdn Bhd, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Resources Corporation Berhad, Pengarah Eksekutif Sistem Televisyen Malaysia Berhad dan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima Berhad. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad. Beliau juga merupakan seorang pengarah di Malaysian Resources Corporation Berhad, Kota Bayu Ekuiti Berhad, Axiata Group Berhad dan Konsortium Logistik Berhad.

Beliau telah menghadiri 18 daripada 22 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan sejak pelantikan beliau sebagai Pengarah. Beliau meletak jawatan dari Lembaga Pengarah Syarikat pada 28 Februari 2013. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan sepanjang sepuluh tahun lepas.

Senior Management
Pengurusan Kanan

DATO' SABRI AHMAD

Group President/Chief Executive Officer
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Dato' Sabri Ahmad, 65, a Malaysian, was appointed as Group President and Chief Executive Officer of Felda Global Ventures Holdings Berhad on 15 July 2010. He is a Non-Independent Executive Director and a member of the Board Steering Committee of Felda Global Ventures Holdings Berhad. He is also the Managing Director of Felda Holdings Bhd.

He graduated with a Bachelor in Science (Agriculture) from the University of Malaya and a Master of Science (Agricultural Economics) from University of London, England. He further pursued an Advanced Diploma in International Studies at Rhode Island University, United States of America in 1980 and an Advanced Diploma in Management at University of Oxford, England in 1996.

He started his career in 1970 with the Ministry of Agriculture and later pursued his career with the Fisheries Development Authority as the Deputy Director General in 1973. He joined Harrisons Malaysia Plantations Berhad in 1985 until 1989 where he worked in various capacities. He became the Director in charge of marketing for Golden Hope Plantations Berhad in 1990 and was appointed its Group Chief Executive Officer and Director in 2004. He was the Chairman of Malaysian Palm Oil Board from 2007 to 2010. He is currently a director of MSM MAlaysia Holdings Berhad, Federal Land Development Authority (FELDA) and several companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

Dato' Sabri Ahmad, 65, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Felda Global Ventures Holdings Berhad pada 15 Julai 2010. Beliau merupakan Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan ahli Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah Felda Global Ventures Holdings Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Felda Holdings Berhad.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Pertanian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Sains (Ekonomi Pertanian) dari University of London, England. Beliau juga memperoleh Diploma Lanjutan Pengajian Antarabangsa dari Rhode Island University, Amerika Syarikat pada tahun 1980 dan Diploma Lanjutan dalam Pengurusan dari University of Oxford, England pada tahun 1996.

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1970 dengan Kementerian Pertanian dan kemudian dengan Lembaga Kemajuan Ikan sebagai Timbalan Ketua Pengarah pada tahun 1973. Beliau menyertai Harrisons Malaysian Plantations Berhad pada tahun 1985 sehingga tahun 1989 dimana beliau berkhidmat dalam pelbagai jawatan. Beliau menjadi Pengarah yang bertanggungjawab ke atas pemasaran untuk Golden Hope Plantations Berhad pada tahun 1990 dan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarahnya pada tahun 2004. Beliau merupakan Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia dari 2007 hingga 2010. Beliau kini merupakan ahli Lembaga Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan beberapa syarikat di dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

DR MOHD EMIR MAVANI ABDULLAH

Chief Executive Officer Designate
Ketua Pegawai Eksekutif Dilantik

Dr Mohd Emir Mavani Abdullah, aged 49, a Malaysian, was appointed as Chief Executive Officer Designate of Felda Global Ventures Holdings Berhad on 1 January 2013. He was appointed as a Non-Independent Non-Executive Director of Felda Global Ventures Holdings Berhad on 1 January 2012 before being redesignated as a Non-Independent Executive Director on 1 January 2013. He is also a member of the Board Steering Committee of Felda Global Ventures Holdings Berhad.

He graduated with a Chemistry Degree from Universiti Kebangsaan Malaysia in 1987 and obtained his Masters of Engineering Management from Warwick University, United Kingdom in 2000. He further pursued his Doctorate in Government Reforms from Warnborough University, United Kingdom in 2008 and had completed various executive education programmes in institutions such as Harvard and Yale in 2002 and 2003, respectively.

He is a leading expert in economic and government administration reform in the Middle East and Asia for the past 20 years. He was previously the Senior Advisor to the United Nations Development Program on various projects in the Middle East and North Africa region between 1998 to 2004, the Coordinator for Good Governance of Organization for Economic Cooperation and Development for the Arab region between 2002 to 2004, the Advisor to the Minister of Finance in the United Arab Emirates from 2002 to 2007 and the Strategic Advisor to the Executive Council of Abu Dhabi for the period from 2008 to 2010. Prior to his current position, he was a Director in charge of National Key Economic Areas (NKEA), Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU), in the Prime Minister's Department and also a Chief Executive Officer of Malaysia Petroleum Resource Corporation, the Prime Minister's Department and a Director of Malaysia Nuclear Power Corporation. He is a Director of Australia Agricultural Company Limited, a public company listed on Australia's Stock Exchange and sits on the Board of several companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

He is currently a Director of MSM Malaysia Holdings Berhad and a Director of several companies within Felda Global Ventures Group of Companies.

Dr Mohd Emir Mavani Abdullah, 49, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Dilantik Felda Global Ventures Holdings Berhad pada 1 Januari 2013. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas Felda Global Ventures Holdings Berhad pada 1 Januari 2012 sebelum dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas pada 1 Januari 2013. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah Felda Global Ventures Holdings Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Kimia dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1987 dan memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan Kejuruteraan dari Warwick University, United Kingdom pada tahun 2000. Beliau seterusnya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam Pembaharuan Kerajaan dari Warnborough University, United Kingdom pada tahun 2008 dan telah mengikuti pelbagai program pendidikan eksekutif di institusi seperti Harvard dan Yale masing-masing pada tahun 2002 dan 2003.

Seorang pakar terkemuka dalam pembaharuan ekonomi dan pentadbiran kerajaan di Timur Tengah dan Asia sejak 20 tahun yang lalu, beliau sebelum ini merupakan Penasihat Kanan kepada Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu bagi pelbagai projek di Timur Tengah dan wilayah Afrika Utara di antara tahun 1998 hingga 2004, Penyelaras Tadbir Urus Baik bagi Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan bagi rantau Arab di antara tahun 2002 hingga 2004, Penasihat kepada Menteri Kewangan di Emiriyah Arab Bersatu dari tahun 2002 hingga 2007 serta Penasihat Strategik kepada Majlis Eksekutif Abu Dhabi bagi tempoh dari 2008 hingga 2010. Sebelum memegang jawatan sekarang, beliau merupakan Pengarah yang bertanggungjawab ke atas Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) di bawah Jabatan Perdana Menteri dan juga Ketua Pegawai Eksekutif di Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dan Pengarah di Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia. Beliau adalah seorang Pengarah di Australia Agricultural Company Limited, sebuah syarikat awam yang disenaraikan di Bursa saham Australia dan ahli Lembaga Pengarah beberapa syarikat di dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

Beliau kini merupakan ahli Lembaga Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad dan Pengarah di beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.

DATO' KHAIRIL ANUAR HJ AZIZ

Group Chief Operating Officer (Domestic Business Operations)
Ketua Pegawai Operasi Kumpulan (Operasi Perniagaan Dalam Negeri)

Dato' Khairil Anuar Hj Aziz, 46, a Malaysian, was appointed as Group Chief Operating Officer (Domestic Business Operations) of Felda Global Ventures Holdings Berhad and Deputy Managing Director of Felda Holdings Bhd on 1 November 2012. He graduated from Coventry University, England in 1993, with a Bachelor of Arts Business Administration (Honours) Degree majoring in Marketing Management. He started his career as a Systems Analyst at the Resource Management Division at the National Health Service (NHS) in Wakefield, Northern England and began his career in Malaysia in 1994 as a Renong Management Trainee with Renong Group Berhad. He held several positions in Renong Group of Companies namely United Engineers Malaysia Berhad (UEM), Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA), Time Engineering Berhad (TEB) and TIMEDOTCOM Berhad (TDC) which companies are involved in construction, manufacturing, logistics, distribution and marketing, business development and ICT industries.

He left Renong to hold a Senior Management position in JARING Communications Sdn Bhd (MIMOS Berhad) before being appointed as Chief Executive Officer of MLABS Systems Berhad, an associate company of Universiti Sains Malaysia and successfully listed the company on Bursa Malaysia Securities Berhad. He was later appointed by SCAN Associates Berhad as Director, International Business and Chief Marketing Officer, responsible for the ICT Security Solutions and Consultancy for domestic and international markets prior to its listing on Bursa Malaysia Securities Berhad. He was the Executive Chairman of GSSB Consulting Sdn Bhd which specialises in various human capital development, corporate strategy and change management, prior to joining Felda Global Ventures Holdings Berhad. He is the Industry Advisory Panel (IAP) of Universiti Sains Malaysia and also an appointed panel member of Gabungan Pemikir Profesional Felda (GAPROF), under the purview of the Prime Minister's Department which voluntarily advises on strategic direction on the social and economic development of the Felda community.

He is a non-executive director of Sinergi Perdana Sdn Bhd, Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA) and Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA) and MMU-Cnergy Sdn Bhd, a subsidiary of Multimedia University-Telekom Malaysia Berhad. He also holds directorship in several subsidiary companies and associated companies of Felda Global Ventures Holdings Berhad.

Dato' Khairil Anuar Aziz, 46, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan (Operasi Perniagaan Dalam Negeri) Felda Global Ventures Holdings Berhad dan Timbalan Pengarah Urusan Felda Holdings Bhd pada 1 November 2012. Beliau berkelulusan dari Coventry University, England pada tahun 1993, dengan memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam jurusan Pengurusan Pemasaran. Beliau memulakan kerjaya sebagai Penganalisis Sistem di Bahagian Pengurusan Sumber di Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan (NHS) di Wakefield, Utara England dan memulakan kerjaya beliau di Malaysia pada tahun 1994 sebagai Pelatih Pengurusan Renong dengan Renong Group Berhad. Beliau memegang beberapa jawatan dalam Kumpulan Syarikat Renong iaitu United Engineers Malaysia Berhad (UEM), Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA), Time Engineering Berhad (TEB) dan TIMEDOTCOM Berhad (TDC) yang mana syarikat-syarikatnya terlibat dalam pembinaan, pembuatan, logistik, pengedaran dan pemasaran, pembangunan perniagaan dan industri ICT.

The Audit Committee deliberates on the above mentioned to assess the state of the Group's management of risks and internal controls and management actions on the control issues identified on a quarterly basis. The internal control recommendations by Group Internal Audit and external auditor are followed-up and reported to the Audit Committee to monitor the implementation of preventive and corrective actions to mitigate related risks.

The Audit Committee provides quarterly reports of the matters deliberated to the Board. For further details on the activities of the Audit Committee during the financial year 2012, please refer to the Report of the Audit Committee in pages 134 to 145 in Annual Report.

INVESTMENT COMMITTEE

The Investment Committee supports the Board's oversight function on the Group's risk management and internal control on business strategies and new investments through the following:

- Evaluating significant proposals on new investments and disposals of significant value to ensure consistency with the Group Strategic Blueprint (GSB) and returns in excess of a hurdle rate adjusted for risk premium and performance premium.
- Recommending investments of a prescribed amount as determined by the Board from time to time under the Delegated Authority Limit Policy and Procedures.
- Reviewing the financial investment portfolios of the Group.

All major new investment proposals are presented to the Investment Committee for deliberation and recommendation to the Board of Directors of FGV. Through the investment proposals, the Investment Committee evaluates risks related to new investment proposals. The Board considers the evaluation by the Investment Committee before any investment decisions are made.

KEY INTERNAL CONTROLS

The key elements of the internal control structures of the Group set the tone in providing the fundamental discipline on risk management and control. These internal control structures apply to all of the Group's investments, except to the following:

- The Group's overseas subsidiaries, which are subject to local laws and customs, have their own internal control structures.
- MSMH, which is a listed subsidiary of the Group, which operates independently and has its own internal control structures.
- Tradewinds (M) Berhad, Felda Iffco Sdn Bhd and Trurich Resources Sdn Bhd, which are significant associate companies not managed by the Group.

The Group has continuously been undertaking efforts to enhance its internal control structures within the Group, extending to MSMH and its overseas subsidiaries.

Jawatankuasa Audit membincangkan mengenai perkara-perkara yang disebutkan di atas untuk menilai keadaan pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan serta tindakan pengurusan terhadap isu-isu kawalan yang dikenalpasti pada setiap suku tahun. Syor-syor kawalan dalaman oleh Audit Dalaman Kumpulan dan juruaudit luaran dibuat susulan dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit agar pelaksanaan tindakan pencegahan dan pembetulan bagi mengurangkan risiko-risiko berkaitan dapat dipantau.

Jawatankuasa Audit menyediakan laporan sukuan tahun mengenai perkara yang telah dibincangkan kepada Lembaga Pengarah. Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Audit, sila rujuk Laporan Jawatankuasa Audit di mukasurat 134 hingga 145 di dalam Laporan Tahunan.

JAWATANKUASA PELABURAN

Jawatankuasa Pelaburan menyokong fungsi pengawasan Lembaga Pengarah dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan berkaitan strategi perniagaan dan pelaburan baru dengan:

- Menilai cadangan-cadangan penting mengenai pelaburan baru dan pelupusan bernilai besar bagi memastikan keselarasan dengan Rangka Tindakan Strategik Kumpulan (GSB) dan memberi pulangan dengan kadar rintangan lebihan yang diselaraskan untuk premium risiko dan premium prestasi.
- Mencadangkan pelaburan mengikut jumlah tertentu yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa di bawah Dasar dan Prosedur Had Kuasa.
- Mengkaji semula portfolio pelaburan kewangan Kumpulan.

Semua cadangan pelaburan utama baru dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan untuk perbincangan dan cadangan kepada Lembaga Pangarah FGV. Menerusi cadangan-cadangan pelaburan tersebut, Jawatankuasa Pelaburan menilai risiko-risiko yang berkaitan dengan cadangan-cadangan pelaburan baru itu. Lembaga Pengarah mempertimbangkan penilaian yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pelaburan sebelum sebarang keputusan pelaburan dibuat.

KAWALAN DALAMAN UTAMA

Elemen-elemen penting dalam struktur kawalan dalaman Kumpulan menetapkan rentak dalam penyediaan disiplin asas pengurusan risiko dan kawalan. Struktur kawalan dalaman ini digunapakai bagi semua pelaburan Kumpulan, kecuali yang berikut:

- Anak-anak syarikat Kumpulan di luar negara, yang mana tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan, memiliki struktur kawalan dalaman mereka sendiri.
- MSMH, iaitu anak syarikat tersenarai Kumpulan, beroperasi secara bebas dan memiliki struktur kawalan dalamannya sendiri.
- Tradewinds (M) Berhad, Felda Iffco Sdn Bhd dan Trurich Resources Sdn Bhd adalah merupakan syarikat bersekutu penting yang tidak diuruskan oleh Kumpulan.

Kumpulan telah melaksanakan usaha berterusan bagi mempertingkatkan struktur kawalan dalamannya dalam Kumpulan, merangkumi MSMH dan anak-anak syarikatnya di luar negara.

The key elements of the Group's internal control structures are as follows:

1. **Integrity and Ethical Values**

   - Code of Conduct and Practice

   The Group has a set of Code of Ethics and Employee Conduct, which sets out the principles to guide Malaysian employees based locally or overseas in carrying out their duties and responsibilities to the highest standards of personal and corporate integrity. The Group's Code of Ethics and Employee Conduct covers areas such as compliance with respective local laws and regulations, integrity, conduct in the workplace, business conduct, protection of the Group's assets, confidentiality, conflict of interest and anti-competition practices. All new Malaysian employees are provided awareness briefing on the Code of Ethics and Employee Conduct booklet upon joining the Group.

   MSMH has its own Code of Conduct, which has been in existence since their previous operations. The Group is dependent on the local laws and customs of the foreign subsidiaries to govern the conduct of its foreign employees in the respective countries. The respective foreign subsidiaries have their respective human resource functions that deal with the required standard of conduct.

Elemen-elemen penting dalam struktur kawalan dalaman Kumpulan adalah seperti berikut:

1. **Integriti dan Nilai-nilai Etika**

   - Kod Tatalaku dan Amalan

   Kumpulan mempunyai satu set Kod Etika dan Tatalaku Pekerja yang menggariskan prinsip-prinsip yang membimbing kakitangan Malaysia yang berpangkalan di dalam atau luar negara dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka mengikut piawaian tertinggi integriti peribadi dan korporat. Kod Etika dan Tatalaku Pekerja Kumpulan ini meliputi aspek-aspek seperti pematuhan kepada undang-undang dan peraturan tempatan, integriti, tatalaku di tempat kerja, tatalaku perniagaan, perlindungan aset Kumpulan, kerahsiaan, konflik kepentingan dan amalan anti-persaingan. Semua kakitangan baharu di Malaysia diberi taklimat kesedaran mengenai Kod Etika dan Tatalaku Pekerja apabila menyertai Kumpulan.

   MSMH memiliki Kod Tatalakunya sendiri, yang telah wujud sejak operasinya terdahulu. Kumpulan bergantung kepada undang-undang dan peraturan tempatan anak-anak syarikat asing bagi mengurus tadbir tatalaku kakitangan asingnya dalam negara masing-masing. Anak-anak syarikat asing mempunyai fungsi sumber manusia masing-masing yang menguruskan piawaian tatalaku yang dikehendaki.

- Integrity Initiatives

FGV had signed the Corporate Integrity Pledge with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) on 9 April 2012. The signing of the Corporate Integrity Pledge signifies FGV's unilateral declaration that it will not be involved with corruption, commit any act of corruption, work towards creating a business environment that is free from corruption and will uphold the Anti-Corruption Principles for Corporations in Malaysia. An integrity awareness session was held for the Management Committee of the Group on 22 June 2012.

The Group Procurement Division has also revised Procurement Code of Ethics (PCE) to provide ethical guidance to vendors when dealing with the Group. The revised PCE was effective on 15 July 2011. A series of road show was undertaken in 2012 to explain the PCE to Malaysian employees and vendors. In addition, Integrity Pact was also signed with the Group's registered vendors. A total of 514 vendors have signed the Integrity Pact as at 31 December 2012.

- Whistle Blowing Policy and Procedures

As the Group expects the highest standards of integrity, probity, transparency and accountability from all employees to preserve and protect the Group's interests and reputation, the Group takes a serious view of any acts of wrong doing by any of its employees.

The Board has approved a new set of Whistle Blowing Policy and Procedures in December 2012, which enables employees to raise their concerns through various officially designated avenues in a confidential manner. The Procedures extend to the investigation process, reporting the investigation results and ensuring proper closure of all valid reports. Employees are accorded protection under the Policy for whistle blowing in good faith.

2. Assignment of Authority and Responsibility

- Organisation Structure

The Group has a comprehensive organisational structure, which organises the business operations into functional clusters and related support groups. The organisation structure provides clear lines of reporting, authority and segregation of duties, which promotes ownership and accountability for risk taking and defines lines of accountability and delegated authority for planning, executing, controlling and monitoring of business operations. The organisational structure is reviewed on a regular basis to incorporate any emerging business needs.

- Inisiatif Integriti

FGV telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat dan Perjanjian Integriti dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 9 April 2012. Majlis menandatangani Ikrar Integriti Korporat dan Perjanjian Integriti tersebut menandakan pengisytiharan unilateral FGV bahawa ia tidak akan terlibat dengan rasuah, melakukan apa-apa perbuatan rasuah, berusaha ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dan akan mendokong Prinsip Pencegahan Rasuah bagi Syarikat-syarikat di Malaysia. Satu sesi kesedaran integriti telah diadakan untuk Pengurusan Kanan Kumpulan pada 22 Jun 2012.

Bahagian Pemerolehan Kumpulan juga telah menyemak Kod Etika Pemerolehan (PCE) bagi menyediakan panduan etika kepada vendor ketika berurusan dengan Kumpulan. PCE yang telah disemak mula berkuatkuasa pada 15 Julai 2011. Beberapa siri jelajah jalanan telah dilaksanakan pada 2012 bagi memberi penjelasan mengenai PCE kepada kakitangan dan vendor Malaysia. Selain itu, Perjanjian Integriti juga telah ditandatangani dengan vendor berdaftar Kumpulan. Sejumlah 514 vendor telah menandatangani Perjanjian Integriti tersebut setakat 31 Disember 2012.

- Dasar dan Prosedur Pendedahan Maklumat

Oleh kerana Kumpulan menjangkakan piawaian integriti, kejujuran, ketelusan dan kebertanggungjawaban yang tertinggi daripada semua kakitangan agar kepentingan dan reputasi Kumpulan terpelihara dan dilindungi, Kumpulan memandang serius sebarang perbuatan salah laku oleh mana-mana kakitangan.

Lembaga Pengarah telah meluluskan satu set baru Dasar dan Prosedur Pendedahan Maklumat pada Disember 2012, yang membolehkan kakitangan menyuarakan kebimbangan mereka menerusi pelbagai saluran rasmi secara sulit. Prosedur tersebut meliputi proses penyiasatan, pelaporan hasil siasatan dan pemastian penutupan yang sewajarnya bagi semua laporan yang sah. Kakitangan diberi perlindungan di bawah Polisi ini dengan niat yang baik.

2. Tugasan Kuasa dan Tanggungjawab

- Struktur Organisasi

Kumpulan mempunyai struktur organisasi yang komprehensif, yang menganjurkan operasi perniagaan kepada kelompok-kelompok yang berfungsi dan kumpulan sokongan yang berkaitan. Struktur organisasi menyediakan barisan jelas bagi pelaporan, kuasa dan pembahagian tugas, yang menggalakkan pemilikan dan kebertanggungjawaban dalam pengambilan risiko selain menentukan tanggungjawab dan kuasa yang diwakilkan untuk perancangan, pelaksanaan, pengawalan dan pemantauan operasi perniagaan. Struktur organisasi ini dikaji semula secara berkala bagi merangkumkan mana-mana keperluan perniagaan yang baru muncul.

- Group Discretionary Authority Limits (DAL)

  The Group has undertaken an initiative to compile and revise the Group DAL, which is aligned to the Group's appetite and tolerance for risk. The Board has approved the revised Group DAL on 30 November 2012, to be used consistently throughout the Group.

  The Group DAL establishes a sound framework of authority and accountability within the Group, including segregation of duties, which facilitates timely, effective and quality decision-making at the appropriate levels in the Group's hierarchy.

- Job Description and Performance Management

  The organisation structure is supported by clear description of the job responsibilities of each position and the linkage of related functions. Through this clarity of responsibilities and relationship between functions, the Group is moving towards operating efficiency

  The Group's performance management is based on the Key Performance Indicators (KPI) system which aligns the requirement of performance of individuals to the financial targets and business plans of the Group approved by the Board. The bi-yearly review of the KPIs provides opportunity to ensure that efforts are taken to meet the performance requirements.

3. Commitment to Competency

- Talent Pipeline

  A Talent Pipeline Program has been implemented within the organisation to meet future leadership demands of the Group. In this respect, the Group has identified 50 potentials from within the organisation and has been intensifying its efforts to raise these talents to meet the growth strategies and succession needs of the Group. The Talent Pipeline Program includes intensified leadership development, mentoring, and coaching, cross-functional and cross-border assignments.

- Trainee Programs

  The Group has attractive Cadet Planter, Management Trainee and Accountant Trainee programs to attract high potential graduates to the Group to provide continuous supply of high calibre talent to the Group. The Cadet Planters, Management Trainees and Accountant Trainees are selected through a rigorous process. They are placed through a carefully designed program to provide them the experience and exposure, aimed at raising them to middle management capability at an accelerated rate. The Accountant Trainees are placed through professional accounting certifications (i.e. ACCA or CIMA) to ensure that the Group is supported with properly qualified individuals.

- Had Kuasa Budi Bicara Kumpulan (DAL)

  Kumpulan telah mengambil inisiatif untuk menyusun dan menyemak DAL Kumpulan, yang diselaraskan dengan selera dan toleransi Kumpulan terhadap risiko. Lembaga Pengarah telah meluluskan semakan semula DAL Kumpulan pada 30 November 2012, yang akan digunakan secara konsisten di seluruh Kumpulan.

  DAL Kumpulan mewujudkan rangka kerja yang kukuh bagi kuasa dan kebertanggungjawaban dalam Kumpulan, termasuk pembahagian tugas yang memudahkan pembuatan keputusan yang tepat pada masanya, berkesan dan berkualiti di peringkat yang sesuai dalam hierarki Kumpulan.

- Penerangan Tugas dan Pengurusan Prestasi

  Struktur organisasi disokong oleh penerangan yang jelas mengenai tanggungjawab tugas setiap jawatan dan hubungan antara fungsi yang berkaitan. Menerusi penjelasan tanggungjawab dan hubungan antara fungsi ini, Kumpulan bergerak ke arah kecekapan operasi.

  Pengurusan prestasi Kumpulan adalah berdasarkan sistem Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang menyelaraskan keperluan prestasi individu dengan sasaran kewangan dan pelan perniagaan Kumpulan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Kajian dwi-tahunan ke atas KPI tersebut menyediakan peluang untuk memastikan bahawa usaha-usaha telah diambil bagi memenuhi keperluan prestasi.

3. Komitmen terhadap Kecekapan

- Saluran Bakat

  Program Saluran Bakat telah dilaksanakan di dalam organisasi bagi memenuhi permintaan kepimpinan masa hadapan Kumpulan. Dalam hal ini, Kumpulan telah mengenalpasti 50 bakat berpotensi dalam organisasi dan telah menggiatkan usaha untuk mengembangkan bakat-bakat ini agar dapat memenuhi strategi pertumbuhan dan keperluan peralihan kepimpinan Kumpulan. Program Saluran Bakat ini merangkumi pembangunan kepimpinan yang dipergiatkan, bimbingan dan latihan, serta tugasan rentas fungsi dan rentas sempadan.

- Program Pelatih

  Kumpulan mempunyai program-program Kadet Penanam, Pelatih Pengurusan dan Pelatih Akauntan yang menarik bagi memancing minat graduan berpotensi tinggi menyertai Kumpulan agar Kumpulan terus memiliki bekalan bakat berkaliber tinggi. Kadet Penanam, Pelatih Pengurusan dan Pelatih Akauntan dipilih menerusi satu proses yang ketat. Mereka melalui satu program yang dirancang rapi yang memberi mereka pengalaman dan pendedahan agar keupayaan mereka dapat ditingkatkan ke tahap pengurusan tengah pada kadar yang pantas. Pelatih Akauntan dikehendaki melalui pensijilan perakaunan profesional (iaitu ACCA atau CIMA) bagi memastikan Kumpulan disokong oleh individu-individu yang wajar dan berkelayakan.

- On-going Development Programs

  The Group is committed to developing all levels of its human capital. Development programs are undertaken through Group level human resource initiatives and cluster or company level initiatives. The Group level initiatives are focused on leadership and soft skills, whilst the cluster or company levels are more focused on technical industry skills.

4. Policies and Procedures

- Operational Policies and Procedures

  The Group operates based on existing policies and procedures. The Operational Policies and Procedures (the Policy) are periodically reviewed to remain effective and relevant to support the Group's business activities at all times as it continues to grow and transform locally and across borders. The Policy also facilitates compliance to regulations, listing and governance requirements.

  The Group has recently issued a Related Party Transaction Policy and Procedures with approval of the Board in December 2012. The Group will undertake an aggressive program to review the existing policies and procedures progressively over the next year.

- Budgetary Process

  Business Planning, which is coordinated and aligned to specific objectives, is essential to direct the activities of each business operations towards meeting the Group's objectives. With this view, the Group emphasises on a comprehensive annual budgeting process to ensure that the Group's business plans are in line with the Group's approved GSB.

5. On-going Monitoring

- Financial and Operational Review

  Financial and Operational Review is a mechanism adopted to measure the Group's performance against its business plan, annual budget and the Group's approved GSB. The Financial and Operational review is undertaken on a regular basis by a Management Committee comprising all Senior Management of the Group.

  The Group had presented its quarterly Financial and Operational Review to the Audit Committee in addition to the financial results announcement required to be made every quarter to Bursa Malaysia. These are subsequently recommended to the Board for their approval.

  For MSMH, the quarterly Financial and Operational Review is reported to its Audit Committee and Board every quarter for their assessment. These are subsequently incorporated in the Group's consolidated information, which is reported to the Group's Management Committee, Audit Committee and Board.

- Program-program Pembangunan Berterusan

  Kumpulan komited untuk membangunkan modal insannya di semua peringkat. Program-program pembangunan dijalankan menerusi inisiatif sumber manusia pada peringkat Kumpulan dan inisiatif peringkat kelompok atau syarikat. Inisiatif peringkat Kumpulan tertumpu kepada kemahiran kepimpinan dan insaniah, manakala peringkat kelompok atau syarikat lebih tertumpu kepada kemahiran industri teknikal.

4. Dasar dan Prosedur

- Dasar dan Prosedur Operasi

  Kumpulan beroperasi berdasarkan kepada dasar-dasar dan prosedur sedia ada. Dasar dan Prosedur Operasi (Polisi) ini dikaji semula secara berkala agar kekal berkesan dan relevan dalam menyokong aktiviti perniagaan Kumpulan pada setiap masa di kala ia terus berkembang dan berubah secara setempat dan merentasi sempadan. Polisi ini juga memudahkan pematuhan kepada kehendak-kehendak peraturan, penyenaraian dan tadbir urus.

  Baru-baru ini Kumpulan telah mengeluarkan Dasar dan Prosedur Urusniaga Pihak Berkaitan dengan kelulusan Lembaga Pengarah pada Disember 2012. Kumpulan akan melaksanakan satu program yang agresif untuk mengkaji semula dasar-dasar dan prosedur sedia ada secara beransur-ansur pada tahun hadapan.

- Proses Belanjawan

  Perancangan Perniagaan yang diselaraskan sejajar dengan objektif-objektif tertentu adalah penting dalam memastikan aktiviti-aktiviti setiap operasi perniagaan terhala ke arah memenuhi objektif Kumpulan. Dengan pandangan ini, Kumpulan memberi penekanan ke atas proses belanjawan tahunan yang komprehensif bagi memastikan pelan perniagaan Kumpulan selaras dengan GSB Kumpulan yang telah diluluskan.

5. Pemantauan Berterusan

- Kajian Kewangan dan Operasi

  Kajian Kewangan dan Operasi adalah satu mekanisme yang digunapakai untuk mengukur prestasi Kumpulan berbanding pelan perniagaan, belanjawan tahunan dan GSB Kumpulan yang telah diluluskan. Kajian Kewangan dan Operasi dijalankan secara berkala oleh Jawatankuasa Pengurusan yang terdiri daripada semua Pengurusan Kanan Kumpulan.

  Kumpulan telah membentangkan Kajian Kewangan dan Operasi sukuan tahun kepada Jawatankuasa Audit di samping pengumuman keputusan kewangan yang perlu dibuat setiap suku tahun kepada Bursa Malaysia. Ini kemudiannya dicadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

  Bagi MSMH, Semakan Kewangan dan Operasi sukuan tahun dilaporkan kepada Jawatankuasa Auditnya dan Lembaga Pengarah pada setiap suku tahun untuk penilaian mereka. Ini kemudiannya dirangkumkan ke dalam gabungan maklumat Kumpulan, yang dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah Kumpulan.

- Group Internal Audit (GIA)

  Group Internal Audit is an independent function, which reports functionally to the Audit Committee and administratively to the Group President. Its work practices are governed by the Group Internal Audit Charter.

  GIA plans its activities by placing priority levels of each operation of the Group based on its performance and risks in meeting the Group's objectives. The reviews performed by GIA are aimed at assisting the Audit Committee and the Board to assess the design and operating effectiveness of the system of risk management and internal controls.

  GIA plays a pivotal role in improving the effectiveness of risk management, control and governance processes of the Group's operations through its recommendations for improvement in internal controls and consulting services on related matters. Built into the audit process is also a process of follow-up of the implementation of recommendations of major issues reported to the Audit Committee to ensure improvement actions are taken. Based on the follow-up conducted during the year, actions have been taken towards improvements in the related areas.

REVIEW OF THE STATEMENT BY EXTERNAL AUDITORS

As required by Paragraph 15.23 of the Bursa Malaysia Securities Berhad Main Market Listing Requirements, the external auditors have reviewed this Statement on Risk Management and Internal Control. Their review was performed in accordance with Recommended Practice Guide (RPG) 5 issued by the Malaysian Institute of Accountants. RPG 5 does not require the external auditors to form an opinion on the adequacy and effectiveness of the risk management and internal control systems of the Group.

CONCLUSION

Based on the processes taken through the Board and its Committees during the financial year and assurance provided by the Group President and Chief Financial Officer, the Board is of the view that the risk management and internal control system as described in this Statement is operating adequately and effectively, in all material aspects, to mitigate the Group's major risks. There is continual focus on measures to protect shareholder value and business sustainability.

This statement is made in accordance with a resolution of the Board of Directors dated 24 April 2013.

- Audit Dalaman Kumpulan (GIA)

  Audit Dalaman Kumpulan adalah satu fungsi bebas yang memberi laporan kepada Jawatankuasa Audit dan dari segi pentadbiran kepada Presiden Kumpulan. Amalan kerjanya ditadbir urus oleh Piagam Audit Dalaman Kumpulan.

  GIA merancang aktivitinya dengan meletakkan tahap keutamaan setiap operasi Kumpulan berdasarkan prestasi dan risiko dalam mencapai objektif Kumpulan. Kajian yang dilakukan oleh GIA adalah bertujuan untuk membantu Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah menilai reka bentuk dan keberkesanan operasi sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

  GIA memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dan urus tadbir operasi Kumpulan menerusi cadangan-cadangan penambahbaikan bagi kawalan dalaman dan khidmat rundingan mengenai perkara-perkara berkaitan. Terangkum dalam proses audit ini juga adalah satu proses susulan ke atas pelaksanaan cadangan isu-isu utama yang dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan tindakan penambahbaikan telah diambil. Berdasarkan susulan yang dijalankan pada tahun ini, tindakan telah diambil ke arah peningkatan bidang-bidang berkaitan.

SEMAKAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR

Seperti yang dikehendaki oleh Perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini. Semakan mereka dijalankan selaras dengan Panduan Amalan yang Disyorkan (RPG) 5 yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. RPG 5 tidak memerlukan juruaudit luar untuk membentuk pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.

KESIMPULAN

Berdasarkan proses yang diambil menerusi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa sepanjang tahun kewangan serta jaminan yang disediakan oleh Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman seperti yang dinyatakan dalam Penyata ini adalah beroperasi dengan secukupnya dan berkesan, bagi semua aspek penting, dalam mengurangkan risiko-risiko utama Kumpulan. Terdapat tumpuan berterusan ke atas langkah-langkah untuk melindungi nilai pemegang saham dan kemampanan perniagaan.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 24 April 2013.

Report on the Audit Committee
Laporan Jawatankuasa Audit

The Board of Directors of Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) (the Board) is pleased to present the Report on the Audit Committee for the financial year ended 31 December 2012.

Lembaga Pengarah Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) (Lembaga Pengarah) dengan sukacita membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

COMPOSITION AND MEETINGS

The members of the Audit Committee during the financial year 2012 up to 24 April 2013 are as follows:

KOMPOSISI DAN MESYUARAT

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit semasa tahun kewangan 2012 dan sehingga 24 April 2013 adalah seperti berikut:

DIRECTORS PENGARAH	DATE OF APPOINTMENT IN THE AUDIT COMMITTEE TARIKH PELANTIKAN DALAM JAWATANKUASA AUDIT	DESIGNATION JAWATAN	NUMBER OF MEETINGS ATTENDED IN 2012 BILANGAN MESYUARAT DIHADIRI PADA 2012
1. Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan (Independent Non-Executive Director) (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	30 January 2012 30 Januari 2012	Chairman Pengerusi	11 out of 11 11 daripada 11
2. Datuk Dr Omar bin Salim (Non-Independent Non-Executive Director) (Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)	30 January 2012 30 Januari 2012	Member Ahli	11 out of 11 11 daripada 11
3. Dato' Abdul Rahman bin Ahmad (Independent Non-Executive Director) (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	30 January 2012 (Resigned as Member on 28 February 2013) 30 Januari 2012 (Meletak jawatan sebagai Ahli pada 28 Februari 2013)	Member Ahli	11 out of 11 11 daripada 11
4. Dato' Yahaya bin Abd Jabar (Independent Non-Executive Director) (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	7 December 2012 7 Disember 2012	Member Ahli	Not applicable Tidak berkenaan
5. Datuk Wira Jalilah Baba (Independent Non-Executive Director) (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	17 April 2013 17 April 2013	Member Ahli	Not applicable Tidak berkenaan
6. Dato' Paduka Ismee Ismail (Independent Non-Executive Director) (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	17 April 2013 17 April 2013	Member Ahli	Not applicable Tidak berkenaan

The Audit Committee was established on 25 March 2010 to act as a committee for the Board of Directors. Dato' Abdul Rahman bin Ahmad is a member of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales and Dato' Paduka Ismee Ismail is a Fellow member of The Chartered Institute of Management Accountants, United Kingdom. All members of the Audit Committee are financially literate and are able to analyse and interpret financial statements to effectively discharge their duties and responsibilities. The Audit Committee, therefore, meets the requirements of paragraph 15.09 (1)(c) of the Listing Requirements which stipulates that at least one (1) member of the Audit Committee must be a qualified accountant. Majority of the Audit Committee is comprised of Independent Non-Executive Directors.

During the financial year, the Group President/Chief Executive Officer (CEO), Chief Financial Officer, Head of Group Internal Audit of FGV and Head of various operations attended the meetings upon the invitation of the Audit Committee. The Audit Committee Chairman reports to the Board on principal matters deliberated at Audit Committee meetings. Minutes of each meeting are circulated to the Board at the most practicable next Board meeting.

The external auditors briefed the Audit Committee on matters relating to the external audit at six (6) Audit Committee meetings during the financial year. The Audit Committee also had two sessions during the financial year with the external auditors without the presence of the Management.

TERMS OF REFERENCE OF THE AUDIT COMMITTEE

1. Purpose

The purpose of the Audit Committee is to assist the Board in fulfilling the following key responsibilities:

(i) Assessing the risks and control environment;

(ii) Overseeing financial reporting;

(iii) Evaluating the internal and external audit process; and

(iv) Reviewing conflict of interest situations and related party transactions.

2. Composition

(i) The Audit Committee members shall be appointed by and from the Board of FGV, and shall comprise of not less than three (3) members.

(ii) All members of the Audit Committee shall be non-executive directors with a majority being independent Directors of FGV. An alternate Director cannot be appointed as a member of the Audit Committee.

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 25 Mac 2010 untuk bertindak sebagai satu jawatankuasa bagi Lembaga Pengarah. Dato' Abdul Rahman bin Ahmad adalah ahli Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales dan Dato' Paduka Ismee Ismail adalah ahli Felo Chartered Institute of Management Accountants, United Kingdom. Semua ahli Jawatankuasa Audit berkepakaran dalam bidang kewangan dan boleh menganalisis dan mentafsir penyata kewangan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Jawatankuasa Audit, oleh itu, memenuhi syarat-syarat perenggan 15.09(1)(c) Keperluan Penyenaraian yang menetapkan bahawa sekurang-kurangnya satu (1) ahli Jawatankuasa Audit mestilah merupakan seorang akauntan bertauliah. Majoriti ahli dalam Jawatankuasa Audit adalah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Pada tahun kewangan ini, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Audit Dalaman Kumpulan FGV serta Ketua dari pelbagai operasi telah menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit. Pengerusi Jawatankuasa Audit melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara utama yang dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Audit. Minit setiap mesyuarat akan diedarkan kepada Lembaga Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah akan datang.

Juruaudit luar memberi taklimat kepada Jawatankuasa Audit mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan audit luar pada enam mesyuarat Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan. Jawatankuasa Audit juga telah mengadakan dua sesi pertemuan dengan juruaudit luar semasa tahun kewangan tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

TERMA-TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT

1. Tujuan

Tujuan penubuhan Jawatankuasa Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab utama berikut:

(i) Menilai risiko-risiko dan persekitaran kawalan;

(ii) Memantau pelaporan kewangan;

(iii) Menilai proses audit dalaman dan luar; dan

(iv) Mengkaji keadaan di mana berlakunya konflik kepentingan dan urusniaga pihak berkaitan.

2. Komposisi

(i) Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah dilantik oleh dan daripada kalangan Lembaga Pengarah FGV, dan hendaklah terdiri tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli.

(ii) Semua ahli Jawatankuasa Audit hendaklah terdiri daripada pengarah bukan eksekutif dengan majoritinya terdiri daripada Pengarah Bebas FGV. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

(iii) At least one member of the Audit Committee:

(a) must be a member of the Malaysian Institute of Accountants; or

(b) if he is not a member of the Malaysian Institute of Accountants, he must have at least 3 years' relevant working experience and:

- he must have passed the examinations specified in Part I of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967; or

- he must be a member of one of the associations of accountants specified in Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967; or

(c) fulfills such other requirements as prescribed by the Bursa Malaysia.

(iv) All members of the Audit Committee shall be financially literate.

(v) In the event a member of the Audit Committee resigns, decease or for any other reason ceases to be a member with the result that the number of members is reduced to below three (3), the Board shall within three (3) months of that event appoint such number of new members as may be necessary to make up the number of three (3) members.

(vi) The members of the Audit Committee shall elect a Chairman from among themselves, who shall be an Independent Director.

3. Authority

The Audit Committee shall have the following authorities relating to FGV Group (the Group) as empowered by the Board:

(i) To investigate any activity or matter within its terms of reference;

(ii) To acquire the resources which are required to perform its duties;

(iii) To have full and unrestricted access to anyone in the Company in order to conduct any investigation and to obtain any information pertaining to the Group;

(iv) To maintain direct communication channels with the external auditors and the head of the internal audit function;

(v) To obtain independent professional or other advice;

(vi) Convene meetings with the external auditors, internal auditors or both, without the presence of other directors and employees of the Group, whenever deemed necessary; and

(vii) To meet exclusively among itself, whenever deemed necessary.

The Audit Committee may empower one or more of its members to meet or communicate with the external auditors and/or internal auditors independently.

(iii) Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit:

(a) mestilah seorang ahli Institut Akauntan Malaysia; atau

(b) jika beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mestilah mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang berkaitan dan:

- beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 1 Akta Akauntan 1967; atau

- beliau mestilah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 1 Akta Akauntan 1967; atau

(c) memenuhi keperluan lain yang telah ditetapkan oleh Bursa Malaysia.

(iv) Semua ahli Jawatankuasa Audit mestilah berpengetahuan dalam bidang kewangan.

(v) Sekiranya seorang ahli Jawatankuasa Audit meletak jawatan, meninggal dunia atau atas sebarang sebab lain tidak lagi menjadi ahli dan menyebabkan bilangan ahli menjadi kurang daripada tiga (3) orang, Lembaga Pengarah hendaklah dalam tempoh tiga (3) bulan daripada peristiwa tersebut, melantik bilangan ahli baru yang perlu untuk melengkapkan bilangan tiga (3) orang ahli.

(vi) Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah melantik seorang Pengerusi dari kalangan mereka sendiri, yang merupakan seorang Pengarah Bebas.

3. Kuasa

Jawatankuasa Audit hendaklah mempunyai kuasa berikut yang berhubung dengan Kumpulan FGV (Kumpulan) seperti yang diberikan oleh Lembaga Pengarah:

(i) Untuk menyiasat sebarang aktiviti yang terangkum dalam terma-terma rujukannya;

(ii) Untuk memperoleh sumber-sumber yang diperlukan bagi menjalankan tugasnya;

(iii) Untuk memiliki akses penuh tanpa had kepada sesiapa sahaja di dalam Syarikat untuk menjalankan apa-apa penyiasatan dan untuk mendapatkan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Kumpulan;

(iv) Untuk mengekalkan saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan ketua fungsi audit dalaman;

(v) Untuk mendapatkan nasihat profesional bebas atau pihak lain;

(vi) Mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar, juruaudit dalaman atau kedua-duanya, tanpa kehadiran pengarah lain dan kakitangan Kumpulan, apabila dianggap perlu; dan

(vii) Untuk bermesyuarat secara eksklusif di kalangan mereka, apabila dianggap perlu.

Jawatankuasa Audit boleh memberi kuasa kepada satu atau lebih daripada ahli-ahlinya untuk bertemu atau berkomunikasi dengan juruaudit luar dan/atau juruaudit dalaman secara bebas.

4. **Responsibilities and Duties**

4.1 **Assessing the Risks and Control Environment**

(i) To review the sufficiency and effectiveness of the Group's overall enterprise risk management framework, strategies, policies and systems to identify, assess and manage risks;

(ii) To report to the Board, the key business risks and seek its approval on the management of key business risks that is aligned to the Group's tolerance for risk;

(iii) To be apprised of the status and progress of management of key business risks and accordingly report to the Board the status of the key business risks; and

(iv) To assess the effectiveness of the system of internal control vis-a-vis the risks, control environment and compliance requirements (including to the Listing Requirements and the Malaysian Code of Corporate Governance) of the Group, based on the results of the external and internal audits and assurances from the respective responsible persons.

4.2 **Oversee Financial Reporting**

(i) To review the quarterly results and the year-end financial statements of the Group prior to approval by the Board, focusing particularly on:

(a) changes in or implementation of major accounting policies;

(b) significant and unusual events and adjustments;

(c) compliance with the applicable financial reporting standards and other legal requirements.

(ii) To review and recommend any changes in accounting policies or improvement in the system of internal control, where deemed necessary.

(iii) To review the Audit Committee Report, Statement of Internal Control and Statement on Corporate Governance to be included in the annual report and recommend their approval by the Board.

4.3 **Evaluating the Internal and External Audit Process**

(i) To review with the external auditors the following:

(a) their audit plan and ensure coordination where more than one audit firm is involved.

(b) their evaluation of the system of internal controls.

(c) their audit reports.

(d) problems and reservations arising from the interim and final audits, and any matter the auditor may wish to discuss (in the absence of management where necessary).

4. **Tanggungjawab dan Tugas**

4.1 **Menilai Risiko dan Persekitaran Kawalan**

(i) Untuk mengkaji kecukupan dan keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko perusahaan keseluruhan Kumpulan, strategi-strategi, dasar-dasar dan sistem untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko;

(ii) Untuk melaporkan kepada Lembaga Pengarah, risiko-risiko perniagaan utama dan mendapatkan kelulusannya ke atas pengurusan risiko perniagaan utama yang sejajar dengan toleransi Kumpulan terhadap risiko;

(iii) Untuk dimaklumkan mengenai status dan perkembangan pengurusan risiko perniagaan utama dan melaporkan yang sedemikian kepada Lembaga Pengarah status risiko perniagaan utama; dan

(iv) Untuk menilai keberkesanan sistem kawalan dalaman berhubung dengan persekitaran kawalan dan kehendak pematuhan (termasuk Kehendak Penyenaraian dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia) Kumpulan, berdasarkan keputusan audit luaran dan dalaman serta jaminan daripada pihak yang bertanggungjawab.

4.2 **Memantau Pelaporan Kewangan**

(i) Untuk mengkaji keputusan suku tahun dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dengan memberi tumpuan khusus ke atas:

(a) perubahan atau pelaksanaan dasar perakaunan utama;

(b) peristiwa dan pelarasan penting dan luar biasa;

(c) pematuhan terhadap piawaian pelaporan kewangan yang berkaitan dan kehendak-kehendak perundangan lain.

(ii) Untuk mengkaji dan mengesyorkan sebarang perubahan dalam dasar perakaunan atau penambahbaikan dalam sistem kawalan dalaman, di mana perlu.

(iii) Untuk mengkaji Laporan Jawatankuasa Audit, Penyata Kawalan Dalaman dan Penyata Tadbir Urus Korporat untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunan dan mengesyorkan kelulusan kesemuanya oleh Lembaga Pengarah.

4.3 **Menilai Proses Audit Dalaman dan Luar**

(i) Untuk mengkaji dengan juruaudit luar perkara-perkara berikut:

(a) pelan audit mereka dan memastikan penyelarasan di mana lebih daripada satu firma audit terlibat.

(b) penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman.

(c) laporan audit mereka.

(d) masalah dan keraguan yang timbul daripada audit interim dan akhir, dan sebarang perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit (tanpa kehadiran pihak pengurusan di mana wajar).

(e) the management letter and management's response.

(f) the adequacy of assistance given by Group employees to the external auditor.

(g) to review any letter of resignation from the external auditors and any reason that the external auditor is not suitable for reappointment.

(h) to recommend the nomination of a person or persons as external auditors and their audit fee.

(i) to ensure that proper policies and procedures are established to assess the suitability and independence of external auditors.

(ii) In relation to the Group's internal audit function, to undertake the following:

(a) ensure the adequacy of the scope, functions, competency and resources of the Group's internal audit function and that it has the necessary authority to carry out its work.

(b) ensure sufficiency of the internal audit plan and review the results of the internal audit plan or investigation undertaken and whether or not appropriate action is taken on the recommendations of the Group's internal audit function.

(c) review the effectiveness of the Group's internal audit function including compliance with the Institute of Internal Auditors' International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing and make recommendations for improvement of the internal audit function.

(d) review any appraisal of or assessment of the performance of the Group's internal audit function.

(e) approve any appointment or termination of the head of department and head of divisions of the Group's internal audit function.

(f) take cognizance of resignations of the head of department and head of divisions of the Group's internal audit function and provide the resigning individual an opportunity to submit his reasons for resigning.

(e) surat pengurusan dan maklumbalas pengurusan.

(f) kecukupan bantuan yang diberikan oleh kakitangan Kumpulan kepada juruaudit luar.

(g) untuk mengkaji sebarang surat perletakan jawatan daripada juruaudit luar dan apa-apa sebab bahawa juruaudit luar tersebut tidak sesuai untuk dilantik semula.

(h) untuk mengesyorkan pencalonan seseorang atau beberapa orang sebagai juruaudit luar dan yuran audit mereka.

(i) untuk memastikan bahawa dasar-dasar dan prosedur yang betul telah diwujudkan untuk menilai kesesuaian dan kebebasan juruaudit luar.

(ii) Berhubung dengan fungsi audit dalaman Kumpulan, untuk melaksanakan yang berikut:

(a) memastikan kecukupan skop, fungsi, kecekapan dan sumber fungsi audit dalaman Kumpulan dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya.

(b) memastikan kecukupan rancangan audit dalaman dan mengkaji semula keputusan rancangan audit dalaman atau penyiasatan yang dijalankan dan samada tindakan sewajarnya telah diambil ke atas cadangan fungsi audit dalaman Kumpulan.

(c) mengkaji semula keberkesanan fungsi audit dalaman Kumpulan termasuk pematuhan kepada Piawaian Antarabangsa Amalan Profesional Audit Dalaman Institut Juruaudit Dalaman dan membuat saranan untuk penambahbaikan fungsi audit dalaman.

(d) mengkaji sebarang taksiran atau penilaian prestasi fungsi audit dalaman Kumpulan.

(e) meluluskan sebarang pelantikan atau pemberhentian ketua jabatan dan ketua bahagian fungsi audit dalaman Kumpulan.

(f) mengambil perhatian perihal perletakan jawatan ketua jabatan dan ketua bahagian fungsi audit dalaman Kumpulan dan menyediakan kepada individu yang meletak jawatan peluang untuk mengemukakan sebab beliau meletak jawatan.

4.4 Reviewing Conflict of Interest Situations and Related Party Transactions

To review any conflict of interests situation and related party transaction that may arise within the Group including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions of management integrity and in respect of recurrent related party transactions:

(i) ensure that the Group has adequate procedures and processes to monitor, track and identify Recurrent Related Party Transactions in a timely manner, and to review these procedures and processes annually.

(ii) assess the sufficiency of the procedures, policies and terms of the Recurrent Related Party Transactions to ensure that the transactions are fair, reasonable and on normal commercial terms; are not more favorable to the Related Party than those generally available to the public and are not detrimental to minority shareholders and in the best interest of the Group.

(iii) where the Recurrent Related Party Transactions are not comparable to quotations or comparative pricing with unrelated third parties, to review the basis of the transaction price determined by the management in comparison to transactions by/to unrelated parties for substantially similar type of transactions for approval by the FGV Board.

The related party transactions and conflict of interest situations should be a permanent agenda item of the Audit Committee meetings.

4.5 Other responsibilities and duties

(i) To review arrangements by which employees may, in confidence, raise concerns about possible improprieties in financial reporting or other matters, and to ensure that arrangements are in place for the independent investigation of such matters and for appropriate follow-up action to be taken. This would include any whistle blowing complaints and investigative reports relating to the senior management of the Group.

(ii) To report to Bursa Malaysia, any breaches of the Bursa Malaysia Main Market Listing Requirements, which have not been satisfactorily resolved.

(iii) To undertake such other functions as may be agreed to by the Audit Committee and the Board.

4.4 Mengkaji Situasi Konflik Kepentingan dan Urusniaga Pihak Berkaitan

Untuk mengkaji semula sebarang situasi konflik kepentingan dan urusniaga pihak berkaitan yang mungkin timbul di dalam Kumpulan termasuk sebarang urusniaga, prosedur atau tatacara yang menimbulkan persoalan mengenai integriti pengurusan dan berkenaan urusniaga berulang dengan pihak berkaitan:

(i) memastikan bahawa Kumpulan mempunyai prosedur-prosedur dan proses-proses yang mencukupi untuk memantau, mengesan dan mengenalpasti Urusniaga Berulang dengan Pihak Berkaitan secara tepat pada masanya, dan mengkaji semula prosedur-prosedur dan proses-proses ini pada setiap tahun.

(ii) menilai kecukupan prosedur, dasar-dasar dan syarat-syarat Urusniaga Berulang dengan Pihak Berkaitan bagi memastikan urusniaga yang adil, munasabah dan berdasarkan terma komersial lazim; tidak lebih memihak kepada Pihak Berkaitan berbanding dengan yang umumnya tersedia kepada orang awam dan tidak menjejaskan kepentingan pemegang saham minoriti serta kepentingan Kumpulan.

(iii) sekiranya Urusniaga Berulang dengan Pihak Berkaitan tidak setanding dengan sebut harga atau harga perbandingan dengan pihak-pihak ketiga yang tidak berkaitan, untuk mengkaji semula dasar harga urusniaga yang ditentukan oleh pihak pengurusan berbanding dengan urusniaga oleh/kepada pihak-pihak yang tidak berkaitan untuk jenis urusniaga yang serupa untuk kelulusan Lembaga Pengarah FGV.

Laporan ini dibuat hanya untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana pihak untuk isi kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Akauntan Bertauliah

THAYAPARAN A/L S. SANGARAPILLAI
(No. 2085/09/14 (J))
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
24 April 2013

Penyata Pendapatan Komprehensif

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

	Nota	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 (Dinyatakan Semula) RM'000	Syarikat 2012 RM'000	Syarikat 2011 RM'000
Perolehan	6	**12,886,499**	7,453,077	**921,735**	378,118
Kos jualan		**(11,319,137)**	(5,425,971)	**(117,195)**	(45,374)
Keuntungan kasar		**1,567,362**	2,027,106	**804,540**	332,744
Lain-lain pendapatan operasi	7	**40,512**	78,771	**105**	534,319
Kos jualan dan pengagihan		**(158,146)**	(166,882)	–	–
Perbelanjaan pentadbiran		**(250,198)**	(166,555)	**(90,984)**	(22,832)
Lain-lain perbelanjaan operasi	8	**(37,464)**	(75,784)	**(180,002)**	(772,728)
Lain-lain (kerugian)/keuntungan, bersih	9	**(204,793)**	35,923	–	–
Keuntungan operasi		**957,273**	1,732,579	**533,659**	71,503
Pendapatan kewangan	10	**107,273**	38,055	**139**	2,929
Kos kewangan	10	**(111,280)**	(141,211)	**(93,680)**	(118,270)
Kos kewangan – bersih	10	**(4,007)**	(103,156)	**(93,541)**	(115,341)
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	22	**201,079**	329,328	**–**	–
Bahagian keputusan entiti-entiti kawalan bersama	23	**(28,125)**	(53,964)	**–**	–
Keuntungan/(kerugian) sebelum zakat dan cukai	11	**1,126,220**	1,904,787	**440,118**	(43,838)
Zakat	13	**(16,580)**	–	**–**	–
Cukai	14	**(204,582)**	(504,540)	**(4,137)**	(50,634)
Keuntungan/(kerugian) bagi tahun kewangan		**905,058**	1,400,247	**435,981**	(94,472)
Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif:					
Perbezaan terjemahan matawang		**(12,978)**	(4,255)	**–**	–
Kerugian aktuarial ke atas pelan manfaat tertakrif		**(1,048)**	–	**(141)**	–
Bahagian lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif syarikat-syarikat bersekutu		**(4,673)**	20,141	**–**	–
Bahagian lain-lain kerugian komprehensif entiti-entiti kawalan bersama		**(24,232)**	(3,194)	**–**	–
Lain-lain (kerugian)/perolehan keseluruhan bagi tahun kewangan, bersih cukai		**(42,931)**	12,692	**(141)**	–
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		**862,127**	1,412,939	**435,840**	(94,472)
Keuntungan/(kerugian) boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Syarikat		**805,953**	1,327,764	**435,981**	(94,472)
Kepentingan pihak tidak mengawal		**99,105**	72,483	**–**	–
		905,058	1,400,247	**435,981**	(94,472)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Syarikat		**763,023**	1,340,456	**435,840**	(94,472)
Kepentingan pihak tidak mengawal		**99,104**	72,483	**–**	–
		862,127	1,412,939	**435,840**	(94,472)
EPS Asas (sen)	16	**28.5**	75.1		
EPS Dicairkan (sen)	16	**28.5**	47.9		

Penyata Kedudukan Kewangan

pada 31 Disember 2012

	Nota	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 (Dinyatakan Semula) RM'000	Syarikat 2012 RM'000	Syarikat 2011 RM'000
ASET					
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	18	**1,683,316**	1,697,026	**551**	690
Pelaburan hartanah	19	**40,378**	–	**–**	–
Aset tidak nyata	20	**707,099**	662,686	**5,749**	–
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	21	**–**	–	**2,901,093**	2,011,613
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	22	**2,386,306**	2,388,197	**1,775,226**	1,775,226
Kepentingan dalam entiti-entiti kawalan bersama	23	**333,577**	349,353	**–**	131,831
Bayaran pajakan prabayar	24	**715**	785	**–**	–
Pinjaman belum terima daripada syarikat berkaitan	25	**–**	17,090	**–**	–
Belum terima	26	**8,198**	–	**–**	–
Jumlah belum terima daripada anak-anak syarikat	27	**–**	–	**–**	6,910
Jumlah belum terima daripada entiti-entiti kawalan bersama	27	**–**	45,520	**–**	–
Aset biologi	28	**1,864,224**	1,858,842	**–**	–
Aset cukai tertunda	45	**1,479,710**	41,998	**6,435**	7,933
		8,503,523	7,061,497	**4,689,054**	3,934,203
Aset semasa					
Inventori	29	**597,667**	430,793	**–**	–
Aset biologi	28	**41,662**	44,522	**–**	–
Belum terima	26	**742,765**	403,581	**301,047**	6,959
Jumlah belum terima daripada pemegang saham penting	27	**73,091**	–	**52,442**	–
Jumlah belum terima daripada anak-anak syarikat	27	**–**	–	**39,447**	190,269
Jumlah belum terima daripada entiti-entiti kawalan bersama	27	**318,224**	–	**–**	–
Jumlah belum terima daripada lain-lain syarikat berkaitan	27	**503,650**	4,118	**63,776**	2,182
Cukai boleh diperoleh semula		**23,217**	21,729	**16,037**	16,497
Pinjaman belum terima daripada syarikat berkaitan	25	**–**	10,836	**–**	–
Aset kewangan derivatif	30	**5,189**	2,842	**–**	–
Tunai dan bersamaan tunai	31	**5,688,372**	1,778,130	**4,183,705**	460,012
		7,993,837	2,696,551	**4,656,454**	675,919
Aset dipegang untuk jualan	32	**1,941**	–	**–**	–
		7,995,778	2,696,551	**4,656,454**	675,919
Jumlah aset		**16,499,301**	9,758,048	**9,345,508**	4,610,122

	Nota	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 (Dinyatakan Semula) RM'000	Syarikat 2012 RM'000	Syarikat 2011 RM'000
EKUITI DAN LIABILITI					
Modal dan rizab					
Modal saham	33	**3,648,152**	1,767,612	**3,648,152**	1,767,612
Saham keutamaan boleh tebus	34	**–**	9,005	**–**	9,005
Premium saham	35	**3,371,685**	881,783	**3,371,685**	881,783
Rizab tukaran asing	36	**(84,016)**	(60,608)	**–**	–
Rizab penyusunan semula	37	**(2,088,969)**	2,347,742	**–**	–
Lain-lain rizab	38	**63,694**	68,188	**11,511**	2,506
Perolehan tersimpan	39	**1,191,818**	601,541	**264,834**	38,647
Ekuiti boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat		**6,102,364**	5,615,263	**7,296,182**	2,699,553
Kepentingan pihak tidak mengawal		**857,815**	823,362	**–**	–
Jumlah ekuiti		**6,960,179**	6,438,625	**7,296,182**	2,699,553
Liabiliti bukan semasa					
Pinjaman	40	**509**	40,518	**–**	–
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	41	**1,620,714**	1,835,000	**1,620,714**	1,835,000
Liabiliti perjanjian pajakan tanah ("LLA")	42	**5,167,831**	–	**–**	–
Peruntukan	43	**4,500**	4,427	**–**	–
Peruntukan untuk pelan manfaat tertakrif	44	**19,429**	492	**186**	24
Liabiliti cukai tertunda	45	**91,461**	154,782	**–**	–
Kontrak jaminan kewangan	46	**–**	–	**26,952**	–
		6,904,444	2,035,219	**1,647,852**	1,835,024
Liabiliti semasa					
Belum bayar	47	**348,688**	247,955	**32,235**	6,452
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	41	**219,557**	5,448	**219,557**	5,448
Jumlah belum bayar kepada pemegang saham penting	27	**93,826**	–	**66**	–
Jumlah belum bayar kepada anak-anak syarikat	27	**–**	–	**78,676**	62,389
Jumlah belum bayar kepada syarikat-syarikat bersekutu	27	**69,510**	21	**69,510**	21
Jumlah belum bayar kepada entiti-entiti kawalan bersama	27	**–**	35,091	**–**	–
Jumlah belum bayar kepada lain-lain syarikat berkaitan	27	**755,023**	217,699	**1,430**	1,235
Liabiliti kewangan derivatif	30	**1,668**	–	**–**	–
Pinjaman	40	**599,160**	761,974	**–**	–
Peruntukan	43	**412**	1,738	**–**	–
Liabiliti cukai semasa		**49,896**	14,278	**–**	–
Liabiliti LLA	42	**496,938**	–	**–**	–
		2,634,678	1,284,504	**401,474**	75,545
Jumlah liabiliti		**9,539,122**	3,319,423	**2,049,326**	1,910,569
Jumlah ekuiti dan liabiliti		**16,499,301**	9,758,048	**9,345,508**	4,610,122

Gabungan Penyata Perubahan Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2012

	Nota	Modal saham (Nota 33) RM'000	Saham keutamaan boleh tebus (Nota 34) RM'000	Premium saham (Nota 35) RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 38): Rizab tukaran asing (Nota 36) RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 38): Rizab sedia untuk jualan RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 38): Rizab tebus modal RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 38): Lain-lain RM'000	Rizab penyusunan semula (Nota 37) RM'000	Preolahn tersimpan (Nota 39) RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan pihak tidak mengawal RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Kumpulan													
2012													
Pada 1 Januari 2012		1,767,612	9,005	881,783	(60,608)	33,526	1,047	33,615	2,347,742	601,541	5,615,263	823,362	6,438,625
Kesan pengambilalihan estet perladangan	21 (c)	–	–	–	–	–	–	–	(4,436,711)	–	(4,436,711)	–	(4,436,711)
		1,767,612	9,005	881,783	(60,608)	33,526	1,047	33,615	(2,088,969)	601,541	(1,178,552)	823,362	(2,001,914)
Keuntungan bagi tahun kewangan		–	–	–	–	–	–	–	–	805,953	805,953	99,105	905,058
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan, bersih cukai:													
– perbezaan terjemahan matawang		–	–	–	(12,977)	–	–	–	–	–	(12,977)	(1)	(12,978)
– kerugian aktuarial ke atas pelan manfaat tertakrif		–	–	–	–	–	–	–	–	(1,048)	(1,048)	–	(1,048)
– bahagian lain-lain (kerugian)/ pendapatan komprehensif syarikat-syarikat bersekutu		–	–	–	(1,325)	1,627	–	–	–	(4,975)	(4,673)	–	(4,673)
– bahagian lain-lain (kerugian)/ pendapatan komprehensif entiti-entiti kawalan bersama		–	–	–	(9,106)	(15,126)	–	–	–	–	(24,232)	–	(24,232)
		–	–	–	(23,408)	(13,499)	–	–	–	(6,023)	(42,930)	(1)	(42,931)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		–	–	–	(23,408)	(13,499)	–	–	–	799,930	763,023	99,104	862,127
Terbitan saham	33	1,880,540	–	3,479,000	–	–	–	–	–	–	5,359,540	–	5,359,540
Penebusan saham keutamaan boleh tebus	34 & 35	–	(9,005)	(881,783)	–	–	9,005	–	–	(9,005)	(890,788)	–	(890,788)
Perbelanjaan terbitan saham	35	–	–	(107,315)	–	–	–	–	–	–	(107,315)	–	(107,315)
Pengambilalihan anak-anak syarikat	21(b)	–	–	–	–	–	–	–	–	–	–	35	35
Peningkatan kepentingan dalam syarikat		–	–	–	–	–	–	–	–	–	–	761	761
Dividen dibayar:													
– bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012	15	–	–	–	–	–	–	–	–	(200,648)	(200,648)	–	(200,648)
Dividen dibayar kepada kepentingan pihak tidak mengawal dalam anak-anak syarikat		–	–	–	–	–	–	–	–	–	–	(65,447)	(65,447)
Jumlah urusniaga dengan pemilik		1,880,540	(9,005)	2,489,902	–	–	9,005	–	–	(209,653)	4,160,789	(64,651)	4,096,138
Pada 31 Disember 2012		3,648,152	–	3,371,685	(84,016)	20,027	10,052	33,615	(2,088,969)	1,191,818	6,102,364	857,815	6,960,179

	Nota	Modal saham (Nota 33) RM'000	Saham keutamaan boleh tebus (Nota 34) RM'000	Premium saham (Nota 35) RM'000	Rizab tukaran asing (Nota 36) RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 38) Rizab sedia untuk jualan RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 38) Rizab tebus modal RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 38) Lain-lain RM'000	Rizab penyusunan semula (Nota 37) RM'000	Preolahn tersimpan (Nota 39) RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan pihak tidak mengawal RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Kumpulan													
2011 (Dinyatakan Semula)													
Pada 1 Januari 2011		1,767,612	10,052	984,342	(58,034)	17,901	–	33,343	–	202,489	2,957,705	45,335	3,003,040
Kesan pengambilalihan estet perladangan	21(c)	–	–	–	–	–	–	–	2,400,784	–	2,400,784	–	2,400,784
		1,767,612	10,052	984,342	(58,034)	17,901	–	33,343	2,400,784	202,489	5,358,489	45,335	5,403,824
Keuntungan bagi tahun kewangan		–	–	–	–	–	–	–	–	1,327,764	1,327,764	72,483	1,400,247
Pemindahan ke dalam rizab penyusunan semula	21(c)	–	–	–	–	–	–	–	1,251,458	(1,251,458)	–	–	–
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan, bersih cukai:													
– perbezaan terjemahan matawang		–	–	–	(4,255)	–	–	–	–	–	(4,255)	–	(4,255)
– bahagian lain-lain (kerugian)/ pendapatan komprehensif syarikat-syarikat bersekutu		–	–	–	(453)	20,594	–	–	–	–	20,141	–	20,141
– bahagian lain-lain (kerugian)/ pendapatan komprehensif entiti-entiti kawalan bersama		–	–	–	1,358	(4,969)	–	272	–	145	(3,194)	–	(3,194)
		–	–	–	(3,350)	15,625	–	272	–	145	12,692	–	12,692
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		–	–	–	(3,350)	15,625	–	272	1,251,458	76,451	1,340,456	72,483	1,412,939
Penebusan saham keutamaan boleh tebus	34 & 35	–	(1,047)	(102,559)	–	–	1,047	–	–	(1,047)	(103,606)	–	(103,606)
Pelupusan anak-anak syarikat	21	–	–	–	776	–	–	–	–	–	776	945	1,721
Peningkatan kepentingan dalam anak-anak syarikat	21	–	–	–	–	–	–	–	–	(7,594)	(7,594)	3,767	(3,827)
Sumbangan modal kepada pemegang saham penting#		–	–	–	–	–	–	–	(1,304,500)	–	(1,304,500)	–	(1,304,500)
Pencairan kepentingan dalam anak-anak syarikat	21	–	–	–	–	–	–	–	–	356,242	356,242	737,313	1,093,555
Dividen dibayar:													
– bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011	15	–	–	–	–	–	–	–	–	(25,000)	(25,000)	–	(25,000)
Dividen dibayar kepada kepentingan pihak tidak mengawal anak anak syarikat		–	–	–	–	–	–	–	–	–	–	(36,481)	(36,481)
Jumlah urusniaga dengan pemilik		–	(1,047)	(102,559)	776	–	1,047	–	(1,304,500)	322,601	(1,083,682)	705,544	(378,138)
Pada 31 Disember 2011		1,767,612	9,005	881,783	(60,608)	33,526	1,047	33,615	2,347,742	601,541	5,615,263	823,362	6,438,625

Sumbangan modal kepada pemegang saham penting mewakili aliran tunai bersih yang timbul daripada operasi estet perladangan bagi tahun perbandingan, dianggap sebagai sumbangan modal bersih kepada pemegang saham penting berikutan penggunaan kaedah perakaunan sebelumnya.

Penyata Perubahan Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

Syarikat	Nota	Modal saham (Nota 33) RM'000	Saham keutamaan boleh tebus (Nota 34) RM'000	Tidak boleh agih: Premium saham (Nota 35) RM'000	Tidak boleh agih: Sumbangan modal (Nota 38) RM'000	Tidak boleh agih: Rizab penebusan modal (Nota 38) RM'000	Boleh agih: Perolehan tersimpan (Nota 39) RM'000	Jumlah RM'000
2012								
Pada 1 Januari 2012		**1,767,612**	**9,005**	**881,783**	**1,459**	**1,047**	**38,647**	**2,699,553**
Keuntungan bagi tahun kewangan		–	–	–	–	–	**435,981**	**435,981**
Lain-lain kerugian komprehensif bagi tahun kewangan, bersih cukai – kerugian aktuarial ke atas pelan manfaat tertakrif		–	–	–	–	–	**(141)**	**(141)**
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		–	–	–	–	–	**435,840**	**435,840**
Terbitan saham	33	**1,880,540**	–	**3,479,000**	–	–	–	**5,359,540**
Penebusan saham keutamaan boleh tebus	34 & 35	–	**(9,005)**	**(881,783)**	–	**9,005**	**(9,005)**	**(890,788)**
Perbelanjaan terbitan saham	35	–	–	**(107,315)**	–	–	–	**(107,315)**
Dividen dibayar:								
– bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012	15	–	–	–	–	–	**(200,648)**	**(200,648)**
Jumlah urusniaga dengan pemilik		**1,880,540**	**(9,005)**	**2,489,902**	–	**9,005**	**(209,653)**	**4,160,789**
Pada 31 Disember 2012		**3,648,152**	–	**3,371,685**	**1,459**	**10,052**	**264,834**	**7,296,182**
2011								
Pada 1 Januari 2011		1,767,612	10,052	984,342	1,459	–	159,166	2,922,631
Kerugian bersih dan jumlah kerugian komprehensif bagi tahun kewangan		–	–	–	–	–	(94,472)	(94,472)
Penebusan saham keutamaan boleh tebus	34 & 35	–	(1,047)	(102,559)	–	1,047	(1,047)	(103,606)
Dividen dibayar:								
– bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011	15	–	–	–	–	–	(25,000)	(25,000)
Jumlah urusniaga dengan pemilik		–	(1,047)	(102,559)	–	1,047	(26,047)	(128,606)
Pada 31 Disember 2011		1,767,612	9,005	881,783	1,459	1,047	38,647	2,699,553

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 (Dinyatakan Semula) RM'000	Syarikat 2012 RM'000	Syarikat 2011 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI				
Keuntungan/(kerugian) bagi tahun kewangan	**905,058**	1,400,247	**435,981**	(94,472)
Pelarasan untuk:				
Cukai	**204,582**	504,540	**4,137**	50,634
Zakat	**16,580**	–	**–**	–
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	**88,818**	103,327	**189**	121
Susut nilai hartanah pelaburan	**463**	–	**–**	–
Pelunasan aset tidak nyata	**11,098**	5,851	**468**	–
Pelunasan pra-bayaran pajakan	**70**	70	**–**	–
Susut nilai dipercepatkan bagi aset biologi	**8,656**	–	**–**	–
Aset biologi dihapus kira	**13,638**	4,509	**–**	–
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	**697**	1,204	**–**	14
(Keuntungan)/kerugian ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**(1,810)**	495	**–**	–
Kerugian rosot nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan	**32,300**	164,687	**–**	–
Kerugian rosot nilai ke atas aset biologi	**4,316**	–	**–**	–
Kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam anak syarikat	**–**	–	**115,356**	743,700
Kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam entiti kawalan bersama	**–**	–	**–**	29,014
Rosot nilai pinjaman belum terima daripada syarikat berkaitan	**26,952**	–	**–**	–
Pembalikan rosot nilai hartanah, loji dan peralatan	**(15,497)**	–	**–**	–
(Pembalikan)/rosot nilai aset tidak nyata	**(23,878)**	42,792	**–**	–
(Pembalikan)/rosot nilai belum terima	**(79)**	79	**–**	–
(Pembalikan)/peruntukan bagi inventori diturun nilai	**(536)**	1,293	**–**	–
Kerugian di atas pelupusan anak-anak syarikat	**–**	(68,220)	**4,528**	(532,936)
Kerugian di atas pelupusan entiti kawalan bersama	**–**	–	**36,890**	–
Peruntukan bagi penstrukturan semula	**–**	1,421	**–**	–
Bahagian keputusan daripada syarikat-syarikat bersekutu	**(201,079)**	(329,328)	**–**	–
Bahagian keputusan daripada entiti-entiti kawalan bersama	**28,125**	53,964	**–**	–
Kerugian/(keuntungan) bersih tukaran asing tidak direalisasi	**2,905**	(4,565)	**947**	(1,383)
Dividen daripada anak-anak syarikat	**–**	–	**(529,895)**	(26,037)
Dividen daripada syarikat-syarikat bersekutu	**–**	–	**(196,997)**	(333,668)
Perbelanjaan faedah	**111,280**	141,211	**93,680**	118,270
Pendapatan faedah	**(107,273)**	(38,055)	**(67,475)**	(11,221)
Lain-lain kerugian/(keuntungan), bersih	**204,793**	(35,923)	**–**	–
Peruntukan bagi manfaat persaraan	**2,523**	78	**21**	24
Bayaran berasaskan saham	**25,723**	–	**25,723**	–
Perbelanjaan kontrak jaminan kewangan	**–**	–	**13,476**	–
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja	**1,338,425**	1,949,677	**(62,971)**	(57,940)
Perubahan dalam modal kerja:				
Inventori	**(161,554)**	83,669	**–**	–
Aset biologi	**40,092**	23,091	**–**	–
Belum terima	**(349,274)**	84,480	**3,225**	77
Antara syarikat	**(132,206)**	(8,927)	**(118,328)**	(155,750)
Belum bayar	**115,631**	30,152	**25,781**	3,707
Tunai dijana daripada/(digunakan dalam) operasi	**851,114**	2,162,142	**(152,293)**	(209,906)
Pendapatan faedah	**107,273**	35,294	**67,475**	10,575
Cukai dibayar	**(223,511)**	(519,666)	**(291)**	(457)
Zakat dibayar	**(16,580)**	–	**–**	–
Manfaat persaraan dibayar	**(3,279)**	(618)	**–**	–
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) kegiatan operasi	**715,017**	1,677,152	**(85,109)**	(199,788)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

	Kumpulan		Syarikat	
	2012	2011 (Dinyatakan Semula)	2012	2011
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN				
Pengambilalihan estet perladangan	**(54,690)**	–	**–**	–
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	**(147,016)**	(155,633)	**(50)**	(461)
Pembelian aset biologi	**(69,224)**	(45,252)	**–**	–
Pembelian aset tidak nyata	**(16,145)**	–	**(6,217)**	–
Peningkatan kepentingan dalam anak-anak syarikat	**–**	(3,827)	**–**	–
Pelaburan tambahan dalam anak-anak syarikat	**–**	–	**(283,400)**	–
Tawaran awam awal perniagaan gula	**–**	1,160,505	**–**	457,289
Perolehan daripada pelupusan anak-anak syarikat	**–**	–	**820,683**	–
Aliran keluar tunai bersih daripada perolehan anak syarikat	**(9,884)**	–	**–**	–
Aliran keluar tunai bersih daripada pelupusan anak-anak syarikat	**–**	(12,325)	**–**	–
Bayaran tanggungan persaraan aset	**(29)**	(33)	**–**	–
Bayaran untuk kos penstrukturan semula	**(1,309)**	–	**–**	–
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**6,187**	486	**–**	–
Pelaburan tambahan dalam entiti kawalan bersama	**(38,984)**	(75,664)	**–**	–
Pendahuluan untuk anak-anak syarikat	**–**	–	**(1,180,417)**	–
Deposit untuk perolehan anak syarikat	**–**	(5,775)	**–**	–
Dividen diterima daripada anak-anak syarikat	**–**	–	**314,502**	17,500
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu	**195,110**	203,685	**113,190**	203,685
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan pelaburan	**(135,984)**	1,066,167	**(221,709)**	678,013
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Pengeluaran pinjaman	**100,000**	332,133	**316,679**	–
Bayaran balik pinjaman	**(475,523)**	(290,000)	**(320,259)**	(290,000)
Perolehan bersih daripada penerimaan bank	**172,700**	71,300	**–**	–
Bayaran balik liabiliti LLA	**(388,103)**	–	**–**	–
Bayaran balik pinjaman oleh pihak berkaitan	**–**	10,456	**–**	–
Pembayaran pinjaman kepada entiti kawalan bersama	**(29,552)**	(45,520)	**–**	–
Perolehan daripada penebusan RCPS	**–**	–	**–**	120,000
Bayaran untuk pajakan modal	**–**	(461)	**–**	–
Dividen dibayar kepada pemegang saham	**(200,648)**	(25,000)	**(200,648)**	(25,000)
Dividen dibayar kepada kepentingan pihak tidak mengawal	**(65,447)**	(36,481)	**–**	–
Perbelanjaan faedah dibayar	**(104,176)**	(123,327)	**(93,856)**	(103,575)
Penurunan/(peningkatan) dalam deposit tetap untuk kemudahan bank	**305,277**	(286,510)	**305,067**	(290,667)
Sumbangan modal bersih kepada pemegang saham penting#	**–**	(1,304,500)	**–**	–
Perolehan daripada terbitan saham, ditolak perbelanjaan terbitan saham	**4,325,962**	–	**4,325,962**	–
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) kegiatan pembiayaan	**3,640,490**	(1,697,910)	**4,332,945**	(589,242)

	Nota	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 (Dinyatakan Semula) RM'000	Syarikat 2012 RM'000	Syarikat 2011 RM'000
PENINGKATAN/(PENURUNAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI		**4,219,523**	1,045,409	**4,026,127**	(111,017)
Kesan perubahan kadar tukaran asing		**(4,004)**	(5,268)	**2,633**	–
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN		**1,457,484**	417,343	**154,945**	265,962
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	31	**5,673,003**	1,457,484	**4,183,705**	154,945

Sumbangan modal bersih kepada pemegang saham penting mewakili aliran tunai bersih yang timbul daripada operasi estet perladangan bagi tahun perbandingan, dianggap sebagai sumbangan modal bersih kepada FELDA berikutan penggunaan kaedah perakaunan sebelumnya.

Urusniaga ketara bukan tunai:

(a) Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

Kumpulan dan Syarikat

Pada 17 Mei 2012, Syarikat telah menukar 329,949,500 Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus Tanpa Undian ("RCPS") dan 570,590,000 Saham Keutamaan Boleh Tukar Terkumpul Boleh Tebus Tanpa Undian ("RCCPS") pada nilai nominal RM0.01 dan premium sebanyak RM0.99 setiap satu kepada 900,539,500 saham biasa RM1.00 setiap satu, yang menyebabkan peningkatan dalam modal saham terbitan dan berbayar Syarikat sebanyak RM900,539,500 iaitu daripada RM1,767,612,000 kepada RM2,668,151,500.

Syarikat

i. Pada 31 Disember 2012, Syarikat telah melanggan 1,142,038,242 RCPS bernilai RM0.01 setiap satu daripada Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd ("FGVD"), sebuah anak syarikat milik penuh Syarikat, menerusi penukaran jumlah belum terima daripada FGVD sebanyak RM1,142,038,242.

ii. Pada 31 Disember 2012, Syarikat telah melanggan 196,493,801 RCPS bernilai RM0.01 setiap satu daripada Felda Global Ventures Plantations Sdn Bhd ("FGVP"), sebuah anak syarikat milik penuh Syarikat, menerusi penukaran jumlah belum terima daripada FGVP sebanyak RM196,493,801.

(b) Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011

Kumpulan

i. Pada 20 Mei 2011, sebagai sebahagian daripada penyenaraian organisasi semula korporat MSM Malaysia Holdings Berhad ("MSMH"), Felda Global Ventures Perlis Sdn Bhd ("FGVP"), anak-anak syarikat milik Syarikat, telah memindahkan operasi peladangan tebu di Chuping ke Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd ("KGFP"), sebuah anak syarikat, untuk harga pengambilalihan sebanyak RM106,209,770 dan FGVP seterusnya telah mencalonkan Syarikat untuk menerima saham KGFP (rujuk Nota 21(d)(iii(a)). Pencalonan saham KGFP oleh FGVP kepada Syarikat adalah sebahagiannya untuk melangsaikan jumlah belum terima daripada FGVP kepada Syarikat berjumlah RM47,521,993.

ii. Pada 20 Mei 2011, sebagai sebahagian daripada skim organisasi semula korporat untuk menyenaraikan MSMH, Syarikat telah melupuskan kesemua kepentingan ekuitinya dalam KGFP kepada MSMH untuk RM665,227,332 yang telah dipenuhi menerusi peningkatan 190.1 juta saham baru MSMH pada harga terbitan sebanyak RM3.50 setiap satu.

Pada tarikh yang sama, syarikat-syarikat bersekutu, Felda Holdings Berhad, telah mengumumkan dividend-in-specie dengan mengagihkan 36.2 juta saham MSMH berjumlah RM126.7 juta, di mana 17.7 juta saham MSMH berjumlah RM62.1 juta telah diterima oleh Syarikat (rujuk Nota 21 (d)(iii)(c)).

iii. Pada 30 Disember 2011, Syarikat telah menebus sepenuhnya 104,655,238 Saham Keutamaan Boleh Tukar Terkumpul Boleh Tebus Tanpa Undian ("RCCPS") E dan RCCPS F berjumlah RM0.01 setiap satu berikutan pelupusan 100% kepentingan ekuiti Felda Global Ventures Middle East Sdn Bhd ("FGVME") kepada badan pemegang pentingnya, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ("FELDA"), dengan memindahkan 104,655,200 Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus Tanpa Undian ("RCPS") B berjumlah sehingga RM103,606,096 dalam FGVME yang dipegang oleh Syarikat kepada FELDA bagi melangsaikan jumlah penuh pra-bayaran pajakan Ijarah, yang ditanggung oleh Syarikat kepada FELDA.

1 MAKLUMAT UMUM

Syarikat adalah asasnya sebuah syarikat pegangan pelaburan dengan pelaburan penting dalam perladangan kelapa sawit dan kegiatan-kegiatan hiliran yang berkaitan, penapisan gula, pembuatan, logistik dan lain-lain. Kegiatan penting anak-anak syarikat dinyatakan dalam Nota 21 penyata kewangan. Tidak terdapat sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan Kumpulan dan Syarikat ini semasa tahun kewangan selain daripada pengambilalihan estet perladangan sebelum penyenaraiannya.

Pada 1 Januari 2012, Kumpulan telah mengambilalih estet perladangan seperti yang didedahkan dalam Nota 21(c). Pengambilalihan estet perladangan telah diakaunkan menggunakan asas perakaunan sebelumnya yang menyebabkan pengiktirafan rizab organisasi semula berjumlah sehingga RM2,088,969,000 seperti yang dinyatakan dalam Nota 37 penyata kewangan.

Dalam tahun kewangan sebelum ini, Syarikat merupakan sebuah syarikat liabiliti sendirian berhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Pada 18 Januari 2012, Syarikat telah mendapat kelulusan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk menukar statusnya daripada syarikat liabiliti sendirian berhad kepada syarikat liabiliti awam berhad.

Pada 28 Jun 2012, Syarikat telah menyelesaikan pelaksanaan penawaran awam awal ("IPO") dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan penting Syarikat terletak di Tingkat 42, Menara Felda, Platinum Park, No.11 Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

2 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya dalam penyata polisi individu dalam Nota 3 panyata kewangan.

Penyata kewangan ini telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan di Malaysia.

Pada tahun kewangan bermula 1 Januari 2014, Kumpulan, sebagai sebuah Entiti Peralihan, akan menggunapakai rangka kerja patuh IFRS yang baru iaitu Piawaian Laporan Kewangan Malaysian ("MFRS").

Penyediaan penyata kewangan menurut kehendak Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan di Malaysia memerlukan para Pengarah membuat anggaran dan andaian yang memberi kesan ke atas jumlah aset dan liabiliti serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangka yang dilaporkan pada tarikh penyata kewangan selain jumlah perolehan dan perbelanjaan yang dilaporkan semasa tempoh laporan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Penyediaan penyata kewangan ini memerlukan penggunaan anggaran tertentu dan andaian perakaunan kritikal yang tertentu. Ia juga memerlukan pihak pengurusan melaksanakan penilaian dalam proses menggunapakai polisi-polisi perakaunan Kumpulan. Bahagian yang melibatkan tahap pertimbangan atau kesukaran yang tinggi, atau bahagian di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 5.

(i) Piawaian, pindaan ke atas terbitan piawaian dan tafsiran yang digunapakai oleh Kumpulan dan Syarikat pada 1 Januari 2012:

- FRS 124 yang telah disemak "Pendedahan Pihak Berkaitan"
- Tafsiran IC 19 "Melupuskan Liabiliti Kewangan dengan Instrumen Ekuiti"
- Pindaan FRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan ke atas Pemindahan Aset Kewangan"
- Pindaan FRS 112 "Cukai Pendapatan: Cukai Tertunda – Pemulihan Aset Teras"
- Pindaan Terjemahan IC 14 "FRS 119 – Had ke atas Aset Manfaat Tertakrif, Kehendak Pembiayaan Minimum dan Interaksinya"

Gunapakai piawaian, pindaan ke atas terbitan piawaian dan tafsiran di atas tidak memberi kesan kewangan yang penting ke atas Kumpulan dan tidak menghasilkan perubahan besar dalam polisi-polisi perakaunan Kumpulan kecuali bagi FRS 124 yang telah disemak, yang mana kesan-kesan pentingnya dibincangkan di bawah:

- FRS 124 yang telah disemak "Pendedahan Pihak Berkaitan" (berkuatkuasa 1 Januari 2012) menghapuskan pengecualian bagi pendedahan urusniaga di antara entiti-entiti berkaitan kerajaan dengan pihak kerajaan, dan semua entiti-entiti berkaitan kerajaan yang lain. Pendedahan baru yang berikut kini diperlukan untuk semua entiti-entiti berkaitan kerajaan:
  - Nama kerajaan yang terlibat dan ciri-ciri hubungan antara mereka;
  - Ciri-ciri dan jumlah bagi setiap urusniaga penting; dan
  - Tahap bagi sebarang urusniaga kolektif yang penting, samada secara kualitatif atau kuantitatif.

Kesan ke atas penyata kewangan berikutan penggunaan FRS 124 yang telah Disemak adalah merupakan pendedahan tambahan.

2 ASAS PENYEDIAAN (sambungan)

(ii) Pindaan ke atas terbitan piawaian yang berkaitan dengan Kumpulan dan Syarikat dan telah dipenggunaan awal:

Semasa tahun kewangan, Kumpulan dan Syarikat telah menggunapakai lebih awal Pindaan FRS 119 "Manfaat lebih Kakitangan" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) dan telah menggunapakai piawaian ini dari tahun kewangan bermula 1 Januari 2012.

Pindaan FRS 119 "Manfaat Kakitangan" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) membawa perubahan penting ke atas pengiktirafan dan ukuran perbelanjaan pencen manfaat tertakrif dan manfaat pemberhentian kerja, dan ke atas pendedahan untuk semua manfaat kakitangan. Keuntungan dan kerugian aktuarial tidak lagi akan ditunda menggunakan pendekatan koridor. FRS 119 akan ditarik balik dengan penggunaan pindaan ini. Gunapakai awal tidak mendatangkan kesan penting bagi Kumpulan dan Syarikat.

(iii) Piawaian, pindaan ke atas terbitan piawaian dan tafsiran bagi piawaian sedia ada yang berkaitan dengan Kumpulan dan Syarikat tetapi belum berkuatkuasa dan belum dipenggunaan lebih awal:

Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2013

- Pindaan FRS 101 "Pembentangan Item dari Lain-lain Pendapatan Komprehensif" (berkuatkuasa 1 Julai 2012) memerlukan entiti-entiti mengasingkan item-item yang dibentangkan dalam "Lain-lain Pendapatan Komprehensif" (OCI) dalam penyata pendapatan komprehensif ke dalam dua kumpulan, berdasarkan samada ia boleh dikitar semula ke dalam keuntungan atau kerugian pada masa hadapan. Pindaan ini tidak menyatakan item yang dibentangkan dalam OCI.
- FRS 10 "Gabungan Penyata Kewangan" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) mengubah takrif kawalan. Pelabur mengawal penerima pelaburan apabila ia terdedah kepada, atau berhak ke atas, pulangan yang berubah-ubah hasil daripada penglibatannya dengan penerima pelaburan tersebut dan memiliki kemampuan untuk mempengaruhi pulangan tersebut menerusi kuasanya ke atas penerima pelaburan. Ia menjadikan kawalan sebagai asas penentuan entiti-entiti yang digabungkan dalam gabungan penyata kewangan dan menetapkan kehendak-kehendak perakaunan bagi penyediaan gabungan penyata kewangan. Ia menggantikan semua panduan kawalan dan penggabungan dalam FRS 127 "Penyata Kewangan Gabungan dan Berasingan" dan Tafsiran IC 112 "Gabungan – Entiti-entiti Tujuan Khas".
- FRS 11 "Urus Janji Bersama" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) mengkehendaki sesuatu pihak dalam satu urus janji bersama untuk menentukan jenis urus janji bersama di mana ia terlibat dengan menilai hak dan tanggungannya yang timbul daripada urus janji tersebut, berbanding bentuk perundangannya. Terdapat dua jenis urus janji bersama: operasi bersama dan usahasama. Operasi bersama terjadi apabila pengendali bersama mempunyai hak ke atas aset-aset dan tanggungan yang berkaitan dengan urus janji tersebut dan oleh itu menjelaskan kepentingannya dalam aset, liabiliti, perolehan dan perbelanjaan. Usahasama terjadi apabila pengendali bersama mempunyai hak ke atas aset bersih urus janji tersebut dan oleh itu mengakaunkan ekuiti untuk kepentingannya. Gabungan berkadar bagi usahasama tidak lagi dibenarkan.
- FRS 12 "Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) menjelaskan pendedahan yang diperlukan bagi entiti-entiti yang membuat laporan di bawah dua piawaian baru, FRS 10 dan FRS 11, dan menggantikan kehendak pendedahan sedia ada dalam FRS 128 "Pelaburan dalam Syarikat Sekutu". Ia mengkehendaki entiti-entiti mendedahkan maklumat yang membantu pembaca-pembaca penyata kewangan menilai ciri-ciri, risiko-risiko dan kesan-kesan kewangan berkaitan dengan kepentingan entiti-entiti dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu, urus janji bersama dan entiti-entiti berstruktur tidak bergabung.
- FRS 13 "Ukuran Nilai Saksama" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) bertujuan memperbaiki konsistensi dan mengurangkan kesukaran dengan menyediakan definisi yang tepat bagi nilai saksama serta sumber tunggal bagi ukuran nilai saksama dan kehendak pendedahan untuk kegunaan bagi semua FRS. Kehendak-kehendak tersebut tidak memperluaskan penggunaan perakaunan nilai saksama tetapi menyediakan panduan tentang penggunaannya apabila penggunaannya diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian lain. Kehendak pendedahan yang dipertingkatkan adalah serupa dengan FRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan", tetapi dipenggunaan ke atas semua aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama, dan bukan hanya pada yang berbentuk kewangan.
- FRS 127 yang telah Disemak "Penyata Kewangan Berasingan" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) merangkumi peruntukan ke atas penyata kewangan berasingan yang tinggal selepas peruntukan kawalan FRS 127 dirangkumkan ke dalam FRS 10 yang baru.
- FRS 128 yang telah Disemak "Pelaburan dalam Syarikat-syarikat bersekutu dan Usahasama" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) merangkumi kehendak-kehendak bagi usahasama serta syarikat-syarikat bersekutu untuk diakaunkan menerusi ekuiti berikutan terbitan FRS 11.
- Pindaan FRS 1 "Pinjaman Kerajaan" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) membenarkan pengguna kali pertama untuk menggunakan jumlah bawaan berdasarkan GAAP terdahulu untuk pinjaman yang dalam peralihan kepada MFRS. Ia mengkehendaki entiti-entiti untuk mengklasifikasikan semua pinjaman kerajaan sebagai liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti sejajar dengan FRS 132 "Instrumen Kewangan: Pembentangan" dan mengpenggunaan kehendak-kehendak dalam FRS 9 "Instrumen Kewangan" dan FRS 120 "Perakaunan untuk Geran-geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan" secara prospektif bagi pinjaman kerajaan yang wujud pada tarikh peralihan kepada FRS dan tidak mengiktiraf manfaat pinjaman kerajaan yang berada pada kadar faedah di bawah nilai pasaran sebagai geran kerajaan.
- Pindaan FRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) memerlukan pendedahan lebih meluas dengan fokus ke atas maklumat kuantitatif mengenai instrumen kewangan yang diiktiraf diseimbangkan dalam penyata kedudukan kewangan dan yang tertakluk kepada penolakan induk atau urus janji serupa tanpa mengambilkira samada ia diseimbangkan.

2 ASAS PENYEDIAAN (sambungan)

(iii) Piawaian, pindaan ke atas terbitan piawaian dan tafsiran bagi piawaian sedia ada yang berkaitan dengan Kumpulan dan Syarikat tetapi belum berkuatkuasa dan belum dipenggunaan awal: (sambungan)

Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2013 (sambungan)

- Pindaan FRS 10, FRS 11 dan FRS 12 "Gabungan Penyata Kewangan, Urus Janji Bersama dan Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain: Panduan Peralihan" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) menjelaskan bahawa tarikh permulaan gunapakai merupakan hari pertama tempoh tahunan di mana FRS 10 dipenggunaan. Entiti harus menilai kawalan pada tarikh permulaan gunapakai yang akan memberi kesan ke atas penggunaan di dalam tempoh perbandingan tahun sebelumnya. Pindaan ini juga mengkehendaki perbandingan bagi pendedahan tertentu yang berkaitan dengan anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti-entiti kawalan bersama di bawah FRS 12 sejurus peralihan. Sebarang perbezaan di antara jumlah bawaan FRS 10 dan jumlah bawaan terdahulu pada permulaan tempoh tahunan yang sebelumnya diselaraskan kepada ekuiti.
- Penambahbaikan FRS yang berkaitan dengan Penambahbaikan IASB kepada IFRS pada 2011
  - Pindaan FRS 16 "Hartanah, Loji dan Peralatan" menjelaskan bahawa bahagian gantian dan peralatan servis diklasifikasi sebagai hartanah, loji dan peralatan dan bukannya inventori apabila ia memenuhi definasi hartanah, loji dan peralatan.
- Tafsiran IC 20 "Kos Pelucutan pada Fasa Pengeluaran Permukaan Lombong" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) menetapkan perakaunan bagi bebanan kos pengalihan (pelucutan) sisa buangan pada fasa pengeluaran lombong. Ia mengkehendaki entiti-entiti yang membuat laporan di bawah MFRS untuk menghapuskira aset-aset pelucutan sedia ada kepada perolehan tersimpan sekiranya aset-aset tersebut tidak boleh dikaitkan dengan komponen badan yang boleh dikenalpasti.

Kumpulan dan Syarikat akan mengpenggunaan piawaian-piawaian di atas dari tahun kewangan bermula 1 Januari 2013.

Kesan piawaian-piawaian di atas sedang dinilai oleh para Pengarah.

Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2014

MFRS 1 "Gunapakai MFRS buat Kali Pertama" menyediakan pengecualian pilihan tertentu dan pengecualian mandatori tertentu untuk penggunaan MFRS buat kali pertama.

Kesan penggunaan MFRS 1 ke atas Kumpulan dan Syarikat berdasarkan pengecualian mandatori dan pengecualian pilihan bagi penggunaan MFRS buat kali pertama masih dinilai oleh para Pengarah.

- MFRS 141 "Pertanian"
- Pindaan MFRS 132 "Instrumen Kewangan: Pembentangan"

Kesan penting hasil daripada penggunaan MFRS 141 dan Pindaan MFRS 132 adalah dibincangkan di bawah:

- MFRS 141 "Pertanian" (berkuatkuasa 1 Januari 2012) mengkehendaki aset biologi dan hasil pertanian pada masa penuaian diukur pada nilai saksama tolak kos jualan.

  Sejurus penggunaan MFRS 141 pada 1 Januari 2014, aset-aset biologi Kumpulan akan dinilai saksama dan kesan pelarasan nilai saksama itu akan diakaunkan secara retrospektif dengan menyelaraskan perolehan tersimpan. Perubahan nilai saksama yang seterusnya bagi aset biologi selepas tarikh itu akan dimasukkan dalam keuntungan dan kerugian dalam tempoh di mana perubahan tersebut timbul.
- Pindaan MFRS 132 "Instrumen Kewangan: Pembentangan" (berkuatkuasa 1 Januari 2014) tidak mengubah model pengimbangan semasa dalam MFRS 132. Ia menjelaskan makna "mempunyai hak semasa yang boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang untuk mengimbangi" bahawa hak untuk mengimbangi harus tersedia pada hari ini (bukan bergantung kepada peristiwa masa hadapan) dan boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang untuk semua pihak yang terlibat dalam urusan lazim perniagaan. Ia menjelaskan bahawa beberapa mekanisme penyelesaian secara kasar dengan ciri-ciri yang setara dengan penyelesaian secara bersih akan memenuhi kriteria pengimbangan MFRS 132.

Kumpulan akan menggunapakai piawaian-piawaian di atas dari tahun kewangan bermula 1 Januari 2014.

Kesan piawaian di atas sedang dinilai oleh para Pengarah.

2 ASAS PENYEDIAAN (sambungan)

(iii) Piawaian, pindaan ke atas terbitan piawaian dan tafsiran bagi piawaian sedia ada yang berkaitan dengan Kumpulan dan Syarikat tetapi belum berkuatkuasa dan belum dipenggunaan awal: (sambungan)

Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2015

- MFRS 9 "Instrumen Kewangan – Klasifikasi dan Pengukuran Aset-aset Kewangan dan Liabiliti-liabiliti Kewangan" (berkuatkuasa 1 Januari 2015) menggantikan model-model klasifikasi dan pengukuran dalam MFRS 139 dengan satu model tunggal yang hanya mempunyai dua kategori klasifikasi: kos dilunaskan dan nilai saksama. Asas klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti-entiti dalam menguruskan aset-aset kewangan dan ciri-ciri aliran tunai kontrak aset-aset kewangan tersebut.

  Perakaunan dan pembentangan bagi liabiliti-liabiliti kewangan dan untuk menyahiktiraf instrumen kewangan telah dipindahkan daripada MFRS 139, tanpa perubahan, kecuali bagi liabiliti-liabiliti kewangan yang telah ditetapkan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian ("FVTPL"). Entiti dengan liabiliti-liabiliti kewangan yang ditetapkankan pada FVTPL mengiktiraf perubahan dalam nilai saksama disebabkan oleh perubahan dalam risiko kredit liabiliti tersebut secara langsung dalam lain-lain pendapatan komprehensif lain ('OCI"). Tidak terdapat kitaran semula selanjutnya bagi jumlah dalam OCI kepada keuntungan atau kerugian, tetapi keuntungan atau kerugian terkumpul boleh dipindahkan dalam ekuiti.

  Panduan dalam MFRS 9 berkaitan rosot nilai aset-aset kewangan dan perakaunan lindung nilai terus digunapakai.

  Kumpulan dan Syarikat akan menggunapakai piawaian di atas dari tahun kewangan 1 Januari 2015.

  Kesan piawaian di atas sedang dinilai oleh para Pengarah.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan penting yang digunapakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunapakai secara konsisten ke atas semua tahun-tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas gabungan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat

Penyata kewangan yang disatukan adalah termasuk penyata kewangan Syarikat dan semua anak-anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun. Anak-anak syarikat adalah semua entiti-entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mentadbir polisi-polisi kewangan dan operasi secara umumnya disertai dengan pegangan saham melebihi separuh daripada hak mengundi. Kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang boleh dilaksanakan atau boleh ditukar dipertimbangkan apabila menilai samada Kumpulan mengawal entiti-entiti yang lain.

Perakaunan pengambilalihan

Kaedah perakaunan pengambilalihan digunakan untuk mengambilkira pengambilalihan anak-anak syarikat oleh Kumpulan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan, kos pengambilalihan diukur sebagai nilai saksama aset yang diberikan, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau diambilalih pada tarikh pertukaran atau pengambilalihan. Kos pengambilalihan termasuk nilai saksama sebarang aset atau liabiliti terhasil daripada pengaturan pertimbangan luar jangka. Kos berkaitan daripada pengambilalihan adalah pembelanjaan apabila ditanggung. Aset dan liabiliti dikenalpasti yang diambilalih dan liabiliti luar jangka yang ditanggung dalam kombinasi perniagaan pada mulanya diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambilkira sejauh mana tahap kepentingan pihak tidak mengawal. Lebihan kos pengambilalihan ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih yang boleh dikenalpasti bagi anak-anak syarikat yang diambilalih direkodkan sebagai muhibah. Jika kos pengambilalihan adalah kurang daripada nilai saksama aset bersih anak-anak syarikat yang diambilalih, perbezaannya diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian.

Keputusan anak-anak syarikat yang diambilalih atau dijual pada tahun ini dimasukkan ke dalam gabungan penyata pendapatan komprehensif dari tarikh kuatkuasa kawalan yang diperolehi atau sehingga apabila tarikh kuatkuasa kawalan berakhir, sebagaimana wajar.

Perakaunan sebelumnya

Pengambilalihan anak-anak syarikat dan perniagaan di bawah kawalan lazim yang memenuhi syarat-syarat penggabungan diakaunkan menggunakan asas perakaunan sebelumnya. Pengambilalihan Felda Global Ventures Indonesia Sdn Bhd ("FGVI"), Felda Global Ventures North America Sdn Bhd ("FGVNA") dan estet perladangan yang dimiliki oleh FELDA (Nota 21) yang memenuhi syarat-syarat penggabungan diakaunkan menggunakan asas tersebut.

Di bawah polisi-polisi perakaunan sebelumnya, keputusan anak-anak syarikat dan perniagaan di bawah kawalan lazim dibentangkan seolah-olah gabungan perniagaan telah dikuatkuasakan sepanjang tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Aset dan liabiliti yang digabungkan diakaunkan berdasarkan jumlah bawaan daripada perspektif pemegang saham kawalan lazim pada tarikh pemindahan. Berikutan penggabungan, kos penggabungan perniagaan dibatalkan dengan nilai saham yang diterima. Sebarang perbezaan kredit atau debit yang terhasil diklasifikasikan sebagai rizab penyusunan semula. Sebarang premium saham, rizab penebusan modal dan rizab lain yang berkait dengan modal saham entiti-entiti yang digabungkan, setakat mana tahap yang ia tidak dipermodalkan oleh perbezaan debit, diklasifikasikan dan dibentangkan sebagai pergerakan dalam rizab-rizab modal yang lain.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(a) Asas gabungan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat (sambungan)

Urusniaga antara syarikat, baki dan keuntungan tidak direalisasi daripada urusniaga antara syarikat-syarikat kumpulan dihapuskira, kerugian tidak direalisasi juga dihapuskan kecuali sekiranya kos tidak boleh diperoleh semula. Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan keselarasan dengan polisi-polisi yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Kepentingan pihak tidak mengawal adalah ekuiti dalam anak-anak syarikat yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada induk. Pada asas pengambilalihan-menerusi-pengambilalihan, Kumpulan mengukur sebarang kepentingan pihak tidak mengawal dalam syarikat yang diambilalih mengikut bahagian berwajaran aset bersih syarikat yang diambilalih. Pada akhir tempoh laporan, kepentingan pihak tidak mengawal terdiri daripada jumlah yang dikira pada tarikh gabungan dan bahagiannya dalam perubahan ekuiti anak-anak syarikat sejak tarikh gabungan.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan anak-anak syarikat adalah perbezaan di antara hasil kutipan bersih pelupusan dan bahagian Kumpulan daripada aset bersihnya pada tarikh pelupusan termasuk jumlah terkumpul sebarang perbezaan pertukaran atau rizab lain yang berkaitan dengan anak-anak syarikat dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Semua perolehan dan kerugian anak-anak syarikat dikaitkan dengan induk dan kepentingan pihak tidak mengawal, walaupun kerugian yang dikaitkan dengan kepentingan pihak tidak mengawal itu menyebabkan baki debit dalam kepentingan pihak tidak mengawal.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan pada kos.

Apabila tanda-tanda rosot nilai wujud, jumlah bawaan pelaburan ditaksir dan diturun nilai serta-merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula (Nota 3 (g)).

Bagi pelupusan anak-anak syarikat, perbezaan antara hasil bersih pelupusan dan jumlah bawaannya dicaj/dikreditkan kepada keuntungan atau kerugian.

(b) Perubahan dalam kepentingan pemilikan dalam anak-anak syarikat tanpa perubahan kawalan

Urusniaga dengan kepentingan pihak tidak mengawal yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan diambilkira sebagai urusniaga ekuiti – iaitu, sebagai urusniaga dengan pemilik dalam kapasiti mereka sebagai pemilik. Perbezaan di antara nilai saksama sebarang pertimbangan yang dibayar dan bahagian saham yang diambilalih atas nilai bawaan aset-aset bersih anak-anak syarikat direkodkan dalam perolehan terkumpul. Keuntungan atau kerugian atas pelupusan kepentingan pihak tidak mengawal turut direkodkan dalam perolehan terkumpul.

(c) Muhibah

Muhibah mewakili lebihan kos pengambilalihan anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti-entiti kawalan bersama ke atas bahagian Kumpulan daripada nilai saksama aset bersih yang boleh dikenalpasti termasuk liabiliti luar jangka pada tarikh pengambilalihan. Muhibah atas pengambilalihan bagi anak-anak syarikat dirangkumkan di dalam gabungan penyata kedudukan kewangan sebagai aset tidak ketara, atau jika timbul bagi syarikat-syarikat bersekutu dan entiti-entiti kawalan bersama, ia dirangkumkan ke dalam pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu atau entiti-entiti kawalan bersama.

Muhibah yang diiktiraf secara berasingan diuji setiap tahun untuk rosot nilai atau jika peristiwa atau keadaan yang berlaku menunjukkan bahawa rosot nilai mungkin wujud dan dibawa pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Kerugian rosot nilai ke atas muhibah tidak dibalikkan. Keuntungan dan kerugian daripada penjualan sesebuah entiti-entiti adalah termasuk jumlah bawaan muhibah yang berkaitan dengan entiti-entiti yang dijual.

Muhibah diperuntukkan kepada unit-unit penjana tunai bagi tujuan ujian rosot nilai. Peruntukan dibuat kepada unit-unit penjanaan tunai yang dijangka mendapat manfaat daripada gabungan perniagaan di mana muhibah tersebut timbul.

(d) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat, perkongsian atau entiti-entiti lain di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi ia tidak mengawal secara umumnya disertai dengan pegangan saham di antara 20% dan 50% hak mengundi. Pengaruh yang penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan polisi kewangan dan operasi syarikat-syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi tersebut.

Syarikat-syarikat bersekutu diambilkira dalam gabungan penyata kewangan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti dan pada awalnya diiktiraf pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu meliputi muhibah yang dikenalpasti daripada pengambilalihan. Lihat polisi-polisi perakaunan penting Nota 3 (c) mengenai muhibah.

Perakaunan ekuiti dihentikan apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas entiti-entiti atau apabila syarikat-syarikat bersekutu diklasifikasi sebagai aset yang dipegang untuk jualan.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(d) Syarikat-syarikat bersekutu (sambungan)

Bahagian keuntungan atau kerugian selepas cukai Kumpulan dan kepentingan pihak tidak mengawal dalam syarikat-syarikat bersekutu selepas pengambilalihan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, dan bahagiannya dalam perubahan selepas pengambilalihan dalam rizab masing-masing, selain daripada perubahan dalam kepentingan pihak tidak mengawal yang dicatatkan dalam gabungan penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu, diiktiraf dalam rizab masing-masing. Perubahan terkumpul selepas pengambilalihan diselaraskan dengan jumlah bawaan pelaburan tersebut. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat-syarikat bersekutu tersebut, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang pada dasarnya adalah pelaburan bersih, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia telah menanggung obligasi atau membuat bayaran bagi pihak syarikat-syarikat bersekutu tersebut.

Keuntungan tidak direalisasi daripada urusniaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu dihapuskan pada kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu terbabit. Kerugian tidak direalisasi juga dihapuskan kecuali sekiranya urusniaga tersebut mengemukakan bukti tentang rosot nilai aset yang dipindahkan.

Kumpulan mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian atas jualan aset oleh Kumpulan kepada syarikat-syarikat bersekutu yang boleh dikaitkan dengan para pemegang saham yang lain. Kumpulan tidak mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian daripada syarikat-syarikat bersekutu yang terhasil daripada pembelian aset oleh Kumpulan daripada syarikat-syarikat bersekutu terbabit sehingga ia menjual semula aset tersebut kepada pihak bebas. Walau bagaimanapun, jika kerugian atas urusniaga tersebut mengemukakan bukti pengurangan dalam nilai bersih boleh direalisasi bagi aset semasa atau kerugian rosot nilai, kerugian itu diiktiraf dengan segera.

Kumpulan mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian daripada syarikat-syarikat bersekutu yang timbul daripada pembelian aset oleh syarikat-syarikat bersekutu lain atau entiti kawalan bersama Kumpulan.

Di mana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti ini, pelarasan yang sesuai dibuat ke atas penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu bagi memastikan keselarasan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos.

Sekiranya wujud tanda-tanda rosot nilai, jumlah bawaan pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu tersebut ditaksir dan diturun nilai serta-merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula (Nota 3 (g)).

Bagi pelupusan syarikat-syarikat bersekutu, perbezaan di antara hasil kutipan bersih pelupusan dan jumlah bawaannya dicaj/dikreditkan kepada keuntungan atau kerugian.

(e) Entiti kawalan bersama

Entiti kawalan bersama adalah semua syarikat-syarikat, perkongsian atau entiti-entiti lain yang mana terdapat kontrak persetujuan berkongsi kawalan oleh Kumpulan dengan satu atau lebih pihak di mana keputusan kewangan dan operasi yang strategik berkaitan dengan entiti-entiti terbabit memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang berkongsi kawalan. Kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama diakaunkan dalam gabungan penyata kewangan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti.

Perakaunan ekuiti dihentikan apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan bersama ke atas entiti kawalan bersama atau apabila entiti kawalan bersama diklasifikasi sebagai aset yang dipegang untuk jualan.

Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian Kumpulan dalam keputusan selepas pengambilalihan entiti kawalan bersama dalam keuntungan atau kerugian dan bahagiannya dalam perubahan selepas pengambilalihan dalam rizab masing-masing. Perubahan terkumpul selepas pengambilalihan diselaraskan dengan jumlah bawaan pelaburan.

Kumpulan mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian atas jualan aset oleh Kumpulan kepada entiti kawalan bersama yang berkaitan dengan pengusaha lain. Kumpulan tidak mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian daripada entiti kawalan bersama yang terhasil daripada pembelian aset oleh Kumpulan daripada entiti kawalan bersama sehingga ia menjual semula aset tersebut kepada pihak bebas. Walau bagaimanapun, jika kerugian atas urusniaga tersebut mengemukakan bukti pengurangan dalam nilai bersih yang boleh direalisasi bagi aset semasa atau kerugian rosot nilai, kerugian tersebut diiktiraf dengan segera.

Kumpulan mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian daripada entiti kawalan bersama yang timbul daripada pembelian aset oleh syarikat-syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama yang lain dalam Kumpulan.

Di mana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti ini, pelarasan yang sewajarnya dibuat ke atas penyata kewangan entiti kawalan bersama bagi memastikan keselarasan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam entiti kawalan bersama dinyatakan pada kos.

Sekiranya tanda-tanda rosot nilai wujud, jumlah bawaan pelaburan dalam entiti kawalan bersama tersebut ditaksir dan diturun nilai serta-merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula (Nota 3(g)).

Bagi pelupusan entiti kawalan bersama, perbezaan di antara hasil kutipan bersih pelupusan dan jumlah bawaannya dicaj/dikreditkan kepada keuntungan atau kerugian.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(f) Aset kewangan

Klasifikasi

Kumpulan mengklasifikasikan aset kewangannya dalam kategori berikut: pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, pinjaman dan belum terima dan aset-aset kewangan sedia untuk dijual. Klasifikasi dirosot nilai bergantung kepada tujuan pada mana aset-aset kewangan tersebut diperoleh. Pengurusan menentukan klasifikasi aset-aset kewangan pada pengiktirafan awal.

(i) Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian

Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian adalah aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan. Aset kewangan diklasifikasikan dalam kategori ini jika ia diperoleh terpentingnya untuk tujuan jualan jangka pendek. Derivatif dikategorikan sebagai dipegang untuk dagangan kecuali sekiranya ia telah ditetapkan sebagai pelindung nilai. Aset dalam kategori ini diklasifikasikan sebagai aset semasa.

Derivatif pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeterai dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama. Kaedah mengiktiraf keuntungan atau kerugian yang terhasil bergantung kepada samada derivatif tersebut telah ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, dan jika demikian, sifat item yang dilindung nilai. Kumpulan tidak menggunakan perakaunan lindung nilai pada akhir tahun kewangan.

(ii) Pinjaman dan belum terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset-aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditetapkankan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia termasuk dalam aset semasa, kecuali bagi tempoh matang lebih daripada 12 bulan selepas akhir tempoh laporan. Ini diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

(iii) Aset kewangan sedia untuk dijual

Aset kewangan sedia untuk dijual adalah bukan derivatif yang samada ditetapkan dalam kategori ini atau tidak diklasifikasi dalam mana-mana kategori lain. Ia dirangkumkan ke dalam aset-aset bukan semasa kecuali jika pelaburan mencapai tempoh matang atau para Pengarah bercadang untuk melupuskannya dalam tempoh 12 bulan dari akhir tempoh laporan.

Pengiktirafan dan ukuran awal

Pembelian dan jualan aset-aset kewangan yang lazim diiktiraf pada tarikh dagangan, tarikh di mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urusniaga bagi semua aset-aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama menerusi untung atau rugi. Aset kewangan yang dibawa pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urusniaga dicaj dalam keuntungan atau kerugian.

Ukuran lanjutan – keuntungan dan kerugian

Aset kewangan sedia untuk dijual dan aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian kemudiannya dibawa pada nilai saksama. Pinjaman dan belum terima kemudiannya dibawa pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

Perubahan dalam nilai saksama aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, termasuk kesan terjemahan matawang, faedah dan perolehan dividen diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh di mana perubahan berkenaan timbul.

Perubahan dalam nilai saksama aset-aset kewangan sedia untuk dijual diiktiraf dalam perolehan keseluruhan lain, kecuali bagi kerugian rosot nilai (lihat polisi-polisi perakaunan Nota 3 (g)) dan keuntungan dan kerugian ke atas aset monetari tukaran asing. Perbezaan terjemahan matawang ke atas aset monetari diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, manakala perbezaan tukaran atas aset-aset bukan monetari diiktiraf dalam perolehan keseluruhan lain sebagai sebahagian daripada perubahan nilai saksama.

Faedah dan perolehan dividen atas aset-aset kewangan sedia untuk dijual diiktiraf secara berasingan dalam keuntungan atau kerugian. Pendapatan dividen atas aset-aset kewangan sedia untuk dijual diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila hak Kumpulan untuk menerima bayaran ditetapkankan.

Aset dan liabiliti kewangan diseimbangkan dan jumlah bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang untuk mengimbangi jumlah yang diiktiraf dan terdapat niat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(g) Rosot nilai aset kewangan

Aset dibawa pada kos dilunaskan

Kumpulan menilai pada akhir setiap tempoh laporan samada terdapat bukti objektif bahawa nilai aset kewangan atau kumpulan aset kewangan rosot nilai. Aset kewangan atau kumpulan aset-aset kewangan dirosot nilai dan kerugian rosot nilai ditanggung hanya jika terdapat bukti objektif rosot nilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset ("peristiwa kerugian") dan bahawa peristiwa kerugian itu (atau peristiwa-peristiwa) mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset-aset kewangan atau kumpulan aset-aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Kumpulan pertama sekali menilai samada terdapat bukti objektif wujudnya rosot nilai. Jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan di antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit masa hadapan yang belum ditanggung) didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset-aset kewangan tersebut. Jumlah bawaan aset tersebut dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika pinjaman mempunyai kadar faedah yang berubah-ubah, kadar diskaun untuk mengukur kerugian rosot nilai adalah kadar faedah efektif semasa yang ditetapkankan di bawah kontrak. Sebagai kaedah praktikal, Kumpulan boleh mengukur rosot nilai berdasarkan pengiraan nilai saksama instrumen menggunakan harga pasaran yang boleh diperhatikan.

Jika, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf (seperti peningkatan dalam penarafan kredit penghutang), pembalikan rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Aset diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan sedia untuk dijual

Kumpulan menilai pada akhir tempoh laporan samada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu aset-aset kewangan atau kumpulan aset kewangan rosot nilai.

Kumpulan menggunakan kriteria dan pengukuran kerugian rosot nilai yang berkenaan untuk aset yang dibawa pada kos dilunaskan di atas. Jika, dalam tempoh berikutnya, nilai saksama instrumen yang diklasifikasikan sebagai sedia untuk dijual meningkat dan peningkatan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kerugian rosot nilai dibalikkan menerusi keuntungan atau kerugian.

Selain kriteria untuk aset yang dibawa pada kos dilunaskan di atas, penurunan yang penting atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kosnya juga dianggap sebagai petunjuk bahawa aset tersebut rosot nilai. Jika bukti tersebut wujud untuk aset-aset kewangan sedia untuk dijual, kerugian terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam rizab sedia untuk jualan dikeluarkan dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jumlah kerugian terkumpul yang diklasifikasi semula kepada keuntungan atau kerugian adalah perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai ke atas aset-aset kewangan yang sebelumnya diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian ke atas instrumen ekuiti yang diklasifikasi sebagai sedia untuk dijual tidak dibalikkan menerusi keuntungan atau kerugian.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(h) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan telah menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama, campur, dalam kes liabiliti kewangan selain daripada derivatif, kos urusniaga langsung.

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif kecuali bagi liabiliti LLA dan derivatif dalam kedudukan kerugian yang diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian.

Bagi liabiliti kewangan selain daripada liabiliti LLA dan derivatif, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf, dan menerusi proses pelunasan.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama liabiliti LLA dan derivatif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam keuntungan/kerugian, bersih. Keuntungan atau kerugian bersih daripada derivatif adalah termasuk perbezaan tukaran.

Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan.

Kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak, iaitu aset yang memerlukan masa yang lama untuk bersiap sedia untuk digunakan atau dijual, ditambah kepada kos aset-aset tersebut, sehingga aset-aset tersebut sedia untuk digunakan atau dijual.

Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila tanggungan di bawah liabiliti tersebut dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada peminjam yang sama atas terma-terma yang sebahagian besarnya berbeza, atau terma-terma liabiliti sedia ada telah diubahsuai, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penarikbalikan liabiliti yang asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam jumlah bawaan masing-masing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(i) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Selepas itu, semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan yang diiktiraf awal adalah termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung dalam membawa aset ke lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk ia mampu beroperasi dalam cara yang diinginkan oleh pihak pengurusan. Kos juga termasuk kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak.

Kos berikutnya dimasukkan dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj kepada keuntungan atau kerugian dalam tempoh kewangan di mana ia ditanggung.

Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai kerana ia mempunyai jangka hayat yang tidak terhad. Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusutnilai atas polisi-polisi garis lurus untuk menghapuskira kos setiap aset kepada nilai baki sepanjang anggaran hayat bergunanya seperti berikut:

Hartanah, loji dan peralatan	**Anggaran hayat berguna (tahun)**
Bangunan, struktur dan pengubahsuaian	3 hingga 50
Loji dan jentera	8 hingga 31
Kenderaan bermotor	3 hingga 10
Peralatan pejabat, alatan dan peralatan lain	2 hingga 15

Nilai baki dan hayat berguna aset dikaji, dan diselaraskan sekiranya sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan berakhir pada awal penyahiktirafan dan diklasifikasi sebagai dipegang untuk dijual. Susutnilai ke atas aset dalam pembinaan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menilai samada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, jumlah bawaan aset tersebut diturunkan serta-merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula jika jumlah bawaan aset tersebut adalah lebih besar daripada anggaran jumlah yang boleh diperolehi semula. Lihat polisi perakaunan penting pada Nota 3(n) mengenai rosot nilai aset bukan kewangan. Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditetapkankan dengan membandingkan hasil kutipan dengan jumlah bawaan aset dan dirangkumkan dalam keuntungan atau kerugian.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(j) Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah dipegang untuk hasil sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya, dan tidak digunakan oleh Kumpulan. Pelaburan hartanah pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urusniaga berkaitan dan kos pinjaman jika pelaburan hartanah tersebut memenuhi definisi aset yang layak.

Perbelanjaan seterusnya dipermodalkan kepada jumlah bawaan aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Semua pembaikan dan kos penyelenggaraan adalah perbelanjaan apabila ditanggung. Apabila sebahagian daripada pelaburan hartanah diganti, jumlah bawaan bagi bahagian yang diganti tidak diiktiraf.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan hartanah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Tanah pegangan pajakan dilunaskan menerusi ansuran setara sepanjang tempoh pajakan 90 tahun.

Pelaburan hartanah tidak diiktiraf samada apabila ia telah dilupuskan atau apabila pelaburan hartanah tersebut dikeluarkan secara tetap daripada penggunaan dan tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada pelupusannya. Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditetapkankan dengan membandingkan hasil kutipan bersih pelupusan dengan jumlah bawaan dan dirangkumkan dalam keuntungan atau kerugian.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, jumlah dibawa aset dikurangkan serta-merta kepada jumlah yang boleh diperolehi jika jumlah dibawa aset adalah lebih besar daripada jumlah yang boleh diperolehi. Rujuk polisi-polisi perakaunan penting di nota 3(n) mengenai rosot nilai aset bukan kewangan. Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditetapkankan dengan membandingkan kutipan dengan jumlah dibawa aset dan dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian.

(k) Aset tidak nyata

Aset tidak nyata yang diperolehi secara berasingan diukur pada pengiktirafan awal pada kos. Kos aset tidak nyata yang diperolehi dalam gabungan perniagaan adalah nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan. Berikutan pengiktirafan awal, aset tidak nyata dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Hayat berguna aset tidak nyata dinilai samada ia terhad atau tidak terhad. Aset tidak nyata dengan hayat terhad dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna ekonomi dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat penunjuk bahawa aset tidak nyata itu mungkin rosot nilai. Jika penunjuk sedemikian wujud, jumlah bawaan aset diturun nilai serta-merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula jika jumlah bawaan aset itu adalah lebih besar daripada anggaran jumlah yang boleh diperoleh semula. Lihat polisi-polisi perakaunan Nota 3(n) mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak nyata dengan hayat berguna terhad dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Aset tidak nyata dengan hayat berguna tidak terhad dan aset tidak nyata di bawah pembangunan tidak dilunaskan tetapi diuji untuk rosot nilai setiap tahun atau lebih kerap jika peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin rosot nilai secara individu atau pada tahap unit penjanaan tunai. Hayat penggunaan aset tidak nyata dengan hayat tidak terhad dikaji semula setiap tahun untuk menentukan samada penilaian hayat berguna masih boleh dikekalkan.

Aset tidak nyata dilunaskan dengan menggunakan asas garis lurus ke atas anggaran hayat bergunanya seperti berikut:

Jenama	26 tahun
Teknologi lengkap	9 tahun
Perjanjian pajakan	18 tahun
Hubungan pelanggan	9 tahun
Nama dagangan	5 tahun
Perisian	5 tahun

Pelunasan aset tidak nyata di dalam pembangunan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(k) Aset tidak nyata (sambungan)

Ciri-ciri aset tidak nyata adalah seperti berikut:

(i) Jenama adalah berkaitan dengan jenama gula "Prai" yang diperolehi sebagai sebahagian daripada pengambilalihan perniagaan gula pada tahun 2010.

(ii) Teknologi yang lengkap adalah berkaitan dengan lesen untuk sebuah anak-anak syarikat untuk menggunakan teknologi tertentu yang terlibat dalam penghasilan lemak oleik.

(iii) Perjanjian pajakan yang berkaitan dengan perjanjian pajakan bagi sebuah anak-anak syarikat yang memajak beberapa aset kepada pelanggan, diperoleh sebagai sebahagian daripada gabungan perniagaan. Twin Rivers Technologies Holdings Inc ("TRTH") adalah pemberi pajak bagi sebahagian daripada kemudahan kepada penyewa di bawah pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan. Hartanah ini adalah termasuk tangki minyak semulajadi dan sistem saluran paip minyak.

(iv) Hubungan pelanggan adalah berkaitan dengan kontrak untuk sebuah anak-anak syarikat untuk menjual produk kepada beberapa pelanggan.

(v) Nama dagang adalah berkaitan dengan nama dagangan "Twin Rivers Technologies" yang diperoleh sebagai sebahagian daripada pengambilalihan operasi perniagaan asid lelemak di Amerika Syarikat.

(vi) Perisian berkaitan dengan sistem perbendaharaan.

(vii) Aset tidak nyata dalam pembangunan berkaitan dengan sistem perakaunan hartanah di bawah pembangunan dan hak penggunaan tanah bagi penanaman kelapa sawit di Kalimantan, Indonesia, yang masih tertakluk kepada kelulusan lain yang berkaitan.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditetapkankan dengan membandingkan hasil kutipan dengan jumlah bawaan aset dan dirangkumkan dalam keuntungan atau kerugian.

(l) Aset biologi

Ladang kelapa sawit dan getah

Kos pembangunan penanaman terdiri daripada kos pembangunan penanaman baru yang diambilkira di bawah kaedah penyelenggaraan modal. Di bawah kaedah penyelenggaraan modal, kos pembangunan yang ditanggung (contohnya untuk pembersihan tanah dan penjagaan pokok-pokok) sehingga tempoh matang dari 0 hingga 3 tahun bagi kelapa sawit dan 0 hingga 7 tahun bagi getah dipermodalkan dan tidak dilunaskan, dan ditunjukkan sebagai aset bukan semasa ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Kos pembangunan dipermodalkan akan tertakluk kepada susut nilai yang dipercepatkan jika kawasan tanaman sedia ada telah dikenalpasti oleh para Pengarah untuk penanaman semula dengan tanaman yang berbeza, selepas menurun nilai jumlah bawaan kepada jumlah yang boleh diperoleh semula.

Perbelanjaan penanaman semula dicaj kepada keuntungan atau kerugian dalam tahun di mana ia ditanggung.

Apabila kawasan tanaman ditanam semula dengan tanaman yang berbeza, baki kos pembangunan dipermodalkan sebelum ini dibelanjakan dalam keuntungan atau kerugian dan kos pembangunan penanaman baru bagi tanaman baru dipermodalkan.

Nurseri

Kos nurseri terdiri daripada kos benih kelapa sawit dan pokok getah dan kos pembangunan berkaitan yang ditanggung (contohnya kos biji benih dan merumput) dalam menyediakan nurseri. Kos nurseri yang berkaitan dengan penanaman baru dipindahkan ke ladang kelapa sawit dan getah apabila mencapai satu tahap kematangan, iaitu di antara 10 hingga 12 bulan bagi kelapa sawit dan 5 hingga 6 bulan bagi getah, manakala jenis-jenis lain dicaj kepada keuntungan atau kerugian.

Tebu

Tebu terdiri daripada kos pembangunan penanaman baru yang diakaunkan di bawah kaedah penyelenggaraan modal. Di bawah kaedah penyelenggaraan modal, kos pembangunan penanaman baru yang ditanggung (contohnya pembersihan tanah, penanaman dan penjagaan pokok-pokok) sehingga matang dipermodalkan dan tidak dilunaskan serta ditunjukkan sebagai kos sejarah ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Walau bagaimanapun, kos modal akan dilunaskan kepada penyata perolehan keseluruhan atas polisi-polisi garis lurus ke atas baki tempoh pajakan sekiranya tebu yang ditanam di atas tanah pegangan pajakan dan baki tempoh pajakan adalah lebih pendek daripada hayat ekonomi berguna tebu.

Sekiranya tanda-tanda rosot nilai wujud, jumlah bawaan aset biologi ditaksir dan diturun nilai serta-merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula. Lihat polisi-polisi perakaunan penting Nota 3(n) mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Di mana wujud petunjuk nilai rosot nilai, jumlah dibawa aset biologi ditaksir dan diturunkan serta-merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula. Lihat Nota 3(n) mengenai polisi perakaunan penting rosot nilai aset bukan kewangan.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(m) Inventori

Inventori yang terdiri daripada biji kacang soya dan biji kanola, lemak, minyak kelapa, minyak kanola dan minyak kacang soya, produk makanan, produk-produk asid lemak, gula mentah, gula halus, gula merah, baja, racun perosak dan bahan lain dinyatakan pada kos lebih rendah dan nilai bersih boleh direalisasi.

Kos ditetapkankan menggunakan kaedah masuk dahulu, keluar dahulu. Kos bahan mentah terdiri daripada kos pembelian langsung. Kos barangan siap dan kerja dalam pelaksanaan terdiri daripada kos bahan mentah, buruh langsung, lain-lain kos langsung dan pembahagian overhed pembuatan yang sewajarnya berdasarkan kapasiti operasi lazim.

Nilai boleh direalisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan lazim perniagaan, ditolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan.

(n) Kemerosotan aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai hayat berguna tidak terhad tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk rosot nilai, atau apabila peristiwa atau keadaan yang berlaku menunjukkan bahawa rosot nilai mungkin wujud. Hartanah, loji dan peralatan dan lain-lain aset bukan semasa bukan kewangan, termasuk aset tidak ketara dengan hayat berguna terhad, akan dikaji untuk rosot nilai apabila peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa jumlah bawaan mungkin tidak boleh diperoleh semula. Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi jumlah di mana jumlah bawaan aset melebihi jumlah boleh diperoleh semula. Kerugian rosot nilai dicaj kepada keuntungan atau kerugian. Jumlah yang boleh diperoleh semula adalah nilai lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan menilai rosot nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenalpasti secara berasingan (unit penjanaan tunai). Aset yang rosot nilai dikaji untuk kemungkinan pembalikan rosot nilai pada setiap tarikh laporan.

(o) Zakat

Kumpulan mengiktiraf tanggungjawabnya untuk membayar zakat perniagaan. Zakat bagi tempoh semasa diiktiraf jika dan apabila Kumpulan mempunyai obligasi zakat berikutan hasil taksiran zakat. Jumlah perbelanjaan zakat akan dinilai apabila sebuah syarikat dalam Kumpulan telah beroperasi untuk sekurang-kurangnya 12 bulan, iaitu untuk tempoh yang dikenali sebagai "haul" (tempoh layak).

Kadar zakat digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh penyata kedudukan kewangan digunakan untuk menentukan perbelanjaan zakat. Kadar zakat perniagaan, seperti yang ditetapkankan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan 2012 adalah 2.5% daripada asas zakat entiti-entiti yang berkenaan. Asas zakat ditetapkankan dengan menggunakan kaedah modal kerja yang dikira berdasarkan aset semasa bersih, diselaraskan untuk item-item yang tidak memenuhi syarat-syarat bagi aset dan liabiliti zakat dan jika entiti-entiti tersebut telah mengaut keuntungan pada tahun kewangan sebelumnya. Zakat perniagaan dikira dengan mendarabkan kadar zakat dengan asas zakat. Jumlah zakat yang dinilai diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana ia ditanggung.

(p) Cukai perolehan

Cukai perolehan bagi keuntungan atau kerugian bagi tahun terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa adalah jangkaan jumlah cukai perolehan yang harus dibayar bagi keuntungan boleh cukai bagi tahun kewangan dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah berkuatkuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda disediakan bagi perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset dan liabiliti serta jumlah bawaannya dalam penyata kewangan. Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap di mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia di mana perbezaan sementara boleh tolak dan kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka dipenggunaan dalam tempoh apabila aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan atau dikuatkuasa sebahagian besarnya pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali apabila ia timbul daripada urusniaga yang diiktiraf secara langsung dalam rizab, di mana dalam kes ini cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam rizab.

Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara yang timbul daripada pengiktirafan awal aset-aset dan liabiliti-liabiliti, pada pengiktirafan awal atau pada ukuran seterusnya, yang mana pada masa urusniaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

Manfaat cukai yang timbul daripada peruntukan pelaburan semula dan peruntukan cukai pelaburan diiktiraf apabila kredit cukai digunakan.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(q) Matawang asing

Matawang fungsi dan pembentangan

Item-tem yang dirangkumkan ke dalam penyata kewangan setiap entiti-entiti Kumpulan diukur menggunakan matawang persekitaran ekonomi penting di mana entiti-entiti tersebut beroperasi ("matawang fungsian"). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan matawang fungsian dan pembentangan Syarikat, dan matawang pembentangan Kumpulan.

Urusniaga dan baki

Urusniaga matawang asing diterjemahkan ke dalam matawang fungsian menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh urusniaga atau penilaian di mana item tersebut diukur semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing yang terhasil daripada penyelesaian urusniaga tersebut dan daripada terjemahan pada kadar tukaran akhir tahun bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti monetari yang disebut dalam matawang asing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali apabila tertunda dalam ekuiti sebagai pelindung nilai aliran tunai berkelayakan dan pelindung nilai pelaburan bersih berkelayakan.

Keuntungan dan kerugian tukaran asing yang berkaitan dengan pinjaman serta tunai dan bersamaan tunai dibentangkan dalam keuntungan atau kerugian. Semua keuntungan dan kerugian tukaran asing yang lain dibentangkan dalam keuntungan atau kerugian dalam "lain-lain keuntungan/(kerugian) bersih".

Perbezaan terjemahan bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan bukan monetari seperti ekuiti yang dipegang pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada nilai saksama keuntungan atau kerugian.

Syarikat-syarikat Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan untuk semua entiti-entiti kumpulan (yang mana tiada di antaranya memiliki matawang ekonomi hiper-inflasi) yang mempunyai matawang fungsi yang berbeza daripada matawang pembentangan diterjemahkan ke dalam matawang pembentangan sepeti berikut:

(i) aset dan liabiliti bagi setiap penyata kedudukan kewangan yang dibentangkan diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh penyata kedudukan kewangan tersebut;

(ii) pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan komprehensif diterjemahkan pada kadar tukaran purata (kecuali jika purata ini bukan anggaran berwajaran kesan kumulatif kadar semasa pada tarikh urusniaga, di mana dalam kes ini perolehan dan perbelanjaan diterjemahkan pada tarikh urusniaga); dan

(iii) semua perbezaan tukaran yang terhasil diiktiraf dalam rizab tukaran asing sebagai komponen ekuiti yang berasingan.

Selepas digabungkan, perbezaan tukaran yang timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam entiti-entiti asing dan daripada pinjaman dibawa kepada rizab tukaran asing dalam ekuiti. Apabila sesuatu operasi asing dijual, perbezaan tukaran diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian pelupusan.

Pelarasan muhibbah dan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan entiti-entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti bagi entiti-entiti asing tersebut dan diterjemahkan pada kadar penutup.

(r) Geran-geran kerajaan

Geran-geran kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat-syarat yang terikat. Geran-geran kerajaan berkaitan kos diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh agar sepadan dengan kos berkaitan yang mana akan digantirugi oleh geran tersebut. Geran-geran kerajaan berkaitan pembelian aset dibentangkan sebagai pengurangan jumlah bawaan bagi aset yang berkenaan. Geran-geran kerajaan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh hayat hartanah, loji dan peralatan berkaitan sebagai perbelanjaan susut nilai dikurangkan.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(s) Pengiktirafan perolehan

Perolehan diiktiraf apabila ada kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga itu akan mengalir ke dalam Kumpulan dan jumlah perolehan tersebut boleh diukur dengan tepat. Kriteria pengiktirafan khusus berikut harus dipenuhi sebelum perolehan diiktiraf:

(i) Perolehan daripada jualan buah tandan segar ("BTS"), kelapa sawit mentah ("MSM"), isirong sawit dan getah beku

Perolehan diiktiraf sejurus penghantaran barangan, ditolak cukai jualan, rebat dan diskaun. Perolehan diiktiraf apabila risiko-risiko dan ganjaran-ganjaran penting daripada pemilikan barangan dipindahkan kepada pembeli.

(ii) Perolehan daripada pengeluaran dan pengedaran asid lemak, minyak sayuran, makanan protin, gula halus dan gula merah

Perolehan daripada pengeluaran dan pengedaran asid lemak, minyak sayuran, makanan protin, gula halus dan gula merah terdiri daripada nilai invois untuk jualan barangan, ditolak cukai jualan, rebat dan diskaun. Perolehan diiktiraf sejurus penghantaran barangan apabila risiko-risiko dan ganjaran-ganjaran penting daripada pemilikan barangan dipindahkan kepada pembeli.

(iii) Subsidi dari Kerajaan

Subsidi yang diterima daripada Kerajaan Malaysia untuk produk-produk tertentu yang dijual adalah berkaitan dengan perbezaan di antara anggaran harga pasaran dan harga kawalan yang ditetapkankan oleh kerajaan untuk jualan produk tersebut di pasaran domestik. Subsidi ini dikreditkan kepada keuntungan atau kerugian dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada perolehan bagi tempoh perakaunan di mana jualan barangan tersebut diiktiraf.

(iv) Perolehan daripada urus janji pengetolan

Perolehan daripada urus janji pengetolan diiktiraf apabila khidmat berkaitan dilaksanakan.

(v) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah efektif. Apabila sesuatu pinjaman atau belum terima merosot, Kumpulan mengurangkan jumlah bawaan kepada jumlah yang boleh diperoleh semula iaitu anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal instrumen tersebut, dan terus mengurangkan diskaun tersebut sebagai perolehan faedah. Pendapatan faedah ke atas pinjaman merosot dan belum terima diiktiraf menggunakan kadar faedah efektif asal.

(vi) Yuran pengurusan

Yuran pengurusan diiktiraf apabila khidmat berkaitan diberikan.

(vii) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa berkaitan sewa hartanah dan loji diiktiraf bagi tempoh sewaan atau penggunaan, dengan sewajarnya.

(viii) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima wujud.

(t) Pengagihan dividen

Dividen pada saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila dicadangkan atau diisytihar sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen yang dicadangkan atau diisytihar selepas tarikh kedudukan kewangan tetapi sebelum penyata kewangan diluluskan untuk penerbitan, tidak diiktiraf sebagai liabiliti pada tarikh kedudukan kewangan.

(u) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai adalah termasuk tunai dalam tangan, deposit panggilan di bank, lain-lain pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi dengan tempoh matang asal tiga bulan atau kurang, dan overdraf bank. Overdraf bank dibentangkan dalam pinjaman dalam liabiliti semasa pada penyata kedudukan kewangan.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(v) Pajakan

(i) Klasifikasi

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan sekiranya ia memindahkan kepada Kumpulan semua risiko dan ganjaran berikutan pemilikan. Pajakan tanah dan bangunan diklasifikasi sebagai pajakan operasi atau kewangan sama seperti pajakan bagi aset-aset lain dan elemen bangunan bagi pajakan tanah dan bangunan dipertimbangkan secara berasingan bagi tujuan klasifikasi pajakan. Semua pajakan yang tidak dipindahkan semua risiko dan ganjarannya diklasifikasi sebagai pajakan operasi.

(ii) Pajakan operasi – Kumpulan sebagai pemegang pajakan

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan berkaitan. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajakan diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

(iii) Pajakan operasi – Kumpulan sebagai pemberi pajakan

Aset yang dipajakkan di bawah pajakan operasi dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan mengikut ciri-ciri aset tersebut. Pendapatan sewa daripada pajakan operasi diiktiraf atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan berkaitan (Nota 3(s)(vii)). Kos langsung permulaan yang ditanggung ketika merunding dan mengatur pajakan operasi ditambah ke dalam jumlah bawaan aset yang dipajakkan dan diiktiraf atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan.

(w) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman sekuriti sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan kelayakan mereka untuk ketidakhadiran berbayar di masa hadapan. Ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

(ii) Pelan caruman tertakrif

Pelan caruman tertakrif adalah pelan manfaat selepas perkhidmatan di mana Kumpulan membayar caruman tetap ke dalam entiti-entiti atau dana berasingan dan tidak mempunyai tanggungan perundangan atau konstruktif untuk membayar caruman lanjut sekiranya mana-mana dana tersebut tidak memiliki aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan khidmat kakitangan dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian apabila ia ditanggung.

(iii) Pelan manfaat tertakrif

Pelan manfaat tertakrif adalah pelan persaraan yang mentakrif jumlah manfaat persaraan yang harus dibayar, lazimnya sebagai fungsi bagi satu atau lebih faktor seperti usia, tempoh perkhidmatan atau pampasan.

Beberapa syarikat dalam Kumpulan melaksanakan pelan persaraan manfaat tertakrif yang tidak dibiayai. Di bawah pelan tersebut, manfaat persaraan ditetapkankan dengan merujuk kepada perolehan, jawatan dan tempoh perkhidmatan kakitangan dan akan dibayar apabila mencapai umur lazim persaraan. Liabiliti bagi pelan manfaat tertakrif adalah nilai semasa tanggungan manfaat tertakrif tersebut pada tarikh penyata kedudukan kewangan berserta pelarasan untuk keuntungan/kerugian dan kos perkhidmatan lampau. Kumpulan menentukan nilai semasa tanggungan manfaat tertakrif tersebut dengan kecekapan yang mencukupi seperti jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan tidak jauh berbeza dengan jumlah yang akan ditetapkankan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Tanggungan manfaat tertakrif, dikira menggunakan kaedah kredit unit unjuran, ditetapkankan oleh aktuari bebas, dengan mengambilkira anggaran aliran keluar tunai masa hadapan menggunakan hasil pasaran pada tarikh penyata kedudukan kewangan bagi sekuriti kerajaan yang mempunyai matawang dan terma-terma matang yang hampir sama dengan terma-terma liabiliti berkaitan.

Keuntungan dan kerugian aktuarial yang timbul daripada pelarasan pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuarial akan dicaj atau dikreditkan kepada ekuiti dalam lain-lain pendapatan komprehensif dalam tempoh di mana ia timbul.

Kos perkhidmatan semasa, kos perkhidmatan lampau dan kos faedah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(w) Manfaat kakitangan (sambungan)

(iv) Manfaat pemberhentian kerja

Kumpulan membayar manfaat pemberhentian kerja dalam kes pemberhentian kerja dalam rangka kerja penstrukturan semula. Manfaat pemberhentian kerja diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila Kumpulan mempunyai pelan formal terperinci untuk pemberhentian tersebut dan tanpa kemungkinan realistik berlaku penarikan semula.

(v) Pampasan berasaskan saham

Pelan insentif saham

Pada tahun kewangan sebelum ini, subsidiari kepada pelan insentif saham kepada sebuah anak syarikat di dalam Kumpulan, yang merupakan satu pelan pampasan berasaskan saham langsai ekuiti, membenarkan kakitangan, pegawai, pengarah, perunding dan penasihat sesebuah anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya (secara kolektif merujuk sebagai "kakitangan") untuk memperoleh saham biasa anak-anak syarikat tersebut. Jumlah nilai saksama opsyen saham yang diberikan kepada kakitangan diiktiraf sebagai kos kakitangan dengan peningkatan yang sejajar dengannya dalam rizab opsyen saham dalam ekuiti sepanjang tempoh letak hak dan mengambilkira kemungkinan bahawa opsyen tersebut akan diletak hak. Nilai saksama opsyen saham diukur pada tarikh pemberian dengan mengambilkira, jika ada, keadaan letak hak pasaran di mana opsyen tersebut diberikan tetapi mengecualikan impak sebarang keadaan letak hak bukan pasaran. Keadaan letak hak bukan pasaran dirangkumkan dalam andaian mengenai bilangan opsyen yang dijangka akan dilaksanakan pada tarikh letak hak.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menyemak semula anggaran bilangan opsyen yang dijangka akan dilaksanakan pada tarikh letak hak. Ia mengiktiraf impak semakan semula anggaran asal, jika ada, dalam keuntungan atau kerugian, dan pelarasan yang sejajar dengannya dalam ekuiti sepanjang baki tempoh letak hak. Jumlah ekuiti diiktiraf dalam rizab opsyen saham sehingga opsyen tersebut dilaksanakan, di mana ia akan dipindahkan kepada premium saham, atau sehingga opsyen tersebut luput, di mana ia akan dipindahkan terus kepada perolehan tersimpan.

Hasil kutipan yang diterima ditolak kos urusniaga yang boleh diakaunkan secara langsung dikreditkan kepada modal saham apabila opsyen tersebut dilaksanakan.

Bayaran berasaskan saham

Perbezaan di antara nilai saksama bagi saham yang diterbitkan dan hasil kutipan yang timbul daripada terbitan saham tersebut dibawa kepada keuntungan atau kerugian sebagai bayaran berasaskan saham. Terbitan instrumen ekuiti bagi pertimbangan yang boleh dikenalpasti di bawah nilai saksamanya akan membawa kepada barangan atau perkhidmatan yang tidak boleh dikenalpasti yang mana akan dikira sebagai urusniaga berasaskan saham.

(x) Liabiliti luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah kemungkinan tanggungan yang timbul daripada peristiwa lampau yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kemungkinan peristiwa masa hadapan di luar kawalan Kumpulan atau tanggungan semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kemungkinan aliran keluar sumber akan diperlukan bagi menyelesaikan tanggungan tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana terdapat liabiliti yang tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan tepat.

(y) Instrumen ekuiti

Saham biasa dan saham khas diklasifikasi sebagai ekuiti. Saham-saham lain diklasifikasi sebagai ekuiti dan/atau liabiliti mengikut intipati ekonomi instrumen tersebut.

Kos urusniaga bagi urusniaga ekuiti dikira sebagai penolakan daripada ekuiti, bersih cukai. Kos urusniaga ekuiti terdiri hanya daripada kos luaran tambahan yang berkaitan secara langsung sebagai urusniaga ekuiti yang jika sebaliknya akan dielakkan.

(z) Laporan segmen

Maklumat segmen dibentangkan secara konsisten dengan laporan dalaman yang disediakan kepada ketua pembuat keputusan operasi. Ketua pembuat keputusan operasi, yang bertanggungajwab memperuntukkan sumber dan menilai prestasi segmen operasi, telah dikenalpasti sebagai Jawatankuasa Pengurusan.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(aa) Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan Kumpulan membayar balik jumlah tertentu kepada pemegang ekoran kerugian yang ditanggungnya kerana pihak penghutang gagal membuat bayaran mengikut masa, sejajar dengan terma-terma instrumen hutang.

Kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada masa jaminan tersebut dikeluarkan. Liabiliti tersebut pada mulanya diukur pada nilai saksama dan seterusnya pada jumlah yang tertinggi yang ditetapkankan menurut FRS 137 "Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka" dan jumlah yang diiktiraf pada mulanya ditolak pelunasan kumulatif yang mana lebih tinggi di mana wajar.

Nilai saksama jaminan kewangan ditetapkankan pada nilai semasa perbezaan aliran tunai bersih di antara bayaran kontrak di bawah instrumen hutang dan bayaran yang dikehendaki tanpa jaminan, atau jumlah anggaran yang akan dibayar kepada pihak ketiga kerana mengambil tanggungan tersebut.

Apabila kontrak jaminan kewangan diberikan kepada anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu oleh Syarikat tanpa sebarang pampasan, nilai saksama yang ditentukan dikira sebagai sumbangan modal dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos pelaburan dalam anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu.

(ab) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila:

- Kumpulan mempunyai tanggungan perundangan atau konstruktif semasa yang timbul daripada peristiwa lampau;
- terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan bagi menyelesaikan tanggungan tersebut; dan
- satu anggaran yang boleh dipercayai bagi jumlah tersebut boleh dibuat.

Apabila Kumpulan menjangkakan sesuatu peruntukan dibayar semula (contohnya, di bawah kontrak insurans), bayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila bayaran balik tersebut adalah hampir pasti. Peruntukan tidak diiktiraf bagi kerugian operasi masa hadapan.

Apabila terdapat beberapa tanggungan yang serupa, kemungkinan aliran keluar diperlukan dalam penyelesaian ditetapkankan dengan mempertimbangkan kelas tanggungan tersebut sepenuhnya. Peruntukan diiktiraf walaupun sekiranya kemungkinan aliran keluar bagi mana-mana item dalam kelas tanggungan yang sama hanya kecil.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka diperlukan bagi menyelesaikan tanggungan tersebut menggunakan kadar pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko khusus bagi tanggungan tersebut. Peningkatan dalam peruntukan berikutan peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

(ac) Aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) dipegang untuk jualan

Aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) diklasifikasi sebagai aset dipegang untuk jualan apabila jumlah bawaannya akan diperoleh semula sebahagian besarnya menerusi urusniaga jualan dan jualan dianggap berkemungkinan tinggi akan berlaku. Ia dinyatakan pada nilai bawaan dan nilai saksama tolak kos untuk menjual yang mana lebih rendah.

(ad) Pendapatan sesaham

Kumpulan membentangkan data perolehan sesaham ("EPS") asas dan dicairkan bagi saham biasanya. EPS asas dikira berdasarkan gabungan keuntungan selepas cukai yang berkaitan dengan pemegang saham ekuiti Syarikat dan dibahagikan dengan bilangan berwajaran saham biasa dalam terbitan. EPS dicairkan dikira berdasarkan gabungan keuntungan selepas cukai berkaitan pemegang saham ekuiti Syarikat dan dibahagikan dengan bilangan berwajaran saham biasa dalam terbitan, dengan mengandaikan penukaran baki RCPS dan RCCPS kepada saham biasa sebanyak RM1 setiap satu.

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Polisi-polisi pengurusan risiko kewangan

Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran, risiko kredit dan risiko kecairan yang timbul daripada aktiviti perniagaan. Keseluruhan strategi pengurusan risiko Kumpulan adalah bertujuan untuk mengurangkan kesan buruk daripada ketidaktentuan pasaran-pasaran kewangan ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Kumpulan menggunakan instrumen kewangan yang berkaitan untuk melindungi nilai risiko-risiko pendedahan komersial sedemikian. Instrumen kewangan tersebut tidak dipegang untuk perdagangan atau tujuan spekulatif.

Lembaga Pengarah mempunyai keseluruhan tanggungjawab untuk mengawasi pengurusan risiko kewangan termasuk mengenalpasti risiko, operasi atau strategik, dan pelan tindakan yang selanjutnya untuk menguruskan risiko-risiko ini. Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk mengenalpasti, memantau dan mengurus pendedahan risiko Kumpulan.

Risiko pasaran

(i) Risiko matawang asing

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada risiko pertukaran matawang asing yang timbul daripada pelbagai pendedahan matawang, terpentingnya berkenaan dengan Dolar Amerika ("USD") dan Dolar Kanada ("CAD"). Risiko pertukaran matawang asing timbul daripada urusniaga perdagangan masa hadapan, aset dan liabiliti yang diiktiraf dan pelaburan bersih dalam operasi asing. Kumpulan menguruskan pendedahan matawang melalui kontrak hadapan matawang.

Pengukuhan/kelemahan USD dan CAD sebanyak 10% berbanding Ringgit Malaysia ("RM") pada tarikh penyata kedudukan kewangan akan memberi kesan kepada keuntungan selepas cukai Kumpulan kira-kira RM23,138,000 lebih tinggi/rendah (2011: RM40,465,000 lebih tinggi/rendah), terpentingnya disebabkan oleh keuntungan/kerugian tukaran matawang asing berkaitan terjemahan penghutang perdagangan yang disebut dalam matawang asing, aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi dan kerugian/keuntungan tukaran asing berkaitan terjemahan pinjaman yang disebut dalam matawang asing. Begitu juga, kesan ke atas ekuiti Kumpulan akan menjadi kira-kira RM123,530,000 lebih tinggi/rendah (2011: RM43,636,000 lebih tinggi/rendah) (termasuk kesan rizab tukaran asing sebanyak RM100,392,000 lebih tinggi/rendah (2011: RM3,171,000 lebih tinggi/rendah)) disebabkan oleh pergerakan dalam rizab tukaran asing akibat terjemahan pelaburan bersih dalam anak-anak syarikat asing. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pembolehubah lain kekal malar.

(ii) Risiko harga komoditi

Kumpulan terdedah kepada risiko harga komoditi kerana harga buah tandan segar, kelapa sawit mentah ("CPO") dan harga gula adalah tertakluk kepada turun naik harga yang disebabkan oleh faktor-faktor tidak menentu seperti cuaca, perubahan permintaan global, pengeluaran global, harga minyak mentah dan pengeluaran global tanaman yang sama dan saling melengkapi.

Perolehan Kumpulan oleh itu adalah tertakluk kepada turun naik harga dalam pasaran komoditi. Kumpulan menggunakan kontrak niaga hadapan kelapa sawit dan kontrak niaga hadapan gula untuk mengurangkan sebahagian daripada risiko tersebut.

Pada 31 Disember 2012, satu analisis sensitiviti telah dijalankan berdasarkan pendedahan Kumpulan kepada harga komoditi pada tarikh penyelesaian bagi liabiliti LLA Kumpulan dan portfolio derivatif komoditi. Peningkatan 10% dalam indeks harga komoditi tertentu dan peningkatan RM100 dalam harga CPO yang digunakan dalam pengiraan liabiliti LLA, dengan semua pemboleh ubah lain yang dipegang tetap, akan meningkatkan atau mengurangkan keuntungan selepas cukai Kumpulan, mengikut jenis komoditi dan liabiliti kewangan, hingga lebih kurang:

	2012 RM'000	2011 RM'000
Minyak sawit	**(1,483)**	–
Gula	**971**	(3,849)
Liabiliti LLA	**(37,000)**	–
	(37,512)	(3,849)

Penurunan 10% dalam indeks harga komoditi tertentu dan penurunan RM100 dalam harga CPO yang digunakan dalam pengiraan liabiliti LLA, dengan semua pemboleh ubah lain yang dipegang tetap, akan meningkatkan atau mengurangkan keuntungan selepas cukai Kumpulan, mengikut jenis komoditi dan liabiliti kewangan, hingga lebih kurang:

	2012 RM'000	2011 RM'000
Minyak sawit	**1,483**	–
Gula	**(971)**	3,849
Liabiliti LLA	**37,000**	–
	37,512	3,849

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(a) Polisi-polisi pengurusan risiko kewangan (sambungan)

(iii) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah Kumpulan sebahagian besarnya timbul daripada pinjaman. Pinjaman yang dikeluarkan pada kadar yang berubah-ubah mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah aliran tunai yang sebahagiannya diseimbangkan oleh tunai yang dipegang pada kadar yang berubah-ubah. Kumpulan meminjamkan wang kepada entiti kawalan bersama pada kadar terapung. Kumpulan meminjam wang daripada pemegang saham penting pada kadar tetap. Kumpulan tidak terdedah kepada risiko kadar faedah nilai saksama kerana semua pinjamannya daripada institusi kewangan dan jumlah faedah yang dihutang oleh entiti kawalan bersama tidak diklasifikasikan sebagai nilai saksama menerusi untung atau rugi dan pinjaman daripada pemegang saham penting adalah pada kadar tetap.

Profil kadar faedah aset-aset kewangan Kumpulan yang menanggung faedah, berdasarkan jumlah bawaan pada akhir tempoh laporan adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Aset kewangan				
Pada kadar tetap				
Deposit tetap	**5,464,772**	1,506,997	**4,179,612**	459,300
Pada kadar terapung				
Jumlah dihutang oleh entiti kawalan bersama	**75,306**	45,520	**–**	–

Jika kadar faedah ke atas aset-aset kewangan berkadar terapung ialah 10 mata asas lebih tinggi/rendah dengan semua pembolehubah lain yang malar, keuntungan selepas cukai Kumpulan akan meningkat/menurun sebanyak kira-kira RM571,000 (2011: RM21, 000).

Profil kadar faedah liabiliti kewangan Kumpulan yang menanggung faedah, berdasarkan jumlah bawaan pada akhir tempoh laporan adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Liabiliti kewangan				
Pada kadar tetap				
Pinjaman dihutang kepada pemegang saham penting	**1,840,271**	1,840,448	**1,840,271**	1,840,448
Pada kadar terapung				
Pinjaman bertempoh	**38,669**	51,171	**–**	–
Kredit pusingan	**–**	463,021	**–**	–
Penerimaan jurubank	**561,000**	288,300	**–**	–
	2,439,940	2,642,940	**1,840,271**	1,840,448

Jika kadar faedah ke atas liabiliti kewangan berkadar terapung ialah 10 mata asas lebih tinggi/lebih rendah dengan semua pembolehubah lain yang malar, keuntungan selepas cukai Kumpulan akan meningkat/menurun sebanyak kira-kira RM154,000 (2011: RM461,000).

Lain-lain aset-aset kewangan dan liabiliti kewangan adalah tanpa faedah, dan oleh itu tidak rosot nilai oleh perubahan dalam kadar faedah.

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(a) Polisi-polisi pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko kredit

Risiko kredit merujuk kepada risiko bahawa pihak berlawanan akan ingkar terhadap obligasi kontrak yang mengakibatkan kerugian kewangan kepada Kumpulan. Kumpulan mengpenggunaan polisi-polisi berurusan dengan pelanggan yang mempunyai sejarah kredit yang baik, dan mendapatkan jaminan yang mencukupi di mana bersesuaian untuk mengurangkan risiko kredit. Pendedahan aset-aset kewangan boleh digambarkan seperti berikut:

2012	Aset kewangan RM'000	Jaminan diberi kepada anak syarikat RM'000	Komitmen pusingan diberi kepada entiti-entiti kawalan bersama RM'000	Pendedahan maksimum RM'000
Kumpulan				
Penghutang perdagangan	490,537	–	–	490,537
Penghutang lain	174,825	–	–	174,825
Jumlah belum terima daripada entiti kawalan bersama	318,224	–	–	318,224
Jumlah belum terima daripada pemegang saham penting	73,091	–	–	73,091
Jumlah belum terima daripada lain-lain syarikat berkaitan	503,650	–	–	503,650
Aset kewangan derivatif	336,060	–	–	336,060
Syarikat				
Jumlah belum terima daripada anak-anak syarikat	39,447	–	–	39,447
Penghutang lain	299,314	–	–	299,314
Jumlah belum terima daripada pemegang saham penting	52,442	–	–	52,442
Jumlah belum terima daripada lain-lain syarikat berkaitan	63,776	–	–	63,776
2011				
Kumpulan				
Penghutang perdagangan	305,387	–	–	305,387
Penghutang lain	81,957	–	–	81,957
Jumlah belum terima daripada entiti kawalan bersama	45,520	–	30,144	75,664
Jumlah belum terima daripada lain-lain syarikat berkaitan	4,118	–	–	4,118
Pinjaman belum berbayar daripada lain-lain syarikat berkaitan	27,926	–	–	27,926
Aset kewangan derivatif	92,676	–	–	92,677
Syarikat				
Jumlah belum terima daripada anak-anak syarikat	197,179	305,067	–	502,246
Penghutang lain	6,906	–	–	6,906
Jumlah belum terima daripada lain-lain syarikat berkaitan	2,182	–	–	2,182

Pendedahan penghutang perdagangan dipantau dengan teliti dengan susulan berterusan. Kumpulan secara amnya tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang penting disebabkan oleh bilangan pelanggan Kumpulan yang besar selain daripada urusniaga jualan yang dibuat kepada pihak berkaitan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Nota 27.

Tunai dan bersamaan tunai Kumpulan sebahagian besarnya disimpan dengan institusi kewangan penting di Malaysia. Para Pengarah berpendapat bahawa kemungkinan tiada pembayaran oleh institusi-institusi kewangan ini, termasuk institusi kewangan tidak berkadaran, adalah tipis berdasarkan kekuatan kewangan mereka.

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(a) Polisi-polisi pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Kumpulan akan menghadapi masalah dalam memenuhi obligasinya disebabkan kekurangan dana. Kumpulan mengekalkan tahap tunai dan bersamaan tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja Kumpulan dengan memantau aliran tunainya secara teliti. Oleh kerana sifat perniagaannya, Kumpulan telah menerimapakai pengurusan risiko kecairan yang berhemat dalam mengekalkan dan mendapatkan kemudahan kredit yang mencukupi daripada institusi kewangan.

Unjuran aliran tunai dilakukan dalam entiti-entiti operasi Kumpulan dan dikumpulkan oleh kewangan Kumpulan. Kewangan Kumpulan memantau ramalan keperluan kecairan Kumpulan bagi memastikan ia mempunyai tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi di samping mengekalkan ruang yang mencukupi bagi kemudahan pinjaman komited belum digunakan pada setiap masa agar Kumpulan tidak melanggar had pinjaman atau perjanjian (jika berkenaan) pada mana-mana kemudahan pinjamannya. Ramalan sedemikian mengambilkira pelan pembiayaan hutang Kumpulan, pematuhan perjanjian, pematuhan dengan kenyataan dalaman mengenai sasaran nisbah kedudukan kewangan dan, jika wajar, keperluan peraturan atau undang-undang luar – contohnya, sekatan matawang.

Lebihan tunai yang dipegang oleh entiti-entiti operasi yang melebihi baki yang diperlukan untuk pengurusan modal kerja akan dipindahkan kepada perbendaharaan Kumpulan. Lebihan tunai dilaburkan ke dalam akaun semasa yang menjana keuntungan, deposit masa, deposit pasaran wang dan sekuriti boleh pasar, dengan memilih instrumen dengan tempoh matang yang sesuai atau kecairan tunai yang mencukupi bagi menyediakan ruang yang mencukupi sebagaimana yang ditetapkankan oleh ramalan di atas. Pada tarikh laporan, Kumpulan memegang pelaburan tunai sebanyak RM5,464,772,000 (2011: RM1,506,997,000) dan aset cair lain sebanyak RM223,600,000 (2011: RM271,133,000) yang dijangka akan menjana aliran masuk tunai bagi menguruskan risiko kecairan. Pada tarikh laporan, Syarikat memegang pelaburan tunai sebanyak RM4,179,612,000 (2011: RM459,300,000) dan aset cair lain sebanyak RM4,093,000 (2011: RM712,000) yang dijangka akan menjana aliran masuk tunai bagi menguruskan risiko kecairan.

Jadual di bawah menganalisis liabiliti kewangan bukan derivatif Kumpulan dan liabiliti kewangan derivatif penyelesaian bersih ke dalam kumpulan kematangan berdasarkan baki tempoh matang pada tarikh laporan sehingga tarikh matang kontrak. Liabiliti kewangan derivatif dimasukkan ke dalam analisis jika tempoh matang kontraknya adalah penting bagi memahami perjalanan masa aliran tunai. Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat berdasarkan baki tempoh matang pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Jumlah yang dinyatakan di dalam jadual ini adalah berdasarkan kontrak aliran tunai tidak didiskaun.

Kumpulan

	Kurang daripada 1 tahun RM'000	Antara 1 dan 2 tahun RM'000	Antara 2 dan 5 tahun RM'000	Lebih 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Disember 2012					
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	**297,694**	**359,607**	**780,738**	**797,615**	**2,235,654**
Liabiliti LLA	**496,938**	**489,467**	**1,441,288**	**114,470,458**	**116,898,151**
Jumlah belum bayar kepada syarikat-syarikat bersekutu	**69,510**	**–**	**–**	**–**	**69,510**
Jumlah belum bayar kepada pemegang saham penting	**93,826**	**–**	**–**	**–**	**93,826**
Jumlah belum bayar kepada lain-lain syarikat berkaitan	**755,023**	**–**	**–**	**–**	**755,023**
Liabiliti kewangan derivatif	**106,680**	**–**	**–**	**–**	**106,680**
Pinjaman	**599,410**	**255**	**254**	**–**	**599,919**
Belum bayar	**348,688**	**–**	**–**	**–**	**348,688**
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	**2,767,769**	**849,329**	**2,222,280**	**115,268,073**	**121,107,451**
Pada 31 Disember 2011					
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	5,448	394,316	844,818	1,093,142	2,337,724
Jumlah belum bayar kepada syarikat-syarikat bersekutu	21	–	–	–	21
Jumlah belum bayar kepada entiti kawalan bersama	35,091	–	–	–	35,091
Jumlah belum bayar kepada lain-lain syarikat berkaitan	217,699	–	–	–	217,699
Pinjaman	761,974	41,733	–	–	803,707
Belum bayar	247,955	–	–	–	247,955
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	1,268,188	436,049	844,818	1,093,142	3,642,197

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(a) Polisi-polisi pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Syarikat

	Kurang daripada 1 tahun RM'000	Antara 1 dan 2 tahun RM'000	Antara 2 dan 5 tahun RM'000	Lebih 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Disember 2012					
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	**297,694**	**359,607**	**780,738**	**797,615**	**2,235,654**
Jumlah belum bayar kepada anak-anak syarikat	**78,676**	**–**	**–**	**–**	**78,676**
Jumlah belum bayar kepada syarikat-syarikat bersekutu	**69,510**	**–**	**–**	**–**	**69,510**
Jumlah belum bayar kepada pemegang saham penting	**66**	**–**	**–**	**–**	**66**
Jumlah belum bayar kepada lain-lain syarikat berkaitan	**1,430**	**–**	**–**	**–**	**1,430**
Belum bayar	**32,235**	**–**	**–**	**–**	**32,235**
Kontrak jaminan kewangan	**–**	**10,458**	**10,458**	**10,458**	**31,374**
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	**479,611**	**370,065**	**791,196**	**808,073**	**2,448,945**
Pada 31 Disember 2011					
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	5,448	394,316	844,818	1,093,142	2,337,724
Jumlah belum bayar kepada anak-anak syarikat	62,389	–	–	–	62,389
Jumlah belum bayar kepada syarikat-syarikat bersekutu	21	–	–	–	21
Jumlah belum bayar kepada lain-lain syarikat berkaitan	1,235	–	–	–	1,235
Belum bayar	6,452	–	–	–	6,452
Kontrak jaminan kewangan	305,067	–	–	–	305,067
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	380,612	394,316	844,818	1,093,142	2,712,888

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(b) Polisi-polisi pengurusan risiko modal

Objektif penting polisi-polisi pengurusan modal Kumpulan adalah untuk memastikan bahawa ia mengekalkan nisbah modal yang sihat untuk menyokong perniagaannya dan memaksimumkan nilai pemegang saham.

Kumpulan menguruskan struktur modal dan membuat penyesuaian kepadanya, berdasarkan perubahan dalam keadaan ekonomi. Untuk mengekalkan atau menyesuaikan struktur modal, Kumpulan mungkin melaraskan bayaran dividen kepada pemegang saham, memberi pulangan modal kepada pemegang saham atau menerbitkan saham baru. Tiada perubahan dibuat dalam objektif, polisi-polisi atau proses-proses ini sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dan 31 Disember 2011.

Kumpulan memantau modal dengan menggunakan nisbah penggearan, iaitu jumlah hutang dibahagikan dengan jumlah ekuiti yang berkaitan dengan pemilik Syarikat. Kumpulan merangkumkan pinjaman, pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting dan liabiliti LLA dalam jumlah hutangnya. Ekuiti berkaitan pemilik Syarikat adalah termasuk modal saham, saham kepentingan boleh tebus, premium saham, rizab dan perolehan tersimpan.

Analisis nisbah penggearan bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Kumpulan

Dengan liabiliti LLA

	2012 RM'000	2011 RM'000
Pinjaman	**599,669**	802,492
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	**1,840,271**	1,840,448
Liabiliti LLA	**5,664,769**	–
Jumlah hutang	**8,104,709**	2,642,940
Ekuiti berkaitan pemilik Syarikat	**6,102,364**	5,615,263
Nisbah penggearan	**133%**	47%

Tanpa liabiliti LLA

	2012 RM'000	2011 RM'000
Pinjaman	**599,669**	802,492
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	**1,840,271**	1,840,448
Jumlah hutang	**2,439,940**	2,642,940
Ekuiti berkaitan pemilik Syarikat	**6,102,364**	5,615,263
Nisbah penggearan	**40%**	47%

Syarikat

	2012 RM'000	2011 RM'000
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	**1,840,271**	1,840,448
Jumlah ekuiti	**7,296,182**	2,699,553
Nisbah penggearan	**25%**	68%

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(c) Anggaran nilai saksama

Instrumen kewangan yang diukur dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dinyatakan mengikut hierarki ukuran nilai saksama yang berikut:

- Disebut harga (tidak dilaraskan) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti serupa (tahap 1).
- Input selain daripada harga yang disebut yang termasuk dalam tahap 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, samada secara langsung (iaitu sebagai harga) atau tidak langsung (iaitu yang diperolehi daripada harga) (tahap 2).
- Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (iaitu input tidak boleh diperhatikan) (tahap 3).

Jadual berikut membentangkan aset dan liabiliti Kumpulan yang diukur pada nilai saksama pada 31 Disember 2012 dan 31 Disember 2011.

2012

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
Aset-aset				
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi:				
– Derivatif	**4,220**	**969**	**–**	**5,189**
Jumlah aset	**4,220**	**969**	**–**	**5,189**
Liabiliti				
Liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi:				
– Liabiliti LLA	**–**	**–**	**5,664,769**	**5,664,769**
– Derivatif	**1,541**	**127**	**–**	**1,668**
Jumlah liabiliti	**1,541**	**127**	**5,664,769**	**5,666,437**

2011

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap3 RM'000	Jumlah RM'000
Aset-aset				
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi:				
– Derivatif	2,051	791	–	2,842
Jumlah aset	2,051	791	–	2,842

Nilai saksama instrumen kewangan yang diniagakan dalam pasaran aktif adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Harga pasaran yang disebut harga yang digunakan bagi aset-aset kewangan yang dipegang oleh Kumpulan adalah harga tawaran semasa. Instrumen-instrumen ini dirangkumkan ke dalam tahap 1. Instrumen yang dirangkumkan ke dalam tahap 1 terdiri teutamanya daripada Kontrak ICE Futures U.S. Sugar No 11 dan derivatif minyak sawit Bursa Derivatif Malaysia ("MDEX").

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(c) Anggaran nilai saksama (sambungan)

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak diniagakan dalam pasaran aktif (contohnya, kontrak hadapan matawang asing) ditetapkankan dengan menggunakan teknik penilaian. Teknik-teknik penilaian ini memaksimumkan penggunaan data pasaran yang boleh diperhatikan di mana ia boleh didapati dan bergantung serendah mungkin ke atas anggaran entiti-entiti tertentu. Jika semua input penting yang diperlukan untuk nilai saksama instrumen boleh diperhatikan, instrumen tersebut dirangkumkan ke dalam tahap 2. Instrumen yang dirangkumkan dalam tahap 2 adalah terdiri daripada kontrak hadapan matawang asing.

Jika satu atau lebih input penting adalah tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan, instrumen tersebut dirangkumkan ke dalam tahap 3. Instrumen yang dirangkumkan dalam tahap 3 adalah terdiri daripada liabiliti LLA.

Jadual berikut membentangkan perubahan dalam instrumen tahap 3 semasa tahun kewangan:

	2012 RM'000	2011 RM'000
Liabiliti LLA		
1 Januari	–	–
Nilai saksama pada permulaan LLA (Nota 42)	**5,842,694**	–
Perubahan nilai saksama yang dicaj kepada untung atau rugi	**210,178**	–
Bayaran balik semasa tahun	**(388,103)**	–
31 Disember	**5,664,769**	–

5 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh para Pengarah dan pengurusan dan adalah berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko besar menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dibincangkan di bawah.

(i) Liabiliti LLA

Nilai saksama liabiliti LLA diukur menggunakan pengiraan aliran tunai yang didiskaunkan dengan menggunakan unjuran aliran tunai berdasarkan belanjawan kewangan yang diluluskan oleh para Pengarah meliputi tempoh 99 tahun. Hasil daripada penilaian nilai saksama, Kumpulan telah mengiktiraf liabiliti LLA sebanyak RM5,664,769,000. Andaian penting dan analisis sensitiviti adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 42 kepada penyata kewangan.

(ii) Muhibah

Kumpulan menentukan samada muhibah adalah rosot nilai sekurang-kurangnya setahun sekali. Ini memerlukan anggaran jumlah yang boleh diperolehi semula daripada unit penjanaan tunai ("CGU") di mana muhibah diperuntukkan. Menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula memerlukan pihak pengurusan membuat anggaran jangkaan aliran tunai masa hadapan daripada CGU dan juga memilih kadar diskaun yang sesuai untuk mengira nilai semasa aliran tunai tersebut. Jumlah yang boleh diperolehi semula bagi CGU ditetapkankan berdasarkan pengiraan nilai saksama ditolak kos untuk menjual atau nilai dalam penggunaan yang mana lebih tinggi dalam kegunaan. Hasil daripada penilaian rosot nilai ini, Kumpulan tidak mengiktiraf mana-mana rosot nilai. Andaian penting dan analisis sensitiviti adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 20 kepada penyata kewangan

(iii) Aset tidak nyata selain daripada muhibah, hartanah, loji dan peralatan dan aset biologi

Kumpulan menguji aset tidak nyata selain daripada muhibah, hartanah, loji dan peralatan dan aset biologi untuk rosot nilai jika terdapat sebarang bukti objektif rosot nilai. Pengurusan telah menilai bahawa beberapa aset tidak nyata tertentu selain daripada muhibah, hartanah, loji dan peralatan dan aset biologi mungkin berpotensi rosot nilai atau rosot nilai sedia ada boleh diterbalikkan. Jumlah boleh diperolehi semula daripada aset-aset ini telah ditetapkankan berdasarkan pengiraan nilai saksama ditolak kos untuk menjual atau nilai dalam penggunaan yang mana lebih tinggi.

Hasil daripada penilaian tersebut, Kumpulan telah mengiktiraf rosot nilai sebanyak RM36,616,000 terhadap hartanah, loji dan peralatan dan aset biologi, susut nilai dipercepatkan sebanyak RM8,656,000 terhadap aset biologi dan pembalikan rosot nilai sebanyak RM39,375,000 terhadap aset tidak nyata selain daripada muhibah dan hartanah, loji dan peralatan. Andaian penting dan analisis sensitiviti adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 18, 20, 21 dan 28 kepada penyata kewangan.

5 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL (sambungan)

(iv) Pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti-entiti kawalan bersama

Kumpulan dan Syarikat menguji pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti-entiti kawalan bersama bagi rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Pengurusan telah menilai bahawa pelaburan berikut mungkin rosot nilai disebabkan oleh kerugian yang ditanggung oleh anak-anak syarikat dan entiti-entiti kawalan bersama pada tahun kewangan semasa.

Pelaburan dalam Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd ("FGVD"), sebuah anak syarikat

Pada 31 Disember 2012, pelaburan Kumpulan dalam FGVD telah diuji untuk rosot nilai disebabkan oleh kerugian yang ditanggung pada tahun kewangan.

Penilaian rosot nilai itu memerlukan anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada unit penjanaan tunai ("CGU") di mana berkaitan dengan pelaburan tersebut. Jumlah yang boleh diperolehi semula itu ditetapkankan berdasarkan pengiraan nilai saksama ditolak kos untuk menjual atau nilai dalam penggunaan yang mana lebih tinggi.

Hasil daripada penilaian rosot nilai itu, Syarikat telah mengiktiraf kerugian rosot nilai sebanyak RM115,356,000.

Andaian penting dan analisis sensitiviti adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

Pelaburan dalam Felda Iffco Sdn Bhd ("FISB"), sebuah entiti kawalan bersama

Pada 31 Disember 2012, pelaburan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama, FISB telah diuji untuk rosot nilai disebabkan oleh kerugian berterusan yang ditanggung, yang merupakan penilaian semula ujian rosot nilai yang dijalankan pada tahun kewangan terdahulu.

Penilaian rosot nilai itu memerlukan anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada unit penjanaan tunai ("CGU") di mana berkaitan dengan pelaburan tersebut. Jumlah pelaburan yang boleh diperolehi semula dalam FISB ditetapkankan berdasarkan pengiraan nilai saksama ditolak kos untuk menjual atau nilai dalam penggunaan yang mana lebih tinggi.

Hasil daripada penilaian rosot nilai itu, Syarikat telah mengiktiraf kerugian rosot nilai sebanyak RM25,000,000.

Andaian penting yang digunakan bagi menentukan jumlah pelaburan yang boleh diperoleh semula dalam FISB dan analisis sensitiviti adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 23.

Pelaburan dalam Trurich Resources Sdn Bhd ("Trurich"), sebuah entiti kawalan bersama

Pada 31 Disember 2012, pelaburan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama, Trurich telah diuji untuk rosot nilai disebabkan oleh kerugian yang ditanggung.

Penilaian rosot nilai itu memerlukan anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada unit penjanaan tunai ("CGU") di mana berkaitan dengan pelaburan tersebut. Jumlah yang boleh diperolehi semula ditetapkankan berdasarkan pengiraan nilai saksama ditolak kos untuk menjual atau nilai dalam penggunaan yang mana lebih tinggi.

Hasil daripada penilaian rosot nilai itu, tiada rosot nilai telah diiktitraf kerana jumlah CGU yang boleh diperoleh semula adalah melebihi jumlah bawaan.

Andaian penting yang digunakan bagi menentukan jumlah pelaburan yang boleh diperoleh semula dalam Trurich adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 23.

(v) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf pada mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berhubung prestasi kewangan masa hadapan bagi entiti-entiti tertentu di mana aset cukai tertunda telah diiktiraf. Jumlah aset cukai tertunda yang timbul daripada kerugian cukai tidak diiktiraf adalah berjumlah RM83,176,000 (2011: RM171,302,000).

Berikutan peningkatan dalam prestasi kewangan sebuah anak-anak syarikat di Amerika Syarikat, ia kini berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan aset cukai tertunda dalam anak-anak syarikat itu digunakan. Hasil daripada itu, aset cukai tertunda yang telah diiltiraf adalah berkumlah RM47,816,000.

6 PEROLEHAN

	2012 RM'000	2011 RM'000
Kumpulan		
Perolehan daripada jualan minyak sawit mentah ("MSM")	**7,104,202**	–
Perolehan daripada jualan buah tandan segar ("BTS")	**2,414,325**	3,162,048
Perolehan daripada jualan gula halus dan gula merah	**2,026,843**	2,144,911
Perolehan daripada jualan minyak sayuran dan makanan protin	**–**	1,087,336
Perolehan daripada jualan asid lelemak	**740,499**	797,591
Subsidi gula	**274,475**	154,640
Perolehan daripada jualan isirung sawit	**121,455**	–
Perolehan daripada jualan getah beku	**54,464**	89,861
Perolehan daripada khidmat urus janji pengetolan	**59,575**	3,928
Yuran pengurusan	**90,238**	6,090
Lain-lain	**423**	6,672
	12,886,499	7,453,077
Syarikat		
Dividen daripada syarikat-syarikat bersekutu		
– disebut harga	**23,718**	35,577
– tidak disebut harga	**173,279**	298,091
Dividen daripada anak-anak syarikat		
– disebut harga	**14,659**	6,172
– tidak disebut harga	**515,236**	19,865
Pendapatan faedah belum terima daripada pinjaman kepada anak syarikat	**–**	859
Yuran pengurusan	**127,368**	6,333
Pendapatan faedah daripada institusi kewangan	**67,475**	11,221
	921,735	378,118

7 LAIN-LAIN PENDAPATAN OPERASI

	Kumpulan		Syarikat	
	2012	2011	2012	2011
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Keuntungan daripada pelupusan anak-anak syarikat	–	68,220	–	532,936*
Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**1,810**	–	–	–
Sewa tangki	**1,312**	1,395	–	–
Pembalikan rosot nilai aset tidak nyata	**23,878**	–	–	–
Keuntungan tukaran matawang asing direalisasi	**8,162**	–	–	–
Keuntungan tukaran matawang asing tidak direalisasi	–	4,565	–	1,383
Lain-lain pendapatan operasi	**5,350**	4,591	**105**	–
	40,512	78,771	**105**	534,319

* Pada tahun kewangan yang lepas, keuntungan daripada penjualan anak syarikat sebanyak RM532,936,000 adalah berkenaan dengan pelupusan keseluruhan kepentingan ekuiti Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd ("KGFP") yang dipegang oleh Syarikat kepada anak syarikat milik Syarikat, MSM Malaysia Holdings Berhad ("MSMH"), sebagai sebahagian daripada skim penyusunan semula korporat bagi penyenaraian perniagaan gula Kumpulan seperti yang dinyatakan dalam Nota 21(d)(iii)(b).

8 LAIN-LAIN PERBELANJAAN OPERASI

	Kumpulan		Syarikat	
	2012	2011	2012	2011
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kerugian rosot nilai aset tidak nyata	–	42,792	–	–
Kerugian rosot nilai pinjaman belum terima daripada syarikat berkaitan	**26,952**	–	–	–
Kerugian rosot nilai pelaburan dalam anak-anak syarikat	–	–	**115,356**	743,700
Kerugian rosot nilai dalam entiti kawalan bersama	–	–	–	29,014
Kerugian jualan inventori dan kontrak kepada entiti kawalan bersama	–	31,434	–	–
Kerugian pelupusan anak-anak syarikat	–	–	**4,528**	–
Kerugian pelupusan entiti kawalan bersama	–	–	**36,890**	–
Perbelanjaan kontrak jaminan kewangan	–	–	**13,476**	–
Lain-lain perbelanjaan operasi	**10,512**	1,558	**9,752**	14
	37,464	75,784	**180,002**	772,728

9 LAIN-LAIN (KERUGIAN)/KEUNTUNGAN, BERSIH

	Kumpulan	
	2012	2011
	RM'000	RM'000
Liabiliti perjanjian pajakan tanah ("LLA"):		
– Caj nilai saksama (Nota 42)	**(210,178)**	–
Kontrak masa hadapan gula dan kelapa sawit:		
– Keuntungan nilai saksama (Nota 30)	**2,685**	38,288
Kontrak masa hadapan matawang asing:		
– Keuntungan/(kerugian) nilai saksama (Nota 30)	**2,700**	(2,365)
	(204,793)	35,923

10 PENDAPATAN DAN KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Pendapatan kewangan:				
– pendapatan faedah daripada institusi kewangan	**103,934**	35,285	**–**	–
– pendapatan faedah daripada entiti kawalan bersama	**3,339**	–	**–**	–
– pembalikan diskaun aset kewangan	**–**	2,770	**139**	2,929
Jumlah pendapatan kewangan	**107,273**	38,055	**139**	2,929
Kos kewangan:				
– pinjaman bertempoh	**(5,672)**	(19,673)	**–**	(9,294)
– kredit pusingan	**(2,506)**	(3,236)	**(2,506)**	–
– pinjaman daripada pemegang saham penting	**(91,174)**	(91,383)	**(91,174)**	(91,383)
– penerimaan bank	**(11,670)**	(9,067)	**–**	–
– pembalikan diskaun liabiliti kewangan	**(258)**	(17,852)	**–**	(17,593)
Jumlah kos kewangan	**(111,280)**	(141,211)	**(93,680)**	(118,270)
Kos kewangan bersih	**(4,007)**	(103,156)	**(93,541)**	(115,341)

11 KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI

Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai dinyatakan selepas mencaj/(mengkredit):

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Perbelanjaan operasi ladang matang	**441,540**	572,632	**–**	–
Perbelanjaan penanaman semula	**223,458**	199,644	**–**	–
Yuran pengurusan ladang dan perkongsian keuntungan	**63,227**	96,223	**–**	–
Kos bahan mentah dan bahan kimia untuk pengeluaran	**2,307,443**	3,612,203	**–**	–
Kos pembelian MSM dan isirung sawit dan kos pengilangan	**7,022,703**	–	**–**	–
Kos petrol, diesel dan gas asli	**109,618**	36,805	**–**	–
Caj perkhidmatan ke atas urusniaga MSM	**16,895**	–	**–**	–
Hartanah, loji dan peralatan (Nota 18):				
– Susut nilai	**88,818**	103,327	**189**	121
– Kerugian rosot nilai	**32,300**	164,687	**–**	–
– Pembalikan rosot nilai	**(15,497)**	–	**–**	–
– Hapus kira	**697**	1,204	**–**	14
– (Keuntungan)/kerugian ke atas pelupusan	**(1,810)**	496	**–**	–
Pelunasan hartanah pelaburan (Nota 19)	**463**	–	**–**	–
Aset tidak nyata (Nota 20):				
– Pelunasan	**11,098**	5,851	**468**	–
– (Pembalikan)/kerugian rosot nilai	**(23,878)**	42,792	**–**	–
Pelunasan pra-bayaran pajakan (Nota 24)	**70**	70	**–**	–

11 KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI (sambungan)

Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai dinyatakan selepas mencaj/(mengkredit): (sambungan)

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Aset biologi (Nota 28):				
– Susut nilai dipercepatkan	**8,656**	–	**–**	–
– Kerugian rosot nilai	**4,316**	–	**–**	–
– Hapus kira	**13,638**	4,509	**–**	–
(Keuntungan)/kerugian ke atas pelupusan anak-anak syarikat	**–**	(68,220)	**4,528**	(532,936)
Kerugian rosot nilai pelaburan dalam anak-anak syarikat (Nota 21)	**–**	–	**115,356**	743,700
Kerugian pelupusan ke atas entiti kawalan bersama	**–**	–	**36,890**	–
Kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam entiti kawalan bersama (Nota 23)	**–**	–	**–**	29,014
Rosot nilai pinjaman belum terima daripada syarikat berkaitan (Nota 25)	**26,952**	–	**–**	–
Peruntukan (Nota 43)	**–**	1,421	**–**	–
(Pembalikan)/rosot nilai belum terima	**(79)**	79	**–**	–
(Pembalikan)/peruntukan bagi inventori diturun nilai	**(536)**	1,293	**–**	–
Sewa				
– tanah dan bangunan	**1,886**	1,398	**481**	549
– lain-lain peralatan	**421**	320	**421**	260
Pembaikan dan penyelenggaraan loji dan kilang penapisan	**34,127**	21,019	**–**	–
Imbuhan juruaudit utama:				
– Yuran audit	**865**	524	**225**	190
– Yuran bukan audit@	**5,339**	153	**5,269**	–
Imbuhan juruaudit lain:				
– Yuran audit	**1,484**	1,385	**–**	–
– Yuran bukan audit	**2,820**	328	**2,820**	4
Kos kakitangan*	**955,428**	755,023	**32,401**	19,990
Kerugian bersih tukaran asing direalisasi	**4,838**	–	**3,404**	–
Kerugian/(keuntungan) bersih tukaran asing tidak direalisasi	**2,905**	(4,565)	**947**	(1,383)
Bayaran berasaskan saham	**25,723**	–	**25,723**	–
Perbelanjaan IPO	**35,422**	3,130	**35,422**	3,130
Perbelanjaan kontrak jaminan kewangan	**–**	–	**13,476**	–

@ Yuran bukan audit yang dibayar kepada juruaudit utama adalah berkaitan terutamanya dengan perbelanjaan IPO.

* Kos kakitangan (tidak termasuk imbuhan para Pengarah) dianalisis seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Upah, gaji dan bonus	**671,171**	558,516	**26,344**	16,998
Pelan caruman tertakrif	**54,171**	40,526	**3,429**	1,962
Pelan manfaat tertakrif	**2,521**	78	**21**	24
Lain-lain manfaat kakitangan	**227,565**	155,903	**2,607**	1,006
	955,428	755,023	**32,401**	19,990

Kos kakitangan yang dirangkumkan ke dalam kos jualan adalah berjumlah RM810,988,000 (2011:RM715,446,000) dan RM19,223,000 (2011:RM22,549,000) masing-masing bagi Kumpulan dan Syarikat.

12 IMBUHAN PARA PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Yuran	**2,568**	618	**1,712**	321
Gaji, bonus dan elaun	**2,530**	1,892	**2,274**	1,691
Pelan caruman tertakrif	**378**	242	**378**	242
Lain-lain manfaat kakitangan	**64**	25	**64**	25
	5,540	2,777	**4,428**	2,279

Anggaran nilai kewangan bagi manfaat barangan yang diberikan kepada para Pengarah Syarikat semasa tahun kewangan adalah berjumlah RM64,000 (2011: RM25,000).

13 ZAKAT

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Pergerakan liabiliti zakat:		
Pada awal tahun kewangan	**–**	–
Perbelanjaan zakat tahun kewangan semasa	**16,580**	–
Zakat dibayar	**(16,580)**	–
	–	–

14 CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2012	2011	2012	2011
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Cukai pendapatan Malaysia:				
– Bagi tahun kewangan semasa	**221,352**	518,604	**2,639**	55,065
– Bagi tahun kewangan sebelumnya	**3,665**	3,455	**–**	1,917
Cukai pendapatan asing:				
– Bagi tahun kewangan semasa	**20,427**	(6,325)	**–**	–
Cukai tertunda (Nota 45)	**(40,862)**	(11,194)	**1,498**	(6,348)
Perbelanjaan cukai	**204,582**	504,540	**4,137**	50,634

Penyelarasan perbelanjaan cukai pendapatan ke atas keuntungan/(kerugian) sebelum cukai selepas zakat pada kadar cukai pendapatan berkanun Malaysia kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012	2011	2012	2011
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai selepas zakat	**1,109,640**	1,904,787	**440,118**	(43,838)
Kadar cukai korporat Malaysia sebanyak 25% (2011: 25%)	**277,410**	476,197	**110,030**	(10,960)
Kesan cukai daripada:				
– kadar cukai berbeza di negara-negara lain	**(6,761)**	(21,089)	**–**	–
– perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	**132,519**	86,418	**89,472**	231,140
– perolehan tidak dikenakan cukai	**(106,132)**	(127,174)	**(195,949)**	(171,115)
– aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi tahun semasa	**4,286**	74,957	**–**	–
– terkurang peruntukan cukai pada tahun sebelum	**3,665**	3,455	**–**	1,917
– cukai pegangan ke atas perolehan faedah daripada anak-anak syarikat asing	**268**	12,817	**–**	–
– pengiktirafan aset cukai tertunda yang sebelum ini tidak diiktiraf	**(100,018)**	–	**–**	–
– lain-lain	**(655)**	(1,041)	**584**	(348)
	204,582	504,540	**4,137**	50,634

15 DIVIDEN SESAHAM

Dividen yang diisytihar dan dibayar adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat			
	2012		2011	
	Dividen kasar sesaham Sen	Jumlah dividen RM'000	Dividen kasar sesaham Sen	Jumlah dividen RM'000
Dividen interim satu peringkat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dibayar pada 22 Oktober 2012 (2011: dividen satu peringkat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, dibayar pada 23 Disember 2011)	**5.5**	**200,648**	1.41	25,000

16 PENDAPATAN SESAHAM

	Kumpulan 2012	Kumpulan 2011
EPS Asas (sen)	**28.5**	75.1
EPS Dicairkan (sen)	**28.5**	47.9

Pendapatan asas sesaham ("EPS") telah dikira berdasarkan gabungan keuntungan selepas cukai yang berkaitan dengan pemegang saham ekuiti Syarikat dan dibahagikan dengan bilangan berwajaran saham biasa dalam terbitan.

	Kumpulan 2012	Kumpulan 2011
Keuntungan berkaitan pemegang saham ekuiti (RM'000)	**805,953**	1,327,764
Bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan (ribu)	**2,829,538**	1,767,612

EPS dicairkan telah dikira berdasarkan gabungan keuntungan selepas cukai yang berkaitan dengan pemegang saham ekuiti Syarikat dan dibahagikan dengan bilangan berwajaran saham biasa dalam terbitan, dengan mengandaikan penukaran baki RCPS dan RCCPS kepada saham biasa berjumlah RM1 setiap satu.

	Kumpulan 2012	Kumpulan 2011
Keuntungan berkaitan pemegang saham ekuiti (RM'000)	**805,953**	1,327,764
Bilangan berwajaran saham biasa dalam terbitan (ribu)	**2,829,538**	1,767,612
Pelarasan untuk:		
– Andaian penukaran RCPS/RCCPS (ribu)	**–**	1,004,908
Bilangan purata berwajaran saham biasa bagi perolehan cair sesaham (ribu)	**2,829,538**	2,772,520

17 LAPORAN SEGMEN

Segmen operasi dilaporkan dalam cara yang konsisten dengan laporan pengurusan dalaman yang diberikan kepada ketua pembuat keputusan operasi ("CODM"), iaitu Jawatankuasa Pengurusan ("MC"). Segmen yang dilaporkan telah disemak semula dari tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 disebabkan oleh perubahan dalam struktur laporan pengurusan dalaman CODM yang timbul daripada Tawaran Awam Awal ("IPO"). Perbandingan telah dinyatakan semula bagi mematuhi laporan segmen yang telah disemak semula.

Laporan segmen yang telah disemak semula bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 telah dikenalpasti seperti berikut:

- Perladangan – Kegiatan perladangan adalah termasuk penanaman, penuaian dan pengeluaran buah tandan segar ("BTS"), pemprosesan BTS dan penjualan kelapa sawit mentah ("MSM") dan isirung sawit.
- Hiliran – Penapisan MSM, pemeringkatan kelapa sawit ditapis diluntur dinyahbau ("RBDPO") dan Sawit Olein ("PO"), penghancuran PK, pengeluaran oleokimia iaitu asid lemak dan gliserin serta pengeluaran produk akhir pengguna.
- Gula – Penapisan gula serta jualan dan pemasaran gula halus dan gula merah.
- Pembuatan, Logistik & Lain-lain – Pemprosesan dan pengeluaran koko, getah dan baja, kemudahan dan perkhidmatan pukal dan pengangkutan, kejuruteraan, pembinaan dan pengurusan hartanah, teknologi maklumat, aktiviti keselamatan, pelancongan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta penjualan bahan-bahan penanaman.

Penyesuaian kepada segmen yang boleh dilaporkan adalah berkaitan dengan penghapusan Felda Holdings Bhd, sebuah syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan yang termasuk dalam segmen yang boleh dilaporkan, dan merangkumi syarikat-syarikat pegangan pelaburan dalam Kumpulan, yang tidak menjadi sebahagian daripada segmen yang boleh dilaporkan.

MC menilai prestasi segmen operasi berdasarkan keuntungan sebelum cukai.

17 LAPORAN SEGMEN (sambungan)

Maklumat segmen yang disediakan kepada MC bagi segmen yang boleh dilaporkan bagi tahun kewangan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

2012	Perladangan RM'000	Hiliran RM'000	Gula RM'000	Pembuatan, logistik dan lain-lain RM'000	Penyesuaian RM'000	Jumlah RM'000
Jumlah perolehan segmen	20,287,441	7,873,245	2,313,188	3,494,239	(21,081,614)	12,886,499
Ditolak: Perolehan antara segmen	(2,360,691)	(210,959)	(11,869)	(569,421)	3,152,940	–
Perolehan daripada pelanggan luar	17,926,750	7,662,286	2,301,319	2,924,818	(17,928,674)	12,886,499
Pendapatan kewangan	10,396	5,474	31,247	11,717	48,439	107,273
Kos kewangan	(7,523)	(22,271)	(11,049)	(12,113)	(58,324)	(111,280)
Susut nilai dan pelunasan	(122,766)	(51,113)	(40,514)	(76,831)	182,119	(109,105)
Kerugian rosot nilai dan hapus kira	(6,446)	(32,300)	(12,205)	–	(26,952)	(77,903)
Pembalikan rosot nilai	–	39,454	–	–	–	39,454
Perubahan nilai saksama dalam liabiliti LLA	(210,178)	–	–	–	–	(210,178)
Bahagian keputusan entiti-entiti kawalan bersama	(4,236)	(23,889)	–	–	–	(28,125)
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	46,329	–	–	–	154,750	201,079
Keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan	1,118,666	20,514	312,631	343,293	(668,884)	1,126,220
Zakat						(16,580)
Cukai						(204,582)
Keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan						905,058
Analisis perolehan luar mengikut segmen:						
FGVH dan anak-anak syarikatnya	9,694,916	800,074	2,301,319	–	90,190	12,886,499
Syarikat bersekutu – FHB	8,231,834	6,862,212	–	2,924,818	(18,018,864)	–
Perolehan daripada pelanggan luar	17,926,750	7,662,286	2,301,319	2,924,818	(17,928,674)	12,886,499
Analisis keuntungan sebelum cukai mengikut segmen:						
FGVH dan anak-anak syarikatnya	1,050,039	3,570	312,631	–	(394,770)	971,470
Syarikat bersekutu – FHB	278,805	16,944	–	343,293	(484,292)	154,750
Keuntungan sebelum cukai	1,328,844	20,514	312,631	343,293	(879,062)	1,126,220

17 LAPORAN SEGMEN (sambungan)

Maklumat segmen yang disediakan kepada MC bagi segmen yang boleh dilaporkan bagi tahun kewangan yang dilaporkan adalah seperti berikut (sambungan):

2011	Perladangan RM'000	Hiliran RM'000	Gula RM'000	Pembuatan, logistik dan lain-lain RM'000	Penyesuaian RM'000	Jumlah RM'000
Jumlah perolehan segmen	15,734,130	10,822,457	2,338,796	4,077,684	(25,519,990)	7,453,077
Ditolak: Perolehan antara segmen	(5,644,624)	(276,497)	(39,242)	(580,256)	6,540,619	–
Perolehan daripada pelanggan luar	10,089,506	10,545,960	2,299,554	3,497,428	(18,979,371)	7,453,077
Pendapatan kewangan	9,178	9,089	23,069	25,601	(28,882)	38,055
Kos kewangan	(9,598)	(26,614)	(12,303)	(9,349)	(83,347)	(141,211)
Susut nilai dan pelunasan	(119,726)	(56,600)	(33,254)	(66,147)	166,479	(109,248)
Kerugian rosot nilai dan hapus kira	(4,509)	(204,738)	(4,010)	–	(14)	(213,271)
Bahagian keputusan entiti-entiti kawalan bersama	(5,466)	(48,498)	–	–	–	(53,964)
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	101,555	–	–	–	227,773	329,328
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai bagi tahun kewangan	2,114,906	(512,069)	474,713	378,368	(551,131)	1,904,787
Cukai						(504,540)
Keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan						1,400,247
Analisis perolehan luar mengikut segmen:						
FGVH dan anak-anak syarikatnya	3,251,909	1,888,854	2,299,554	–	12,760	7,453,077
Syarikat bersekutu – FHB	6,837,597	8,657,106	–	3,497,428	(18,992,131)	–
Perolehan daripada pelanggan luar	10,089,506	10,545,960	2,299,554	3,497,428	(18,979,371)	7,453,077
Analisis keuntungan sebelum cukai mengikut segmen:						
FGVH dan anak-anak syarikatnya	1,668,161	(535,386)	474,713	–	69,526	1,677,014
Syarikat bersekutu – FHB	446,745	23,317	–	378,368	(620,657)	227,773
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	2,114,906	(512,069)	474,713	378,368	(551,131)	1,904,787

17 LAPORAN SEGMEN (sambungan)

Perolehan daripada pihak luar yang dilaporkan kepada MC diukur dengan cara yang selaras dengan yang ada di dalam penyata perolehan keseluruhan.

Perolehan daripada pelanggan luar diperolehi daripada jualan barangan dan peruntukan perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam Nota 6.

Analisis perolehan luar mengikut lokasi pelanggan adalah seperti berikut:

	2012 RM'000	2011 RM'000
Malaysia	**21,715,820**	14,201,824
Luar negara		
– China	**2,717,223**	2,465,370
– Asia (kecuali Malaysia, China, Pakistan dan Indonesia)	**2,285,292**	2,693,689
– Amerika Syarikat dan Kanada	**1,077,570**	1,857,123
– Eropah	**837,613**	1,852,472
– Pakistan	**1,553,528**	2,276,922
– Indonesia	**135,496**	1,639
– Lain-lain	**492,631**	1,083,409
Penyesuaian		
– Syarikat bersekutu – FHB	**(18,018,864)**	(18,992,131)
– Lain-lain	**90,190**	12,760
	(17,928,674)	(18,979,371)
	12,886,499	7,453,077

Aset segmen dan liabiliti segmen tidak dinyatakan kerana ia tidak dilaporkan kepada CODM.

Analisis aset bukan semasa (kecuali aset-aset kewangan dan aset cukai tertunda) mengikut lokasi geografi adalah seperti berikut:

	2012 RM'000	2011 RM'000
Malaysia	**6,061,337**	5,652,376
Luar negara		
– Amerika Syarikat dan Kanada	**704,169**	628,039
– Pakistan	**35,434**	22,101
– Indonesia	**14,982**	18,584
– Lain-lain	**14,118**	14,626
Penyesuaian		
– FGVH dan anak-anak syarikat	**3,059,872**	3,260,552
– Syarikat bersekutu – FHB	**(2,874,297)**	(2,639,389)
	185,575	621,163
	7,015,615	6,956,889

Dua pelanggan penting dalam segmen perladangan telah menyumbang 38% kepada jumlah perolehan Kumpulan.

18 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Tanah pegangan bebas RM'000	Tanah pegangan pajakan RM'000	Bangunan, struktur dan pengubah-suaian RM'000	Loji dan jentera RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat, alat-alat dan peralatan lain RM'000	Aset dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
2012								
Kos								
Pada 1 Januari	33,649	592,775	844,980	739,813	119,332	46,649	63,357	2,440,555
Tambahan	–	–	10,726	19,436	22,549	8,255	86,050	147,016
Pelupusan	–	–	(3,029)	(2,513)	(1,065)	(1,510)	–	(8,117)
Hapus kira	–	–	(1,247)	(737)	(2,767)	(1,419)	–	(6,170)
Klasifikasi semula	–	–	15,932	13,175	–	51	(29,158)	–
Pemindahan kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 32)	–	–	(1,519)	(18,988)	–	–	–	(20,507)
Pemindahan kepada pelaburan hartanah (Nota 19)		(43,000)	–	–	–	–	–	(43,000)
Perbezaan terjemahan matawang	(610)	–	(5,582)	(7,876)	(62)	(753)	(900)	(15,783)
Pada 31 Disember	33,039	549,775	860,261	742,310	137,987	51,273	119,349	2,493,994
Susut nilai/rosot nilai terkumpul								
Pada 1 Januari	–	15,102	338,267	291,011	72,026	27,123	–	743,529
Caj bagi tahun kewangan	–	6,721	18,744	47,388	8,481	7,484	–	88,818
Kerugian rosot nilai	–	–	–	32,300	–	–	–	32,300
Pelupusan	–	–	(358)	(1,493)	(428)	(1,461)	–	(3,740)
Hapus kira	–	–	(985)	(599)	(2,705)	(1,184)	–	(5,473)
Pembalikan kerugian rosot nilai	–	–	–	(15,497)	–	–	–	(15,497)
Pemindahan kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 32)	–	–	(1,515)	(17,858)	–	–	–	(19,373)
Pemindahan kepada pelaburan hartanah (Nota 19)	–	(2,159)	–	–	–	–	–	(2,159)
Perbezaan terjemahan matawang	–	–	(646)	(6,546)	(24)	(511)	–	(7,727)
Pada 31 Disember	–	19,664	353,507	328,706	77,350	31,451	–	810,678
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2012	33,039	530,111	506,754	413,604	60,637	19,822	119,349	1,683,316

18 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Kumpulan	Tanah pegangan bebas RM'000	Tanah pegangan pajakan RM'000	Bangunan, struktur dan pengubah-suaian RM'000	Loji dan jentera RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat, alat-alat dan peralatan lain RM'000	Aset dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
2011								
Kos								
Pada 1 Januari	33,211	565,088	757,936	702,756	112,534	41,401	75,327	2,288,253
Tambahan	–	27,687	21,089	22,817	10,553	6,214	67,273	155,633
Pelupusan	–	–	(1,899)	(813)	(4,744)	(1,060)	–	(8,516)
Hapus kira	–	–	(7)	(5,510)	(246)	(939)	(149)	(6,851)
Klasifikasi semula	–	–	61,356	16,958	805	289	(79,408)	–
Perbezaan terjemahan matawang	438	–	6,505	3,605	430	744	314	12,036
Pada 31 Disember	33,649	592,775	844,980	739,813	119,332	46,649	63,357	2,440,555
Susut nilai/rosot nilai terkumpul								
Pada 1 Januari	–	2,857	245,460	140,629	66,615	21,119	–	476,680
Caj bagi tahun kewangan	–	9,055	32,866	46,640	8,685	6,081	–	103,327
Kerugian rosot nilai	–	3,190	57,590	101,407	1,185	1,315	–	164,687
Pelupusan	–	–	(1,565)	(693)	(4,282)	(995)	–	(7,535)
Hapus kira	–	–	(78)	(4,472)	(244)	(853)	–	(5,647)
Perbezaan terjemahan matawang	–	–	3,994	7,500	67	456	–	12,017
Pada 31 Disember	–	15,102	338,267	291,011	72,026	27,123	–	743,529
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2011	33,649	577,673	506,713	448,802	47,306	19,526	63,357	1,697,026

Pada 31 Disember 2012, jumlah bawaan hartanah, loji dan peralatan tanpa hak milik tanah ialah RM144,135,000 (2011: RM144,077,000) .

18 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Syarikat	Peralatan pejabat RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Jumlah RM'000
2012			
Kos			
Pada 1 Januari 2012	**562**	**352**	**914**
Tambahan	**50**	**–**	**50**
Pada 31 Disember 2012	**612**	**352**	**964**
Susut nilai terkumpul			
Pada 1 Januari 2012	**131**	**93**	**224**
Caj bagi tahun kewangan	**119**	**70**	**189**
Pada 31 Disember 2012	**250**	**163**	**413**
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2012	**362**	**189**	**551**
2011			
Kos			
Pada 1 Januari 2011	302	169	471
Tambahan	279	182	461
Hapus kira	(18)	–	(18)
Pada 31 Disember 2011	563	351	914
Susut nilai terkumpul			
Pada 1 Januari 2011	48	59	107
Caj bagi tahun kewangan	87	34	121
Hapus kira	(4)	–	(4)
Pada 31 Disember 2011	131	93	224
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2011	432	258	690

18 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

(a) Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

(i) Keadaan pasaran yang sukar pada tahun semasa kewangan dan kerugian berterusan dalam anak syarikat, Twin Rivers Technologies Enterprise de Transformation De Graines Oleagineuses Du Quebec Inc. ("TRT ETGO") telah dikenalpasti sebagai petunjuk bagi ujian rosot nilai yang perlu dilakukan bagi hartanah, loji dan peralatan yang berkaitan dengan CGU untuk operasi perniagaan makanan minyak bertapis di Kanada. Jumlah CGU yang boleh diperolehi semula ditetapkankan berdasarkan pengiraan nilai saksama tolak kos untuk menjual.

Andaian penting yang digunakan untuk pengiraan nilai saksama tolak kos untuk menjual bagi CGU adalah seperti berikut:

(i) Bayaran pengetolan adalah berdasarkan purata anggaran kadar pertumbuhan kompaun tahunan iaitu kira-kira 2% sepanjang tempoh Perjanjian Bayaran Pengetolan. Asas yang digunakan adalah selaras dengan Perjanjian Bayaran Pengetolan yang telah dilaksanakan bertarikh 9 Disember 2012 di antara Bunge-ETGO LP dan TRT ETGO.

(ii) Kadar diskaun yang digunakan adalah 12.4% yang mencerminkan risiko khusus yang berkaitan dengan operasi perniagaan.

(iii) Nilai Terminal adalah berdasarkan perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan ("EBITDA") pada kadar pertumbuhan 2% pada 2017.

Berdasarkan pengiraan nilai saksama tolak kos untuk menjual, Kumpulan telah merosotkan nilai hartanah, loji dan peralatan sebanyak RM32,300,000 yang direkodkan sebagai kerugian rosot nilai dalam kos jualan.

Berdasarkan analisis sensitiviti yang dijalankan oleh Kumpulan, kesan kenaikan 1% dalam kadar diskaun yang digunakan, yang merupakan andaian penting, akan mengakibatkan kerugian rosot nilai tambahan sebanyak kira-kira RM30,737,000.

(ii) Berikutan peningkatan dalam prestasi kewangan, satu penilaian semula jumlah yang boleh diperoleh telah dilaksanakan ke atas operasi perniagaan asid lelemak di Amerika Syarikat. Penilaian itu memerlukan anggaran nilai dalam kegunaan bagi CGU di mana hartanah, loji dan peralatan serta aset tidak nyata berkaitan operasi perniagaan asid lelemak di Amerika Syarikat telah diperuntukkan seperti yang dinyatakan dalam Nota 20. Ini menghasilkan pembalikan rosot nilai hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM15,497,000.

(iii) Sebuah anak-anak syarikat Kumpulan, Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd ("KGFP") telah mencatatkan kerugian rosot nilai kira-kira RM3,566,000 dalam hartanah, loji dan peralatan apabila jumlah yang boleh diperolehi semula adalah di bawah nilai bawaan. Jumlah boleh diperolehi semula daripada aset-aset ini telah ditetapkankan dengan merujuk kepada nilai saksama tolak kos untuk menjual berdasarkan penilaian bebas oleh pihak luar menggunakan kaedah perbandingan dengan merujuk kepada urusniaga semasa dan bukti-bukti jualan.

Pada 31 Disember 2012, sebahagian daripada hartanah, loji dan peralatan dilupuskan di atas nilai-nilai bawaan, menghasilkan pembalikan rosot nilai sebanyak RM529,000.

(iv) Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan adalah geran tertunda yang diberikan oleh Investissement Quebec ("Pemberi"), sebuah agensi kerajaan wilayah Quebec berjumlah RM23,290,000. Di bawah terma perjanjian itu, Pemberi akan membayar balik TRT ETGO, 5% daripada kos yang ditanggung untuk membangun dan membina kilang penghancuran benih minyak di Becancour.

Pada tahun kewangan yang lepas, geran itu dicatatkan sebagai belum bayar lain kerana tidak mematuhi perjanjian yang disertakan. Perjanjian itu telah dipatuhi pada 31 Disember 2012 dan oleh itu geran tersebut dicatatkan sebagai pengurangan kos hartanah, loji dan peralatan.

(b) Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011

(i) Keadaan pasaran yang sukar, kerugian berterusan dan penyusunan semula dalaman dalam anak syarikat, Twin Rivers Technologies Enterprise de Transformation De Graines Oleagineuses Du Quebec Inc. ("TRT ETGO") telah dikenalpasti sebagai petunjuk bagi ujian rosot nilai yang perlu dilakukan bagi hartanah, loji dan aset tidak nyata berhubung dengan CGU untuk operasi perniagaan makanan berdasarkan minyak bertapis di Kanada seperti yang dinyatakan dalam Nota 20 yang telah menyebabkan rosot nilai sebanyak RM160,798,000.

Berdasarkan kepada analisis sensitiviti yang dijalankan oleh Kumpulan, kesan kenaikan 1% dalam kadar diskaun yang digunakan, yang merupakan andaian penting, akan mengakibatkan kerugian rosot nilai tambahan sebanyak kira-kira RM65,000,000.

(ii) Beberapa hartanah, loji dan peralatan dalam TRT ETGO berjumlah RM388,669,000 telah dijadikan cagaran bagi kemudahan perbankan yang diberikan kepada sebuah anak syarikat.

19 PELABURAN HARTANAH

Kumpulan	Tanah pegangan pajakan RM'000
2012	
Kos	
Pada 1 Januari 2012	–
Pemindahan daripada hartanah, loji dan peralatan (Nota 18)	43,000
Pada 31 Disember 2012	43,000
Susut nilai terkumpul	
Pada 1 Januari 2012	–
Pemindahan daripada hartanah, loji dan peralatan (Nota 18)	2,159
Caj bagi tahun kewangan	463
Pada 31 Disember 2012	2,622
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2012	40,378

Berikutan pemberhentian aktiviti penanaman tebu di sebuah anak-anak syarikat, tanah pegangan pajakan telah diklasifikasi semula kepada pelaburan hartanah kerana para Pengarah kini berhasrat memegangnya untuk kenaikan modal.

Nilai saksama pelaburan hartanah di atas pada 31 Disember 2012 adalah dianggarkan berjumlah RM44,730,000 berdasarkan penilaian bebas yang dijalankan oleh penilai profesional berdaftar menggunakan kaedah perbandingan dengan merujuk kepada urusniaga semasa dan bukti-bukti jualan yang melibatkan hartanah-hartanah serupa di kawasan itu .

Tiada perolehan sewa dan perbelanjaan langsung telah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian tahun kewangan semasa.

20 ASET TIDAK NYATA

Kumpulan	Muhibah RM'000	Jenama RM'000	Teknologi lengkap RM'000	Perjanjian pajakan RM'000	Hubungan pelanggan RM'000	Nama dagangan RM'000	Perisian RM'000	Aset tidak nyata dalam pem-bangunan* RM'000	Jumlah RM'000
Nilai buku bersih									
2012									
Pada 1 Januari 2012	576,240	79,581	1,683	2,574	1,087	1,521	–	–	662,686
Pengambilalihan anak-anak syarikat (Nota 21)	–	–	–	–	–	–	–	15,837	15,837
Tambahan	–	–	–	–	–	–	6,217	9,928	16,145
Pembalikan rosot nilai	–	–	258	–	23,387	233	–	–	23,878
Caj pelunasan	–	(3,226)	(396)	(182)	(5,116)	(1,710)	(468)	–	(11,098)
Perbezaan terjemahan matawang	–		(58)	(89)	(158)	(44)	–	–	(349)
Pada 31 Disember 2012	576,240	76,355	1,487	2,303	19,200	–	5,749	25,765	707,099
2011									
Pada 1 Januari 2011	617,912	82,807	1,981	2,689	1,280	3,384	–	–	710,053
Kerugian rosot nilai	(42,792)	–	–	–	–	–	–	–	(42,792)
Caj pelunasan	–	(3,226)	(340)	(181)	(219)	(1,885)	–	–	(5,851)
Perbezaan terjemahan matawang	1,120	–	42	66	26	22	–	–	1,276
Pada 31 Disember 2011	576,240	79,581	1,683	2,574	1,087	1,521	–	–	662,686
Jangkaan baki hayat berguna (tahun) –31 Disember 2012		24	5	14	5	1	5		

* Rujuk Nota 52(a)(ix) untuk liabiliti luar jangka berhubung aset tidak nyata dalam pembangunan berjumlah RM9,928,000 bagi sistem perakaunan ladang yang sedang dibangunkan.

20 ASET TIDAK NYATA (sambungan)

Syarikat	Perisian RM'000
2012	
Pada 1 Januari 2012	–
Tambahan	**6,217**
Caj pelunasan	**(468)**
Pada 31 Disember 2012	**5,749**
Jangkaan baki hayat berguna (tahun) – 31 Disember 2012	**5**

(a) Ujian rosot nilai untuk muhibah

Muhibah diperuntukkan kepada unit-unit penjanaan tunai Kumpulan (CGU) seperti berikut:

	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 RM'000
Operasi perniagaan gula di Seberang Prai, Malaysia	**576,240**	576,240

(i) Operasi perniagaan gula di Seberang Prai, Malaysia

Muhibah adalah berhubung dengan pengambilalihan perniagaan gula oleh Kumpulan dan diperuntukkan kepada Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad. Ini merupakan tahap terendah di mana muhibah dipantau bagi tujuan pengurusan dalaman.

Jumlah boleh diperolehi semula CGU ditetapkankan berdasarkan kiraan nilai dalam penggunaan menggunakan unjuran aliran tunai berdasarkan belanjawan kewangan yang diluluskan oleh para Pengarah meliputi tempoh tiga tahun dan menggunakan kadar pertumbuhan berganda nilai terminal menggunakan kadar pertumbuhan mampan jangka panjang.

Andaian utama yang digunakan bagi nilai dalam penggunaan CGU ialah:

	2012	2011
Margin kasar	**20% – 22%**	13%
Kadar pertumbuhan nilai terminal	**2%**	4%
Kadar diskaun	**9%**	9%

20 ASET TIDAK NYATA (sambungan)

(a) Ujian rosot nilai untuk muhibah (sambungan)

(i) Operasi perniagaan gula di Seberang Prai, Malaysia (sambungan)

(i) Margin kasar

Asas yang digunakan untuk menentukan nilai yang diperuntukkan kepada margin kasar adalah purata margin kasar yang dicapai pada tahun kewangan sebaik sebelum belanjawan tahun kewangan yang diperuntukkan, diselaraskan dengan keadaan pasaran dan ekonomi, yang termasuk jangkaan harga gula mentah di bawah kontrak jangka panjang dan subsidi yang akan diterima daripada Kerajaan Malaysia, serta jangkaan peningkatan kecekapan.

(ii) Kadar pertumbuhan nilai terminal

Kadar pertumbuhan terminal yang digunakan adalah berdasarkan kadar pertumbuhan jangka panjang dalam industri gula di Malaysia.

(iii) Kadar diskaun

Kadar diskaun yang digunakan mencerminkan risiko-risiko industri yang khusus berkaitan dengan perniagaan gula, atas asas sebelum cukai.

Pihak pengurusan percaya bahawa tiada perubahan yang mungkin berlaku dalam mana-mana andaian penting di atas yang boleh menyebabkan jumlah bawaan CGU melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula.

(ii) Operasi perniagaan makanan minyak bertapis di Kanada

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011

Pada tahun kewangan yang lepas, Kumpulan mempunyai baki muhibah sebanyak RM42,792,000 yang diperuntukkan untuk operasi perniagaan makanan berasaskan minyak bertapis di Kanada. Pada 31 Disember 2011, Kumpulan telah menjalankan penilaian rosot nilai muhibah tahunan dengan menganggarkan jumlah boleh diperolehi semula CGU (muhibah dan hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam Nota 18) menggunakan pengiraan nilai saksama ditolak kos untuk menjual.

Andaian utama yang digunakan bagi pengiraan nilai saksama ditolak kos untuk menjual adalah seperti berikut:

(i) Yuran tol adalah berdasarkan purata anggaran kadar pertumbuhan kompaun tahunan iaitu kira-kira 3% dari 2011 hingga 2016. Asas yang digunakan adalah selaras dengan Perjanjian Bayaran yang telah dilaksanakan bertarikh 9 Disember 2012 di antara Bunge-ETGO LP dan TRT ETGO.

(ii) Bahagian keputusan daripada Bunge ETGO LP, sebuah entiti kawalan bersama yang ditubuhkan pada tahun kewangan, adalah didapati daripada Belanjawan Awal 2012 yang disediakan oleh Bunge ETGO LP manakala bagi tahun 2013 hingga 2016 adalah berdasarkan andaian awal yang dibuat oleh pihak pengurusan dengan mengambilkira Belanjawan Awal 2012 yang disediakan oleh Bunge ETGO LP berserta kapasiti yang diunjurkan.

(iii) Kadar diskaun yang digunakan ialah 12.4% yang mencerminkan risiko khusus yang berkaitan dengan operasi perniagaan.

(iv) Nilai terminal adalah berdasarkan pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan ("EBITDA") pada 2016 didarab dengan pengganda nilai terminal iaitu 7.6.

Berdasarkan pengiraan nilai saksama ditolak kos untuk menjual, Kumpulan telah merosotkan sepenuhnya muhibah sebanyak RM42,792,000 yang dicatatkan sebagai kerugian rosot nilai dalam perbelanjaan operasi lain bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

20 ASET TIDAK NYATA (sambungan)

(b) Ujian rosot nilai bagi aset tidak nyata selain daripada muhibah

Berikutan peningkatan dalam prestasi kewangan, satu penilaian semula jumlah yang boleh diperoleh kembali telah dilaksanakan ke atas operasi perniagaan asid lelemak di Amerika Syarikat. Penilaian tersebut memerlukan anggaran nilai dalam kegunaan bagi CGU di mana hartanah, loji dan peralatan serta aset tidak nyata berkenaan bagi operasi perniagaan asid lelemak di Amerika Syarikat telah diperuntukkan. Ini telah menghasilkan pembalikan rosot nilai sebanyak RM23,878,000.

Jumlah yang boleh diperolehi semula CGU ditetapkan berdasarkan nilai dalam penggunaan yang mana lebih tinggi dengan menggunakan unjuran aliran tunai berdasarkan belanjawan kewangan yang diluluskan oleh para Pengarah meliputi tempoh lima tahun dan menggunakan pengganda nilai terminal yang menggunakan kadar pertumbuhan mampan jangka panjang yang dinyatakan di bawah.

Andaian utama yang digunakan untuk nilai dalam penggunaan CGU adalah:

	2012	2011
Margin kasar	**8% – 10%**	6% – 10%
Pengganda nilai terminal	**7.95 kali 2017 EBITDA**	6.10 kali 2016 EBITDA
Kadar diskaun	**12%**	13%

(i) Margin kasar

Asas yang belanjawan digunakan untuk menentukan nilai yang diperuntukkan kepada margin kasar adalah purata margin kasar yang dicapai pada tahun kewangan sebelum belanjawan tahun kewangan yang diperuntukkan, diselaraskan dengan keadaan pasaran dan ekonomi, dan jangkaan peningkatan kecekapan.

(ii) Gandaan nilai terminal

Nilai terminal adalah berdasarkan perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan ("EBITDA") pada 2017 didarab dengan pengganda nilai terminal iatu 7.95.

Gandaan nilai terminal yang digunakan adalah konsisten dengan syarikat-syarikat yang setanding dalam industri yang sama di Amerika Syarikat.

(iii) Kadar diskaun

Kadar diskaun yang digunakan mencerminkan risiko khusus yang berkaitan dengan operasi perniagaan, dan merupakan kadar pra-cukai.

Hasil daripada penilaian rosot nilai CGU, Kumpulan telah mengiktiraf pembalikan rosot nilai sebanyak RM39,375,000 (2011: tiada) yang mewakili RM23,878,000 yang diperuntukkan secara pro-rata bagi aset tidak nyata selain daripada muhibah dan RM15,497,000 bagi hartanah, loji dan peralatan (rujuk Nota 18) yang masing-masing dicatatkan dalam pendapatan lain dan kos jualan.

Pihak pengurusan percaya bahawa tiada perubahan yang mungkin berlaku dalam mana-mana andaian penting di atas yang boleh menyebabkan jumlah bawaan CGU melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula.

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT

	Syarikat 2012 RM'000	Syarikat 2011 RM'000
Pada kos ditolak rosot nilai terkumpul		
(i) Saham disebut harga di Malaysia:		
Saham biasa:		
Pada 1 Januari	**270,026**	–
Tambahan	**–**	270,026
Pada 31 Disember	**270,026**	270,026
(i) Saham tidak disebut harga di Malaysia:		
Saham biasa:		
Pada 1 Januari	**500**	76,810
Tambahan	**283,400**	–
Pelupusan	**–**	(26,310)
Kerugian rosot nilai	**–**	(50,000)
Pada 31 Disember	**283,900**	500
(iii) Saham asing tidak disebut harga:		
Pada 1 Januari/31 Disember	**9,233**	9,233
(iv) RCPS/RCCPS:		
Pada 1 Januari	**1,719,917**	2,637,223
Penukaran jumlah patut diterima daripada anak-anak syarikat ke dalam RCPS/RCCPS (Nota 27)	**1,338,532**	–
Penebusan RCPS/RCCPS *	**–**	(223,606)
Pelupusan #	**(620,759)**	–
Kerugian rosot nilai	**(115,356)**	(693,700)
Pada 31 Disember	**2,322,334**	1,719,917
(v) Sumbangan modal kepada anak-anak syarikat:		
Pada 1 Januari	**11,937**	11,689
Pelarasan nilai saksama	**–**	248
Kontrak jaminan kewangan (Nota 46)	**13,476**	–
Pelupusan	**(9,813)**	–
Pada 31 Disember	**15,600**	11,937
Jumlah	**2,901,093**	2,011,613
Nilai pasaran saham disebut harga di Malaysia, berdasarkan kepentingan langsung syarikat	**371,864**	376,493

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (sambungan)

* Pada 21 Disember 2011, sebuah anak-anak syarikat, Felda Global Ventures Sugar Sdn Bhd ("FGVS") membuat sebahagian penebusan berjumlah RM120,000,000 bagi RCPS C yang dikeluarkan kepada Syarikat sebanyak RM1,221,164,700 secara tunai.

Pada 30 Disember 2011, Syarikat telah memindahkan 104,655,200 RCPS B dalam FGVME berjumlah RM103,606,096 kepada FELDA untuk menebus sepenuhnya 104,655,238 RCCPS E dan RCCPS F bernilai RM0.01 sesaham yang masing-masing dipegang oleh FELDA, berikutan penjualan 100% kepentingan ekuiti FGVME kepada FELDA.

\# Pada 12 April 2012, Syarikat telah memindahkan 329,949,500 RCPS A, 570,590,000 RCCPS A dan 322,057,400 RCCPS B di FGVNA berjumlah RM1,213,210,174 kepada Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd ("FGVD") untuk menebus sepenuhnya 329,949,500 RCPS A, 570,590,000 RCCPS A dan 322,057,400 RCCPS B bernilai RM0.01 sesaham yang masing-masing dipegang oleh FGVD berjumlah RM519,510,174, berikutan penjualan 100% kepentingan ekuiti FGVNA kepada FGVD.

Pada 12 April 2012, Syarikat telah memindahkan 102,274,300.00 RCCPS C dalam FGVK berjumlah RM101,249,063 kepada Felda Global Ventures Plantation Sdn Bhd ("FGVP") untuk menebus sepenuhnya 102,274,300.00 RCCPS C bernilai RM0.01 sesaham yang dipegang oleh FGVP berjumlah RM101,249,063, berikutan penjualan 100% kepentingan ekuiti FGVK kepada FGVP.

(a) Butiran anak-anak syarikat adalah seperti berikut:

Nama anak-anak syarikat	Negara diperbadankan	Kegiatan penting	Kepentingan efektif Kumpulan 2012 %	2011 %
Anak syarikat langsung				
Felda Global Ventures Indonesia Sdn Bhd	Malaysia	Pegangan pelaburan	**100.0**	100.0
Felda Global Ventures Sugar Sdn Bhd	Malaysia	Pegangan pelaburan	**100.0**	100.0
Felda Global Ventures Perlis Sdn Bhd	Malaysia	Pegangan hartanah pelaburan	**100.0**	100.0
Felda Global Ventures India Sdn Bhd	Malaysia	Tidak aktif	**100.0**	100.0
FGV USA Properties, Inc*	Amerika Syarikat	Pengendalian di harta tanah perumahan di Amerika Syarikat	**100.0**	100.0
Felda Global Ventures Livestock Sdn Bhd	Malaysia	Tidak aktif	**100.0**	100.0
MSM Malaysia Holdings Berhad^ (11% faedah langsung dan 40% faedah tak langsung dipegang menerusi Felda Global Ventures Sugar Sdn Bhd)	Malaysia	Pegangan pelaburan	**51.0**	51.0
Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd×©	Malaysia	Pegangan pelaburan	**100.0**	–
Felda Global Ventures Plantations Sdn Bhd∞•	Malaysia	Pegangan pelaburan	**100.0**	–
Felda Global Ventures Shared Service Centre Sdn Bhd≠	Malaysia	Penyediaan khidmat bersama	**100.0**	–
Felda Global Ventures Research & Development Sdn BhdΩ	Malaysia	Tidak aktif	**100.0**	–
Anak syarikat tidak langsung				
Anak-anak syarikat MSM Malaysia Holdings Berhad				
Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad^	Malaysia	Penapisan gula, jualan dan pemasaran produk gula halus	**51.0**	51.0
Kilang Gula Felda Perlis Sendirian Berhad^	Malaysia	Penapisan gula, jualan dan pemasaran produk gula halus dan penanaman getah dan kelapa sawit	**51.0**	51.0
Astakonas Sdn Bhd^	Malaysia	Penyediaan khidmat pengangkutan lori	**51.0**	51.0
MSM Properties Sdn Bhd*^	Malaysia	Di bawah pembubaran	**51.0**	51.0

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (sambungan)

(a) Butiran anak-anak syarikat adalah seperti berikut: (sambungan):

Nama anak-anak syarikat	Negara diperbadankan	Kegiatan penting	Kepentingan efektif Kumpulan 2012 %	2011 %
Anak syarikat tidak langsung (sambungan)				
Anak syarikat Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd				
Felda Global Ventures North America Sdn Bhd**©	Malaysia	Pegangan pelaburan	**100.0**	100.0
Anak-anak syarikat Felda Global Ventures North America Sdn Bhd				
Twin Rivers Technologies Holdings, Inc.#α®¥	Amerika Syarikat	Pegangan pelaburan	**100.0**	100.0
Twin Rivers Technologies Holdings Enterprise De Transformation De Graines Oleagineuses*	Kanada	Pegangan pelaburan	**100.0**	100.0
Felda Global Ventures North America U.S., Llc#@√	Amerika Syarikat	Penyediaan khidmat bersama perbendaharaan	**–**	100.0
Anak-anak syarikat Twin Rivers Technologies Holding, Inc.				
Twin Rivers Technologies Manufacturing Corporation#α	Amerika Syarikat	Pemerolehan, pemprosesan dan bekalan asid lemak	**100.0**	100.0
Twin Rivers Technologies US, Inc.¥	Amerika Syarikat	Pegangan pelaburan	**–**	100.0
Anak syarikat Twin Rivers Technologies Holdings Enterprise DeTransformation De Graines Oleagineuses Du Quebec Ulc.				
Twin Rivers Technologies Enterprise De Transformation De Graines Oleagineuses Du Quebec Inc*α	Kanada	Pemprosesan biji kanola dan kacang soya serta produk sampingan yang berkaitan bagi pihak entiti kawalan bersama	**100.0**	100.0
Anak syarikat Twin Rivers Technologies Manufacturing Corporation				
Fore River Transportation Corporation#α	Amerika Syarikat	Pengendalian, pengurusan dan penyelenggaraan khidmat landasan keretapi	**100.0**	100.0
Anak-anak syarikat Felda Global Ventures Plantations Sdn Bhd				
Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd+	Malaysia	Pengeluaran FFB, getah beku, dagangan komoditi, pengurusan estet perladangan dan lain-lain aset biologi	**100.0**	–
Felda Global Ventures Kalimantan Sdn Bhd**•	Malaysia	Pegangan pelaburan	**100.0**	100.0
Anak syarikat Felda Global Ventures Kalimantan Sdn Bhd				
PT. Citra Niaga Perkasa#€	Indonesia	Perladangan kelapa sawit	**95.0**	–

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (sambungan)

(a) Butiran anak-anak syarikat adalah seperti berikut: (sambungan):

* Tidak diaudit oleh PricewaterhouseCoopers, Malaysia atau sekutunya.

Diaudit oleh sekutu PricewaterhouseCoopers, Malaysia.

@ Entiti digabungkan sebagai entiti tujuan khas menurut IC 112: Penggabungan – Entiti Tujuan Khas.

** Felda Global Ventures North America Sdn Bhd dan Felda Global Ventures Kalimantan Sdn Bhd merupakan anak-anak syarikat langsung pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

(b) Perbadanan, pengambilalihan dan pembubaran anak-anak syarikat

∞ Pada 6 Januari 2012, Syarikat telah memperbadankan Felda Global Ventures Plantations Sdn Bhd ("FGV Plantations"), sebuah syarikat liabiliti sendirian berhad, diperbadankan dan beroperasi di Malaysia.

× Pada 6 Januari 2012, Syarikat telah memperbadankan Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd ("FGV Downstream"), sebuah syarikat liabiliti sendirian berhad, diperbadankan dan beroperasi di Malaysia.

+ Pada 6 Januari 2012, FGV Plantations telah memperbadankan Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd ("FGVPM"), sebuah syarikat liabiliti sendirian berhad, diperbadankan dan beroperasi di Malaysia.

≠ Pada 17 Februari 2012, Syarikat telah memperbadankan Pakatan Mastiara Sdn Bhd, sebuah syarikat liabiliti sendirian berhad, diperbadankan dan beroperasi di Malaysia. Pada 28 Mac 2012, syarikat ini telah mengubah namanya kepada Felda Global Ventures Shared Services Centre Sdn Bhd ("FGV SSC").

© Pada 12 April 2012, Syarikat telah memeterai Perjanjian Jual Beli dengan FGV Downstream, sebuah anak syarikat milik penuh, untuk menjual 100% kepentingan ekuitinya dalam saham biasa dalam Felda Global Ventures North America Sdn Bhd ("FGVNA") untuk pertimbangan tunai sebanyak RM632,100,038, yang menghasilkan keuntungan pelupusan sebanyak RM2,227,760 kepada Syarikat. Urusniaga tersebut diselesaikan pada 9 Mei 2012.

• Pada 12 April 2012, Syarikat telah memeterai Perjanjian Jual Beli dengan FGV Plantations, sebuah anak syarikat milik penuh, untuk menjual 100% kepentingan ekuitinya dalam saham biasa dalam Felda Global Ventures Kalimantan ("FGVK") untuk pertimbangan tunai sebanyak RM188,583,121, yang menyebabkan kerugian pelupusan sebanyak RM6,756,146 kepada Syarikat. Urusniaga tersebut diselesaikan pada 9 Mei 2012.

® Pada 20 Jun 2012, Twin Rivers Technologies Holdings Inc ("TRT Holdings") telah memindahkan 100% kepentingan ekuiti mewakili 6,882 saham biasa dalam Twin Rivers Technologies Holdings Enterprises de Transformation de Graines Oleagineuses Inc ("TRT Holdings ETGO Inc") kepada FGVNA untuk pertimbangan tunai sebanyak CAD1.00.

¥ Pada 20 Jun 2012, Twin Rivers Technologies US Inc ("TRT US") telah bergabung dengan dan ke dalam TRT Holdings. Sebaik penggabungan tersebut selesai, pegangan saham FGVNA dalam TRT Holdings, yang mewakili 117,646 saham biasa Kelas A dan 80,000 saham biasa Kelas B ditukarkan kepada saham biasa kelas tunggal.

√ Pada 22 Jun 2012, pembubaran FGV US LLC telah berlaku kerana syarikat tersebut pada mulanya ditubuhkan sebagai entiti tujuan khas bagi membiaya pinjaman kepada TRT US bagi mengurangkan risiko pencirian semula hutang tersebut sebagai ekuiti sekiranya berlaku pendaftaran kemuflisan. Oleh kerana pembatalan hutang telah berlaku, tiada sebab untuk entiti-entiti tersebut terus wujud.

Ω Pada 25 September 2012, Syarikat telah memperoleh 100% kepentingan ekuiti dalam Rias Simfoni Sdn Bhd, sebuah syarikat diperbadankan di Malaysia, untuk pertimbangan tunai sebanyak RM2. Pada 10 Oktober 2012, syarikat tersebut telah mengubah namanya kepada Felda Global Ventures Research & Development Sdn Bhd ("FGV R&D"). Tiada impak kewangan timbul kerana syarikat tersebut adalah tidak aktif.

€ Pada tahun kewangan sebelum ini, Felda Global Ventures Kalimantan Sdn Bhd ("FGVK"), sebuah anak syarikat milik Syarikat, telah memeterai satu perjanjian untuk mengambilalih 95% kepentingan dalam PT. Citra Niaga Perkasa daripada Joko Sintrajaya untuk jumlah pertimbangan sebanyak RM16,500,000, yang harus diselesaikan sebaik menerima kelulusan undang-undang yang berkaitan di Indonesia. Pengambilalihan tersebut selesai pada 27 Februari 2012.

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (sambungan)

(b) Perbadanan, pengambilalihan dan pembubaran anak-anak syarikat (sambungan)

Kesan pengambilalihan PT. Citra Niaga Perkasa diringkaskan di bawah:

	Nilai bawaan/ Nilai saksama RM'000
Hak penggunaan tanah (Nota 20)	15,837
Tunai dan bersamaan tunai	16
Belum terima	767
Belum bayar	(85)
Jumlah aset bersih diambilalih	16,535
Kepentingan pihak tidak mengawal	(35)
Nilai saksama aset bersih diambilalih (tolak kepentingan pihak tidak mengawal)	16,500
Pertimbangan pembelian	(16,500)
Muhibah daripada pengambilalihan	–

Aliran keluar tunai daripada pengambilalihan adalah seperti berikut:	
Pertimbangan pembelian	16,500
Ditolak: Pertimbangan tertunda	(825)
Ditolak: Tunai dan pertimbangan tunai anak syarikat yang diambilalih	(16)
Aliran keluar tunai bersih Kumpulan	15,659
Ditolak: Deposit dibayar pada 2011	(5,775)
Pengambilalihan anak syarikat, bersih aliran masuk tunai	9,884

Kesan pengambilalihan PT. Citra Niaga Perkasa ke atas keputusan kewangan Kumpulan semasa tahun kewangan, dan kesan sekiranya pengambilalihan berlaku pada awal tahun kewangan dinyatakan di bawah:

	RM'000
Perbelanjaan operasi	(1,219)
Kerugian selepas cukai	(1,219)

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (sambungan)

(c) Pengambilalihan estet perladangan

(i) Perjanjian Pajakan Tanah ("LLA")

Syarikat telah memeterai perjanjian dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ("FELDA") pada 1 November 2011 untuk pajakan bertempoh 99 tahun (i) tanah dengan hak milik tanah individu yang dikeluarkan kepada FELDA sebagai pemilik berdaftar (ii) tanah sedia ada yang diberikan kepada FELDA untuk pembangunan, tetapi di mana hak milik tanah individu belum dikeluarkan kepada FELDA dan (iii) tanah lain yang akan diberi milik atau diambil oleh FELDA pada masa hadapan.

(ii) LLA Tambahan

Pada 2 Januari 2012, Syarikat telah memeterai addendum kepada LLA ("LLA Tambahan") untuk mengambilalih aset dan liabiliti tertentu selain daripada aset biologi estet perladangan yang dimiliki oleh FELDA untuk pertimbangan pembelian yang setara dengan nilai bawaan aset dan liabiliti yang diambilalih pada 31 Disember 2011 berjumlah RM54,690,000, menghapuskan keperluan untuk persetujuan Pihak Berkuasa Negeri sebelum bermulanya LLA dan meminda takrif kategori aset yang perlu dikekalkan oleh Syarikat. Hasilnya, LLA bermula pada 1 Januari 2012.

(iii) Perjanjian Novasi

Pada 6 Januari 2012, sebagai sebahagian daripada proses penstrukturan semula, FELDA, Syarikat dan Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd ("FGVPM"), sebuah anak syarikat milik Syarikat telah memeterai satu perjanjian novasi di mana semua manfaat, hak, hakmilik, kepentingan, tanggungjawab, aku janji, perjanjian dan liabiliti Syarikat di bawah LLA dan LLA Tambahan dipindahkan oleh Syarikat kepada FGVPM dari 1 Januari 2012 dan FELDA telah bersetuju untuk memindahkan semua manfaat, hak, hakmilik, kepentingan, tanggungjawab, aku janji, perjanjian dan liabiliti Syarikat kepada FGVPM tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian novasi itu.

(iv) Perjanjian Sewa

- Pada 6 Januari 2012, Felda dan FGVPM memeterai perjanjian sewaan bagi LLA yang mana sewaan ini adalah bagi tempoh permulaan tiga tahun dan apabila habis tempoh tiga tahun, FGVPM mempunyai pilihan untuk memperbaharui sewaan untuk tempoh lanjut iaitu setiap tiga tahun sehingga tempoh selama 99 tahun melainkan jika ditamatkan mengikut peruntukan dalam terma LLA. Pilihan untuk memperbaharui boleh dilaksanakan melalui notis bertulis, atau dengan tatalaku pihak-pihak yang membolehkan lanjutan hakmilik Tanah oleh FGVPM di bawah perjanjian itu. Dalam keadaan di mana kelulusan bagi mana-mana bahagian Tanah diperolehi dari masa ke semasa atau hak milik tanah individu dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri bagi mana-mana bahagian Tanah Tambahan Sedia Ada dan Kelulusan diperolehi, pihak-pihak akan meneruskan untuk mendaftar pajakan selaras dengan LLA, dan selepas itu Tanah yang Diluluskan hendaklah dikecualikan daripada perjanjian ini dan sewaan di dalamnya dan akan jatuh di bawah pajakan dalam LLA.
- Pada 21 Januari 2012, FELDA dan FGVPM telah memeterai perjanjian sewaan berkaitan tanah-tanah perladangan tertentu yang terletak hak pada FELDA. Penyewaan ini akan bermula pada 1 Januari 2012 dan akan berkuatkuasa untuk tempoh permulaan tiga tahun. Setelah tamat tempoh tiga tahun perjanjian sewa ini, FGVPM mempunyai pilihan untuk memperbaharui sewaan untuk tempoh lanjutan tiga tahun sehingga tempoh selama 99 tahun kecuali ditamatkan menurut peruntukan-peruntukan LLA dan pada pertimbangan yang dipersetujui yang mencerminkan Pertimbangan Pajakan mengikut LLA.

(v) Perjanjian Pengurusan

Pada 21 Mei 2012, Perjanjian Sewa yang bertarikh 6 Januari 2012 telah disokong oleh perjanjian tambahan, di mana kedua-dua FELDA dan FGVPM mengakui bahawa pada 1 Januari 2012, FGVPM belum dianggap atau diiktiraf sebagai anak watan bagi tanah-tanah di Sarawak kepada Kanun Tanah Sarawak. Kedua-dua FELDA dan FGVPM bersetuju untuk mengecualikan semua Tanah-tanah Sarawak daripada Perjanjian Sewa dan LLA. Kedua-dua FELDA dan FGVPM bersetuju bahawa tiada pertimbangan pajakan akan dianggap belum bayar bagi Tanah-tanah Sarawak untuk sewaan bagi tempoh bermula dari 1 Januari 2012 hingga FGVPM mendapat status asli, semua Kelulusan telah diperolehi dan sebaik pendaftaran pajakan menurut Kanun Tanah Sarawak. Setelah syarat-syarat yang dinyatakan di atas dipenuhi, Tanah-tanah Sarawak akan dirangkumkan sebagai sebahagian daripada Baki Tanah Sedia Ada dan syarat-syarat LLA akan dipenggunaan dan permohonan perakaunan akan kekal sama seperti dalam LLA.

Sekiranya tanah-tanah atau mana-mana bahagiannya pada bila-bila masa menjadi rosot nilai oleh sebarang notis pengambilalihan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, pemberi sewa tidak akan dibayar pampasan bagi kos penamatan.

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (sambungan)

(c) Pengambilalihan estet perladangan (sambungan)

(vi) Pengambilalihan estet perladangan memenuhi kriteria bagi perakaunan sebelumnya. Perbezaan di antara nilai saksama pertimbangan pembelian dan nilai bawaan aset bersih yang diambilalih berjumlah RM2,088,969,000 pada 31 Disember 2012, yang diiktiraf sebagai rizab penyusunan semula, adalah dinyatakan di bawah:

	RM'000
Nilai saksama liabiliti LLA	5,842,694
Pertimbangan tunai menurut Tambahan LLA	54,690
Nilai saksama pertimbangan pembelian	5,897,384
Ditolak: Nilai bawaan aset dan liabiliti estet perladangan yang diambilalih	
Aset	
Hartanah, loji dan peralatan	(695,262)
Aset biologi	(1,891,544)
Inventori	(24,164)
Belum terima	(8,103)
Tunai dan baki bank	(306)
Jumlah aset	(2,619,379)
Liabiliti	
Penghutang dagangan dan penghutang lain	123,969
Liabiliti cukai tertunda	17,874
Jumlah belum bayar kepada lain-lain syarikat berkaitan	129,794
Jumlah liabiliti	271,637
	3,549,642
Ditolak: Kesan cukai tertunda daripada liabiliti LLA	(1,460,673)
Jumlah diiktiraf dalam rizab penyusunan semula pada 31 Disember 2012 (Nota 37)	**2,088,969**

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (sambungan)

(c) Pengambilalihan estet perladangan (sambungan)

(vii) Keputusan estet perladangan yang telah diambilkira dalam penyata perolehan keseluruhan di bawah kaedah perakaunan sebelumnya adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 RM'000
Perolehan	**2,709,446**	3,251,909
Kos jualan	**(1,600,756)**	(1,491,493)
Keuntungan kasar	**1,108,690**	1,760,416
Lain-lain perolehan operasi	**4,602**	4,417
Perbelanjaan pentadbiran	**(117,698)**	(96,222)
Pendapatan kewangan	**4,447**	–
Kos kewangan	**(620)**	–
Cukai	**(263,412)**	(417,153)
Keuntungan bagi tahun kewangan	**736,009**	1,251,458

(viii) Aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang disumbangkan oleh estet perladangan yang dirangkumkan dalam penyata kedudukan kewangan di bawah kaedah perakaunan sebelumnya adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	**727,969**	695,262
Aset tidak nyata	**9,928**	–
Aset biologi	**1,892,555**	1,891,544
Inventori	**80,869**	24,164
Belum terima	**14,739**	8,103
Cukai diperoleh semula	**1,161**	–
Jumlah hutang daripada/(kepada) lain-lain syarikat berkaitan	**83,371**	(129,794)
Tunai dan bersamaan tunai	**783,601**	306
Liabiliti cukai tertunda	**(19,036)**	(17,874)
Peruntukan pelan manfaat tertakrif	**(19,243)**	–
Belum bayar	**(202,050)**	(123,969)
Pinjaman	**(100,000)**	–
	3,253,864	2,347,742

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (sambungan)

(c) Pengambilalihan estet perladangan (sambungan)

(ix) LLA dianggap berkuatkuasa dari 1 Januari 2012 menurut perjanjian kontrak LLA dan kesan LLA ke atas rizab penyusunan semula adalah seperti berikut:

	RM'000
Rizab penyusunan semula pada 1 Januari 2012 sebelum kesan LLA	2,347,742
Kesan LLA:	
– Liabiliti LLA	(5,842,694)
– Jumlah belum bayar kepada pemegang saham penting	(54,690)
– Aset cukai tertunda	1,460,673
	(4,436,711)
Rizab penyusunan semula pada 1 Januari 2012, seperti dinyatakan semula	(2,088,969)

(x) LLA dianggap berkuatkuasa dari 1 Januari 2012 menurut perjanjian kontrak LLA dan kesannya adalah seperti berikut:

	RM'000
Liabiliti LLA	5,842,694
Jumlah belum bayar kepada pemegang saham penting	54,690
Aset cukai tertunda	(1,460,673)
Rizab penyusunan semula	4,436,711

(d) Perbadanan, peningkatan dan pencairan kepentingan dalam anak-anak syarikat pada tahun kewangan sebelumnya

^ Pada Februari 2011, Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan skim cadangan penyusunan semula korporat bagi menstruktur semula dan menyenaraikan perniagaan gula Kumpulan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Penyusunan semula korporat itu merangkumi perkara-perkara berikut:

(i) Pada 28 Mac 2011, sebuah anak-anak syarikat, Felda Global Ventures Sugar Sdn Bhd ("FGVS") telah melupuskan 20% kepentingan ekuiti Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad ("MSM") kepada Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad ("KPF") untuk pertimbangan tunai sebanyak RM269,090,000.

Pelupusan 20% kepentingan ekuiti dalam MSM telah membawa kepada pencairan kepentingan ekuiti MSM iaitu daripada 100% kepada 80% dalam Kumpulan dan dianggap sebagai urusniaga dengan kepentingan pihak tidak mengawal. Keuntungan sebanyak RM80,525,000 yang terhasil daripada pencairan kepentingan ekuiti itu diiktiraf dalam perolehan tersimpan Kumpulan.

(ii) Perbadanan MSM Malaysia Holdings Berhad ("MSMH") pada 10 Mac 2011 untuk menjadi jentera penyenaraian.

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (sambungan)

(d) Perbadanan, peningkatan dan pencairan kepentingan dalam anak-anak syarikat pada tahun kewangan terdahulu (sambungan)

^ Pada Februari 2011, Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan skim cadangan penyusunan semula korporat bagi menstruktur semula dan menyenaraikan perniagaan gula Kumpulan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Penyusunan semula korporat itu merangkumi perkara-perkara berikut: (sambungan)

(iii) Pada 20 Mei 2011, penstrukturan semula sebelum penyenaraian telah dilaksanakan seperti berikut:

(a) Pemindahan operasi perladangan tebu Felda Global Ventures Perlis Sdn Bhd's ('FGVP') di Chuping termasuk beberapa aset dan liabiliti ke Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd ("KGFP") untuk pertimbangan pembelian berjumlah RM106,209,770, yang telah dipenuhi menerusi terbitan 25.4 juta saham baru KGFP pada harga terbitan sebanyak RM4.19 sesaham. FGVP telah menamakan FGVH untuk menerima saham-saham KGFP.

Pemindahan operasi perladangan tebu di Chuping ke KGFP telah menyebabkan pencairan kepentingan ekuiti dalam operasi perladangan tebu tersebut iaitu daripada 100% kepada 82% dalam Kumpulan dan dianggap sebagai urusniaga dengan kepentingan pihak tidak mengawal. Kerugian sebanyak RM19,084,000 yang timbul daripada pencairan kepentingan ekuiti itu diiktiraf dalam perolehan tersimpan Kumpulan.

(b) Pengambilalihan keseluruhan kepentingan ekuiti dalam MSM dan KGFP oleh MSMH untuk pertimbangan pembelian berjumlah RM1,230,992,000 dan RM791,937,300 masing-masing dipenuhi dengan terbitan 578.0 juta saham baru MSMH pada harga terbitan RM3.50 sesaham.

Pengambilalihan keseluruhan kepentingan ekuiti dalam MSM oleh MSMH telah menghasilkan peningkatan dalam kepentingan ekuiti MSM iaitu daripada 80% kepada 82% dalam Kumpulan dan dianggap sebagai urusniaga dengan kepentingan pihak tidak mengawal. Keuntungan sebanyak RM14,956,000 yang timbul daripada peningkatan kepentingan ekuiti itu diiktiraf dalam perolehan tersimpan Kumpulan.

Pengambilalihan keseluruhan kepentingan ekuiti dalam KGFP oleh MSMH telah menghasilkan peningkatan dalam kepentingan ekuiti KGFP iaitu daripada 74.5% kepada 82% dalam Kumpulan dan dianggap sebagai urusniaga dengan kepentingan pihak tidak mengawal. Keuntungan sebanyak RM27,054,000 yang timbul daripada peningkatan kepentingan ekuiti itu diiktiraf dalam perolehan tersimpan Kumpulan.

(c) *Dividend-in-specie* diumumkan oleh Felda Holdings Bhd ("FHB"), sebuah syarikat bersekutu Kumpulan, kepada pemegang sahamnya untuk 36.2 juta saham MSMH berjumlah RM126,709,968, di mana 17.7 juta saham MSMH berjumlah RM62,088,000 telah diterima oleh Kumpulan.

Pengumuman *Dividend-in-specie* oleh FHB telah menghasilkan peningkatan dalam kepentingan ekuiti MSMH iaitu daripada 82% kepada 85% dalam Kumpulan dan dianggap sebagai urusniaga dengan kepentingan pihak tidak mengawal. Kerugian sebanyak RM27,759,000 yang timbul daripada peningkatan kepentingan ekuiti itu diiktiraf dalam perolehan tersimpan Kumpulan.

(iv) Pada 28 Jun 2011, MSMH telah disenaraikan selepas melaksanakan tawaran awam menerusi:

(a) terbitan 125 juta saham oleh MSMH; dan

(b) penjualan 131 juta saham MSMH oleh Syarikat;

pada harga RM3.50 sesaham, untuk terbitan awam di mana 51.8 juta saham MSMH telah dilanggan/diambilalih oleh KPF, menghasilkan aliran masuk tunai sebanyak RM891,415,000.

Terbitan saham oleh MSMH dan jualan saham MSMH oleh Syarikat telah menghasilkan pencairan kepentingan ekuiti dalam MSMH iaitu daripada 85% kepada 51% dalam Kumpulan dan dianggap sebagai urusniaga dengan kepentingan pihak tidak mengawal. Keuntungan sebanyak RM280,550,000 yang timbul daripada pencairan kepentingan ekuiti itu diiktiraf dalam perolehan tersimpan Kumpulan.

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (sambungan)

(d) Perbadanan, peningkatan dan pencairan kepentingan dalam anak-anak syarikat pada tahun kewangan terdahulu (sambungan)

^ Pada Februari 2011, Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan skim cadangan penyusunan semula korporat bagi menstruktur semula dan menyenaraikan perniagaan gula Kumpulan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Penyusunan semula korporat itu merangkumi perkara-perkara berikut: (sambungan)

(iv) Pada 28 Jun 2011, MSMH telah disenaraikan selepas melaksanakan tawaran awam menerusi (sambungan):

Kesan skim penyusunan semula korporat kepada Kumpulan adalah seperti berikut:

	RM'000
Pencairan kepentingan ekuiti dalam MSM daripada 100% kepada 80% (Rujuk (i))	80,525
Pencairan kepentingan ekuiti dalam operasi penyemaian tebu daripada 100% kepada 82% (Rujuk (iii)(a))	(19,084)
Peningkatan kepentingan ekuiti dalam MSM daripada 80% kepada 82% (Rujuk (iii)(b))	14,956
Peningkatan kepentingan ekuiti dalam KGFP daripada 74.5% kepada 82% (Rujuk (iii)(b))	27,054
Peningkatan kepentingan ekuiti dalam MSMH daripada 82% kepada 85% (Rujuk (iii)(c))	(27,759)
Pencairan kepentingan ekuiti dalam MSMH daripada 85% kepada 51% (Rujuk (iv))	280,550
Kesan pencairan kepentingan	356,242

Berikutan penyelesaian penyenaraian tersebut, Kumpulan memiliki 51% kepentingan ekuiti efektif dalam MSMH, sebuah syarikat tersenarai awam dengan 100% kepentingan ekuiti dalam MSM dan KGFP, termasuk perniagaan penanaman tebu FGVP dalam KGFP.

α Pada 30 September 2011, sebuah anak syarikat, Felda Global Ventures North America Sdn Bhd ("FGVNA") mengambilalih baki 3% kepentingan ekuiti daripada pemegang saham sedia Twin Rivers Technologies Holdings, Inc ("TRTH"), yang terdiri daripada 3,529 saham biasa untuk pertimbangan tunai RM3,827,000. Hasilnya, kepentingan efektif Syarikat dalam TRTH meningkat daripada 97% kepada 100%.

Pengambilalihan baki kepentingan ekuiti dalam TRTH dianggap sebagai urusniaga dengan kepentingan pihak tidak mengawal, dan kerugian sebanyak RM7,594,000 berikutan daripada peningkatan kepentingan ekutiti itu diiktiraf dalam perolehan tersimpan Kumpulan.

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (sambungan)

(e) Pelupusan anak-anak syarikat dalam tahun kewangan terdahulu

Pada 30 September 2011, pelaburan dalam Felda Global Ventures Middle East Sdn Bhd ("FGVME") (termasuk kepentingan dalam anak syarikat FGVME, Felda Global Ventures Arabia Ltd) dijual kepada FELDA untuk jumlah pertimbangan RM1 yang menghasilkan keuntungan daripada pelupusan berjumlah RM68,220,000 bagi FGVH.

Kesan penjualan anak-anak syarikat tersebut ke atas kedudukan kewangan Kumpulan pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2011 RM'000
– Dolar Kanada	**903**	423,611
	599,669	802,492

Kadar faedah efektif bagi pinjaman adalah seperti berikut:

	Kadar faedah	Kadar faedah efektif pada tarikh penyata kedudukan kewangan % setahun
2012		
Pinjaman bertempoh	**Terapung**	**1.03**
Penerimaan bank	**Terapung**	**3.43**
2011		
Pinjaman bertempoh	Terapung	1.88
Kredit pusingan	Terapung	1.03
Penerimaan bank	Terapung	3.55

Pada 31 Disember 2012, beberapa pinjaman dijamin dengan deposit tetap yang dicagarkan kepada sebuah institusi kewangan berjumlah RM15,369,000 (2011: RM320,646,000).

41 PINJAMAN BELUM BAYAR KEPADA PEMEGANG SAHAM PENTING

	Kumpulan dan Syarikat	
	2012	2011
	RM'000	RM'000
Tidak bercagar:		
Bukan semasa	**1,620,714**	1,835,000
Semasa	**219,557**	5,448
	1,840,271	1,840,448

Pinjaman dibayar semula seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat	
	2012	2011
	RM'000	RM'000
2012	–	5,448
2013	**219,557**	214,286
2014	**214,286**	214,286
2015	**214,286**	214,286
2016	**214,286**	214,286
2017	**214,286**	214,286
2018	**214,285**	214,285
2019	**214,285**	214,285
2020	**335,000**	335,000
	1,840,271	1,840,448

Pinjaman disebut seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat	
	2012	2011
	RM'000	RM'000
Ringgit Malaysia	**1,840,271**	1,840,448

Kadar faedah efektif bagi pinjaman ini adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat			
	2012		2011	
	Kadar faedah	Kadar faedah efektif pada tarikh penyata kedudukan kewangan % setahun	Kadar faedah	Kaedah faedah efektif pada tarikh penyata kedudukan kewangan % setahun
Pinjaman belum bayar kepada pemegang saham penting	**Tetap**	**4.805**	Tetap	4.805

42 LIABILITI PERJANJIAN PAJAKAN TANAH ("LLA")

Perjanjian pajakan tanah dikira berdasarkan terma-terma yang dinyatakan dalam perjanjian-perjanjian seperti yang dinyatakan dalam Nota 21(c). Kawasan tanah yang dipajak terdiri daripada ladang kelapa sawit dan kawasan getah. Berdasarkan kawasan dipajak yang dipersetujui, jumlah pajakan tetap tahunan yang perlu dibayar dianggarkan RM248,481,322 setahun berserta 15% peratus daripada keuntungan operasi perladangan daripada tanah tersebut setiap tahun.

	2012 RM'000	2011 RM'000
Bukan semasa	5,167,831	–
Semasa	496,938	–
	5,664,769	–

Pergerakan dalam liabiliti LLA adalah seperti berikut:

	2012 RM'000	2011 RM'000
Pada 1 Januari	–	–
Pengambilalihan estet perladangan (Nota 21(c))	5,842,694	–
Perubahan nilai saksama dicaj kepada untung atau rugi	210,178	–
Bayaran balik semasa tahun kewangan	(388,103)	–
Pada 31 Disember	5,664,769	–

Nilai saksama liabiliti LLA telah diukur menggunakan pengiraan aliran tunai yang didiskaunkan dengan menggunakan unjuran aliran tunai berdasarkan belanjawan kewangan yang diluluskan oleh para Pengarah yang meliputi 99 tahun. Andaian penting yang digunakan untuk mengira nilai saksama liabiliti LLA adalah seperti berikut:

(i)	Kadar diskaun tersirat	9.47% berdasarkan kadar diskaun yang digunakan oleh syarikat-syarikat setanding yang berkaitan
(ii)	Harga MSM	RM2,468/MT hingga RM3,050/MT
(iii)	Harga FFB	RM526/MT hingga RM634/MT
(iv)	Hasil Purata FFB (MT/ha)	18.3/MT hingga 26.9/MT
(v)	Kos tetap penanaman semula estet	• Matang – RM2,380 sehektar berdasarkan kitaran 25 tahun untuk kelapa sawit • Belum matang – RM6,346 sehektar berdasarkan kitaran 25 tahun untuk kelapa sawit
(vi)	Tempoh pajakan	Lanjutan tempoh pajakan sehingga 99 tahun akan diperolehi untuk semua tanah dalam estet perladangan

Sensitiviti liabiliti LLA terhadap perubahan dalam andaian penting adalah seperti berikut:

Andaian penting		Perubahan dalam andaian	Kesan ke atas liabiliti LLA
(i)	Kadar diskaun	Meningkat sebanyak 0.5% Menurun sebanyak 0.5%	Menurun sebanyak RM142,000,000 Meningkat sebanyak RM160,000,000
(ii)	Harga MSM	Meningkat/menurun sebanyak RM100 satu tan metrik	Meningkat/menurun sebanyak RM37,000,000
(iii)	Peningkatan/pengurangan hasil FFB	Meningkat/menurun sebanyak 1%	Meningkat/menurun sebanyak RM25,034,591
(iv)	Perubahan jumlah hektar yang ditanam di bawah LLA#	Meningkat/menurun sebanyak 1,000 ha	Meningkat/menurun sebanyak RM7,000,000

\# Perubahan dalam keluasan kawasan tanah berikutan pelarasan yang timbul daripada pelaksanaan berterusan penyelarasan tanah bagi memastikan kawasan tanah yang tepat sebagaimana yang diperuntukkan oleh LLA, yang mana dijangka siap pada Julai 2013.

43 PERUNTUKAN

2012

	Kumpulan Peruntukan persaraan aset RM'000	Peruntukan penstrukturan semula RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari	**4,744**	**1,421**	**6,165**
Pembalikan diskaun	**258**	**–**	**258**
Pembayaran dibuat semasa tahun kewangan	**(29)**	**(1,309)**	**(1,338)**
Perbezaan terjemahan matawang	**(167)**	**(6)**	**(173)**
Pada 31 Disember	**4,806**	**106**	**4,912**
Ditolak: belum bayar dalam tempoh 12 bulan	**(306)**	**(106)**	**(412)**
Bukan semasa	**4,500**	**–**	**4,500**

2011

	Kumpulan Peruntukan persaraan aset RM'000 RM'000	Peruntukan pajakan modal RM'000 RM'000	Peruntukan penstrukturan semula RM'000 RM'000	Jumlah RM'000 RM'000
Pada 1 Januari	4,391	1,800	–	6,191
Peruntukan semasa tahun kewangan	–	–	1,421	1,421
Penamatan diskaun	259	–	–	259
Klasifikasi semula	–	(1,387)	–	(1,387)
Pembayaran dibuat semasa tahun kewangan	(33)	(461)	–	(494)
Perbezaan terjemahan matawang	127	48	–	175
Pada 31 Disember	4,744	–	1,421	6,165
Ditolak: belum bayar dalam tempoh 12 bulan	(317)	–	(1,421)	(1,738)
Bukan semasa	4,427	–	–	4,427

Peruntukan untuk persaraan aset adalah berkaitan dengan kewujudan asbestos pada kemudahan perkilangan asid lelemak Kumpulan di Amerika Syarikat. Tanggungjawab persaraan aset adalah berdasarkan anggaran terperinci, diselaraskan untuk inflasi, ditingkatkan kepada anggaran tarikh perbelanjaan, dan kemudian didiskaunkan menggunakan purata kadar faedah tanpa risiko kredit diselaraskan sebanyak 7.9% yang mewakili anggaran terbaik bagi liabiliti oleh pihak pengurusan. Kos sebenar yang akan ditanggung pada masa hadapan mungkin berbeza daripada anggaran, memandangkan ketidaktentuan dalam menilai pendedahan tertentu yang tertakluk kepada ketidaktepatan dalam menganggarkan obligasi persaraan aset.

Pada tahun kewangan yang lepas, anak syarikat Kumpulan, TRT ETGO, mencatatkan peruntukan penstrukturan semula sebanyak RM1,421,000. Peruntukan itu adalah berkaitan dengan pengecilan jabatan kewangan dan komersial berikutan pelaburan TRT ETGO dalam sebuah entiti kawalan bersama. Rancangan penyusunan semula itu telah disediakan dan diumumkan kepada kakitangan dan peruntukannya telah diiktiraf pada tahun 2011. Bayaran sebanyak RM1,309,000 telah dibayar pada tahun 2012.

44 PERUNTUKAN PELAN MANFAAT TERTAKRIF

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Bukan semasa	**19,429**	492	**186**	24

Pelan manfaat tertakrif tersebut terdiri daripada peruntukan-peruntukan anak-anak syarikat tertentu di Malaysia yang mengamalkan polisi-polisi sumber manusia Kumpulan untuk kakitangan mereka.

Pergerakan sepanjang tahun kewangan ini dalam jumlah yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Pada 1 Januari	**492**	1,032	**24**	–
Pengiktirafan pelan manfaat tertakrif ke atas pemindahan kakitangan daripada syarikat berkaitan	**18,645**	–	**–**	–
Dicaj kepada untung atau rugi	**2,523**	78	**21**	24
Manfaat dibayar	**(3,279)**	(618)	**–**	–
Ukuran semula	**1,048**	–	**141**	–
Pada 31 Disember	**19,429**	492	**186**	24

Jumlah yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan telah ditetapkankan seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Nilai semasa tanggungan tidak dibiaya	**18,381**	492	**45**	24
Ukuran semula:				
– Perubahan dalam andaian kewangan	**934**	–	**13**	–
– Pelarasan pengalaman	**114**	–	**128**	–
	1,048	–	**141**	–
Liabiliti bersih	**19,429**	492	**186**	24

Jumlah yang diiktiraf dalam untung atau rugi adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Kos khidmat semasa	**1,397**	42	**15**	23
Kos faedah	**1,126**	36	**6**	1
Perbelanjaan diiktiraf dalam untung atau rugi	**2,523**	78	**21**	24

44 PERUNTUKAN PELAN MANFAAT TERTAKRIF (sambungan)

Andaian aktuarial penting yang digunakan bagi manfaat persaraan tertakrif tanpa biaya bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000 %	2011 RM'000 %	2012 RM'000 %	2011 RM'000 %
Kadar diskaun	**5.25**	6.25	**6.25**	6.25
Jangkaan kadar peningkatan gaji	**6.00**	6.00	**6.00**	6.00

Sensitiviti tanggungan manfaat tertakrif Kumpulan terhadap perubahan dalam andaian penting berwajaran adalah:

	Perubahan andaian	Kesan ke atas tanggungan manfaat tertakrif RM '000
Kadar diskaun	1%	1,254
Kadar pertumbuhan gaji	1%	99

Analisis sensitiviti di atas adalah berdasarkan kepada perubahan dalam andaian semasa berdasarkan semua andaian lain yang berterusan. Dalam amalan sebenar ini tidak mungkin berlaku, dan perubahan dalam beberapa andaian mungkin adalah berkaitan. Apabila mengira sensitiviti tanggungan yang ditakrifkan terhadap andaian aktuari penting, kaedah yang sama (nilai semasa tanggungan manfaat tertakrif dikira dengan kaedah unjuran unit kredit pada akhir tempoh laporan) telah digunakan apabila mengira liabiliti manfaat yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Kaedah-kaedah dan jenis-jenis andaian yang digunakan dalam menyediakan analisis sensitiviti tidak berubah berbanding tahun kewangan terdahulu.

Tempoh purata berwajaran bagi tanggungan manfaat tertakrif adalah 35.8 tahun (2011: 35.9).

Jangkaan analisis kematangan bagi manfaat persaraan tidak didiskaunkan:

	Kurang daripada setahun RM'000	Antara 1 – 2 tahun RM'000	Antara 2 – 5 tahun RM'000	Lebih 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Peruntukan pelan manfaat tertakrif					
Pada 31 Disember 2012	**1,112**	**4,481**	**7,519**	**39,857**	**52,969**
Pada 31 Disember 2011	468	14	100	676	1,258

45 CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diseimbangkan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset cukai semasa daripada liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda mempunyai kaitan dengan pihak berkuasa cukai yang sama. Jumlah berikut, yang ditetapkankan selepas pengimbangan yang sesuai, ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Tertakluk kepada cukai pendapatan				
– Aset cukai tertunda	**1,479,710**	41,998	**6,435**	7,933
– Liabiliti cukai tertunda	**(91,461)**	(154,782)	**–**	–
Pada 1 Januari, seperti dinyatakan sebelum ini	**(112,784)**	(123,978)	**(7,933)**	(1,585)
Permulaan liabiliti LLA (Nota 21(c))	**1,460,673**	–	**–**	–
Dicaj/(dikredit) kepada untung atau rugi (Nota 14):				
– aset tidak nyata	**(131)**	2,285	**526**	–
– hartanah, loji dan peralatan	**19,437**	(2,554)	**(15)**	20
– inventori	**2,768**	440	**–**	–
– belum terima	**15,683**	5,655	**–**	–
– belum bayar	**(1,988)**	2,126	**–**	–
– peruntukan	**(117)**	(141)	**(726)**	(849)
– kerugian cukai	**47,816**	2,662	**1,713**	(5,519)
– liabiliti LLA	**(44,481)**	–	**–**	–
– lain-lain	**1,875**	721	**–**	–
	40,862	11,194	**1,498**	(6,348)
Perbezaan terjemahan matawang asing	**(502)**	–	**–**	–
Pada 31 Disember	**1,388,249**	(112,784)	**(6,435)**	(7,933)
Aset cukai tertunda				
– belum terima	**11,168**	–	**–**	–
– hartanah, loji dan peralatan	**8,721**	–	**–**	–
– aset tidak nyata	**6,887**	–	**–**	–
– inventori	**2,768**	–	**–**	–
– liabiliti LLA	**1,416,192**	–	**–**	–
– belum bayar	**7,974**	9,962	**–**	–
– peruntukan	**–**	117	**1,835**	1,109
– kerugian cukai	**80,137**	32,321	**5,138**	6,851
– lain-lain	**2,249**	–	**–**	–
Jumlah sebelum imbangan	**1,536,096**	42,400	**6,973**	7,960
Imbangan	**(56,386)**	(402)	**(538)**	(27)
	1,479,710	41,998	**6,435**	7,933

45 CUKAI TERTUNDA (sambungan)

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Liabiliti cukai tertunda				
– aset tidak nyata	**(19,615)**	(12,597)	**(526)**	–
– haratanah, loji dan peralatan	**(125,012)**	(135,728)	**(12)**	(27)
– pra-bayar pajakan	**(2,306)**	(2,306)	**–**	–
– belum terima	**(34)**	(4,549)	**–**	–
– lain-lain	**(880)**	(4)	**–**	–
Jumlah sebelum pengimbangan	**(147,847)**	(155,184)	**(538)**	(27)
Pengimbangan	**56,386**	402	**538**	27
	(91,461)	(154,782)	**–**	–

Berikutan peningkatan dalam prestasi kewangan sebuah anak syarikat di Amerika Syarikat, ia kini berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan aset cukai tertunda dalam anak syarikat itu digunakan.

Jumlah perbezaan sementara yang boleh ditolak dan kerugian cukai tidak digunakan (sebahagian daripadanya mempunyai tarikh tamat tempoh antara 2029 hingga 2032 (2011: antara 2012 hingga 2032)) di mana tiada aset cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan oleh anak-anak syarikat tertentu kerana para Pengarah berpendapat bahawa tiada kemungkinan keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan aset cukai tertunda digunakan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Kerugian cukai tidak digunakan	**244,634**	503,828

Pada 31 Disember 2012, kerugian cukai kasar tidak diguna anak syarikat berjumlah RM307,222,000. Kerugian ini akan tamat tempoh seperti berikut:

Tahun	RM'000
2029	5,726
2030	177,042
2031	110,020
2032	14,434
	307,222

Pada 31 Disember 2012, anak-anak syarikat terbabit mempunyai kredit cukai tersedia yang tidak boleh dikembalikan sebanyak RM12,765,000 (2011: RM12,657,000) yang boleh dibawa ke hadapan untuk digunakan ke atas berbanding pendapatan boleh cukai masa hadapan di Quebec, Kanada. Manfaat masa hadapan kredit ini tidak diiktiraf di dalam penyata kewangan.

46 KONTRAK JAMINAN KEWANGAN

Syarikat

Kontrak jaminan kewangan adalah berkaitan dengan kontrak jaminan kewangan yang disediakan oleh Syarikat bagi menyediakan pembiayaan untuk semua tanggungan FINA di bawah nota janji hutang sekiranya berlaku kegagalan pembayaran (rujuk Nota 25).

47 BELUM BAYAR

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Pemiutang perdagangan	**27,507**	65,983	**–**	–
Lain-lain belum bayar dan akruan	**321,181**	181,972	**32,235**	6,452
	348,688	247,955	**32,235**	6,452

Belum bayar adalah disebut seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
– Ringgit Malaysia	**304,301**	130,751	**32,235**	6,452
– Dolar Amerika Syarikat	**21,873**	55,957	**–**	–
– Dolar Kanada	**22,211**	61,247	**–**	–
– Rupiah Indonesia	**303**	–	**–**	–
	348,688	247,955	**32,235**	6,452

Tempoh kredit pemiutang perdagangan adalah sehingga 60 hari (2011: sehingga 60 hari).

48 PELAN INSENTIF SAHAM

Pada bulan Mac 2008, lembaga pengarah sebuah anak syarikat telah meluluskan "Pelan Insentif Saham Twin Rivers Technologies Holdings, Inc 2008" ("Pelan Insentif Saham") bagi mendapatkan manfaat yang timbul daripada pemilikan saham modal oleh para kakitangan, pegawai, pengarah, perunding dan penasihat anak syarikat tersebut dan operasi anak-anak syarikatnya.

Syarat geran opsyen menyatakan bahawa opsyen akan terletak hak dalam empat ansuran tahunan ("Tempoh Letak Hak" opsyen) jika, dan hanya jika, pemegang opsyen ini telah diambil berkhidmat oleh salah satu entiti-entiti yang mengambil bahagian dalam Pelan Insentif Saham ("syarikat-syarikat") pada akhir tahun di mana opsyen tersebut akan diletak hak dan syarikat-syarikat mencapai sekurang-kurangnya 90% daripada sasaran tertentu EBITDA (seperti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan diaudit syarikat-syarikat) pada tahun itu. Syarikat-syarikat tidak mencapai sasaran EBITDA bagi tempoh tiga tahun pertama Tempoh Letak Hak. Oleh itu, tiada opsyen yang kini diletak hak. Tempoh Letak Hak akhir berakhir pada 1 Januari 2012 dan opsyen ini hanya akan terletak hak dalam tempoh ini jika syarikat-syarikat mencapai EBITDA sebanyak USD85.5 juta (RM261.39 juta) dalam tahun kalendar 2011. Oleh kerana syarikat tidak mencapai EBITDA ini pada tahun 2011 (di mana geran opsyen saham mewakili opsyen untuk membeli 548 baki saham pada 31 Disember 2011), pelan insentif saham disifatkan sebagai telah dibatalkan berkuatkuasa 1 Januari 2012.

49 URUSNIAGA PENTING PIHAK BERKAITAN

Di samping pendedahan pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain penyata kewangan ini, berikut adalah lain-lain urusniaga dan baki penting pihak berkaitan.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ("FELDA"), pemegang saham penting Syarikat, memiliki 37% daripada modal saham terbitan Syarikat (2011: 100%). FELDA adalah sebuah badan berkanun korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Tanah 1956, dan dikawal oleh Kerajaan Malaysia. Kumpulan menganggap bahawa, untuk tujuan MFRS 124 – "Pendedahan Pihak Berkaitan", FELDA dan Kerajaan Malaysia adalah berkedudukan untuk melaksanakan pengaruh yang besar ke atasnya. Hasilnya, Kerajaan Malaysia dan badan-badan dikawal Kerajaan Malaysia (secara kolektif dirujuk sebagai "entiti-entiti berkaitan kerajaan") adalah pihak berkaitan Kumpulan dan Syarikat.

Selain daripada urusniaga penting berasingan seperti yang dinyatakan dalam Nota 27, 41, 42, 49(b)(iii), 49(cd) dan 49(f)(ii) kepada penyata kewangan, Kumpulan dan Syarikat secara kolektif telah, tetapi tidak secara individu, menjalankan urusniaga penting dengan lain-lain entiti-entiti berkaitan kerajaan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

(i) Pembelian barangan dan perkhidmatan, termasuk penggunaan kemudahan awam dan kemudahan-kemudahan lain

(ii) Penyimpanan deposit bank dengan institusi-institusi kewangan berkaitan kerajaan

Kesemua urusniaga ini dijalankan dalam perjalanan lazim perniagaan Kumpulan berdasarkan terma komersil secara konsisten selaras dengan polisi-polisi dan proses-proses dalaman Kumpulan. Syarat-syarat ini tidak bergantung kepada samada pihak-pihak adalah entiti-entiti berkaitan kerajaan atau tidak.

Pihak-pihak berkaitan dan hubungannya diringkaskan seperti berikut:

(i) Anak-anak syarikat

Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd ("FGVPM)
Kilang Gula Felda Perlis Sendirian Berhad ("KGFP")
Felda Global Ventures Perlis Sdn Bhd ("FGV Perlis")
Twin Rivers Technologies Holdings, Inc ("TRTH")
Twin Rivers Technologies Holdings Enterprise De Transformation De Graines Oleagineuses ("TRT ETGO")
Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd ("FGVD")
Felda Global Ventures North America Sdn Bhd ("FGVNA")
Felda Global Ventures Plantations Sdn Bhd ("FGVP")
Felda Global Ventures Shared Service Centre Sdn Bhd ("FGVSSC")

(ii) Entiti-entiti kawalan bersama

Bunge ETGO L.P. ("Bunge ETGO")
Felda Iffco Sdn Bhd ("FISB")

(iii) Syarikat-syarikat bersekutu

Felda Holdings Bhd ("FHB")
Tradewinds (M) Berhad ("Tradewinds")

49 URUSNIAGA PENTING PIHAK BERKAITAN (sambungan)

(iv) Pihak berkaitan lain

Lain-lain Syarikat berkaitan	Hubungan
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ("FELDA")	Pemegang saham penting
Delima Oil Products Sdn Bhd ("DOPSB")	Anak syarikat FHB
Felda Agricultural Services Sdn Bhd ("FASSB")	Anak syarikat FHB
Felda Kernel Products Sdn Bhd ("FKPSB")	Anak syarikat FHB
Felda Marketing Services Sdn Bhd ("FELMA")	Anak syarikat FHB
Felda Palm Industries Sdn Bhd ("FPISB")	Anak syarikat FHB
Felda Plantations Sdn Bhd ("FPSB")	Anak syarikat FHB
Felda Prodata Systems Sdn Bhd ("FPSSB")	Anak syarikat FHB
Felda Rubber Industries Sdn Bhd ("FRISB")	Anak syarikat FHB
Felda Security Services Sdn Bhd ("FSSSB")	Anak syarikat FHB
FPM Sdn Bhd ("FPMSB")	Anak syarikat FHB
Felda Vegetable Oil Products Sdn Bhd ("FVOPSB")	Anak syarikat FHB
Felda Iffco Inc ("FINA")	Anak syarikat FISB

(a) Jualan barangan, perkhidmatan dan pelaburan

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
(i) Urusniaga dengan anak-anak syarikat				
Jualan pelaburan dalam FISB kepada FGVD	**–**	–	**94,941**	–
Jualan pelaburan dalam FGVNA kepada FGVD	**–**	–	**632,100**	–
Jualan pelaburan dalam FGK kepada FGVP	**–**	–	**188,583**	–
Sumbangan modal kepada FGVP dan FGVSSC	**–**	–	**283,400**	–
Dividen diterima daripada anak-anak syarikat	**–**	–	**529,895**	26,037
Yuran pengurusan diterima daripada anak-anak syarikat	**–**	–	**37,130**	243
(ii) Urusniaga dengan entiti-entiti kawalan bersama				
Pendapatan yuran pengetolan TRT ETGO daripada Bunge ETGO	**59,575**	3,928	**–**	–
Jualan CPO oleh FGVPM kepada FISB	**1,914,338**	–	**–**	–
Jualan inventori dan kontrak oleh TRT ETGO kepada Bunge ETGO	**–**	10,234	**–**	–
(iii) Urusniaga dengan syarikat-syarikat bersekutu				
Dividen diterima oleh FGVH daripada FHB	**–**	–	**173,279**	298,091
Dividen diterima oleh FGVH daripada Tradewinds	**–**	–	**23,718**	35,576
(iv) Urusniaga dengan anak-anak syarikat FHB				
Jualan BTS oleh FGVPM kepada FPISB	**2,388,338**	3,133,440	**–**	–
Jualan getah beku dan lateks oleh FGVPM kepada FRISB	**54,464**	89,861	**–**	–
Jualan MSM oleh FGVPM kepada FVOPSB dan DOPSB	**2,316,189**	–	**–**	–
Jualan isirung sawit oleh FGVPM kepada FKPSB	**121,455**	–	**–**	–
Yuran pengurusan dicaj oleh FGVH kepada anak-anak syarikat FHB	**88,637**	6,090	**88,637**	6,090

49 URUSNIAGA PENTING PIHAK BERKAITAN (sambungan)

(b) Pembelian barangan dan perkhidmatan

	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 RM'000	Syarikat 2012 RM'000	Syarikat 2011 RM'000
(i) Urusniaga dengan syarikat bersekutu				
Yuran pengurusan dicaj oleh FHB	**89,369**	1,512	**74,267**	1,512
(ii) Urusniaga dengan anak-anak syarikat FHB				
Pembelian minyak kelapa dan lain-lain produk minyak sawit oleh TRTH daripada FELMA	**229,129**	345,092	**–**	–
Pembelian baja oleh FGVPM, KGFP dan FGV Perlis daripada FPMSB	**524,998**	229,151	**–**	–
Pembelian bahan kimia dan biji benih oleh FGVPM, KGFP dan FGV Perlis daripada FASSB	**35,130**	38,073	**–**	–
Pembelian MSM dan isirung sawit oleh FGVPM daripada FPISB	**7,022,703**	–	**–**	–
Pembelian khidmat IT daripada FPSSB	**16,000**	7,642	**1,628**	847
Pembelian khidmat pemasaran daripada FELMA	**16,895**	–	**–**	–
Pembelian khidmat sekuriti daripada FSSSB	**40,481**	43,106	**9**	2
Yuran pengurusan dan bahagian keuntungan dibayar oleh FGVPM kepada FPSB	**12,340**	96,840	**–**	–
(iii) Urusniaga di antara anak-anak syarikat dan FELDA				
Perbelanjaan faedah dicaj oleh FELDA	**91,174**	91,383	**91,174**	91,383
Bahagian kos infrastruktur dalam Sahabat dicaj kepada FGVPM oleh FELDA	**17,931**	–	**–**	–
Liabiliti LLA dibayar dan belum bayar oleh FGVPM kepada FELDA	**388,103**	–	**–**	–
Bahagian perbelanjaan IPO dicaj oleh FGVH kepada FELDA	**52,440**	–	**52,440**	–

(c) Urusniaga lain

	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 RM'000	Syarikat 2012 RM'000	Syarikat 2011 RM'000
(i) Urusniaga dengan anak-anak syarikat FHB				
Insentif pengurusan diterima oleh TRTH daripada FPI atas pembelian produk-produk minyak sawit	**29,377**	24,700	**–**	–

(d) Urusniaga dengan entiti-entiti berkaitan Kerajaan

	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 RM'000	Syarikat 2012 RM'000	Syarikat 2011 RM'000
(i) Urusniaga di antara anak-anak syarikat dan lain-lain agensi kerajaan				
Subsidi gula diterima daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	**274,476**	156,640	**–**	–
Tambahan cukai dibayar kepada Kastam Diraja Malaysia	**40,597**	77,477	**–**	–

(e) Pampasan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama terdiri daripada para Pengarah, Ketua-ketua Eksekutif entiti-entiti yang beroperasi dan ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan, yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal kegiatan Kumpulan samada secara langsung atau tidak langsung.

Jumlah agregat emolumen diterima/belum terima oleh kakitangan pengurusan penting Kumpulan dan Syarikat pada tahun semasa adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 RM'000	Syarikat 2012 RM'000	Syarikat 2011 RM'000
Yuran	**2,568**	618	**2,568**	618
Gaji dan bonus	**14,311**	7,518	**11,639**	5,887
Pelan persaraan caruman tertakrif	**2,124**	1,144	**1,980**	886
Lain-lain manfaat kakitangan jangka pendek	**64**	25	**64**	25
	19,067	9,305	**16,251**	7,416

49 URUSNIAGA PENTING PIHAK BERKAITAN (sambungan)

(f) Pinjaman belum terima daripada/belum bayar kepada pihak berkaitan

(i) Pinjaman belum terima daripada Felda Iffco Inc., anak syarikat sebuah entiti kawalan bersama. Terma-terma dan syarat-syarat pinjaman tersebut didedahkan dalam Nota 25 kepada penyata kewangan.

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Pada 1 Januari	**27,926**	34,951
Bayaran semula	**–**	(10,456)
Pendapatan faedah (Nota 10)	**–**	2,770
Perbezaan terjemahan matawang	**(974)**	661
Ditolak: Kemerosotan	**(26,952)**	–
Pada 31 Disember	**–**	27,926

(ii) Pinjaman belum bayar kepada pemegang saham penting. Terma-terma dan syarat-syarat pinjaman tersebut didedahkan dalam Nota 41 kepada penyata kewangan.

	Kumpulan dan Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Pada 1 Januari	**1,840,448**	1,840,417
Perbelanjaan faedah	**91,174**	91,383
Faedah dibayar	**(91,351)**	(91,352)
Pada 31 Disember	**1,840,271**	1,840,448

(iii) Jumlah belum terima daripada Bunge ETGO, sebuah entiti kawalan bersama sebuah anak syarikat. Terma-terma dan syarat-syarat pinjaman tersebut didedahkan dalam Nota 27 kepada penyata kewangan.

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Pada 1 Januari	**45,520**	–
Pembayaran	**29,552**	45,520
Perbezaan terjemahan matawang	**234**	–
Pada 31 Disember	**75,306**	45,520

50 KOMITMEN

Kumpulan

(a) Perjanjian pajakan operasi

(i) Kumpulan sebagai pemajak:

Kumpulan memajak premis, gerabak keretapi, tangki simpanan, kemudahan penyimpanan makanan dan peralatan tertentu daripada pelbagai pihak di bawah perjanjian pajakan operasi.

Tiada di antara pajakan merangkumi sewa luar jangka. Tiada had dikenakan ke atas Kumpulan apabila memeterai pajakan ini.

Agregat bayaran pajakan minimum masa hadapan di bawah pajakan operasi tak boleh batal adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Dalam tempoh 1 tahun	**13,558**	10,406
Antara 1 dan 2 tahun	**12,432**	9,020
Antara 2 dan 3 tahun	**11,480**	6,857
Antara 3 dan 4 tahun	**10,776**	5,960
Antara 4 dan 5 tahun	**9,844**	5,232
Lebih daripada 5 tahun	**52,755**	20,820
	110,845	58,295

Bayaran pajakan yang diiktiraf dalam untung atau rugi semasa tahun kewangan adalah berjumlah RM9,887,000 (2011: RM11,202,000).

(ii) Kumpulan sebagai pemberi pajak:

Penerimaan pajakan operasi mewakili sewa belum terima oleh Kumpulan untuk tangki minyak asli dan sistem saluran paip minyak yang disewakan.

Agregat belum terima pajakan minimum masa hadapan di bawah pajakan operasi tak boleh batal adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Dalam tempoh 1 tahun	**1,165**	1,195
Antara 1 dan 2 tahun	**1,043**	1,195
Antara 2 dan 3 tahun	**498**	1,195
Antara 3 dan 4 tahun	**–**	598
	2,706	4,183

Pendapatan sewa yang diiktiraf dalam untung atau rugi semasa tahun kewangan adalah berjumlah RM1,312,000 (2011: RM1,084,000).

50 KOMITMEN (sambungan)

Kumpulan (sambungan)

(b) Komitmen modal

	Kumpulan 2012 RM'000	Kumpulan 2011 RM'000
Perbelanjaan modal diluluskan dan dikontrakkan:		
–Hartanah, loji dan peralatan	**92,507**	20,105
Perbelanjaan modal diluluskan tetapi tidak dikontrakkan:		
– Hartanah, loji dan peralatan	**296,724**	85,161
– Aset biologi	**31,963**	–
	421,194	105,266

51 LIABILITI LUAR JANGKA

(a) Sebuah syarikat bersekutu Kumpulan, Felda Holdings Bhd, mempunyai liabiliti luar jangka yang berikut, yang mana Kumpulan tidak bertanggungjawab secara bersama atau berasingan:

(i) Pada 12 Jun 2009, Felda Palm Industries Sdn Bhd ('FPISB') dan FELDA telah disaman oleh 645 peneroka Skim Felda Maokil di Johor untuk dakwaan penipuan dan manipulasi kadar perahan minyak sawit. Tuntutan itu berjumlah RM71.8 juta. Pada 30 November 2011, Mahkamah Rayuan Putrajaya memutuskan bahawa kes itu akan didengar di hadapan satu prosiding timbang tara berdasarkan seksyen 10 Akta Timbang Tara 2005 dan perjanjian asal di antara peneroka dan FELDA yang menyebut bahawa jika terdapat sebarang pertikaian, pertikaian itu hendaklah didengar di hadapan prosiding timbang tara. Pada 29 Ogos 2012, Mahkamah Tinggi Johor Bahru mengarahkan kes ini ditutup sementara menunggu keputusan Usul dan Rayuan Plaintif kepada Mahkamah Persekutuan terhadap Keputusan Mahkamah Rayuan. Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 16 Julai 2013 untuk pengurusan akhir kes bagi Usul Asal Pemohon kepada Mahkamah Persekutuan untuk Tinggalkan Rayuan.

(ii) Pada 3 September 2010, FPISB dan FELDA telah disaman oleh 514 peneroka Skim Serting Felda dan 252 peneroka Skim Felda Gugusan Raja Alias di Jempol, Negeri Sembilan untuk dakwaan penipuan dan manipulasi kadar perahan minyak sawit. Tuntutan itu berjumlah RM15.4 juta bagi tahun 2008 sahaja. FPISB memfailkan Rayuan dan Penyata Pembelaan ('SOD') di Mahkamah Tinggi Seremban pada 22 Disember 2011. Mahkamah Tinggi Seremban menetapkan 14 September 2012 untuk mendengar permohonan Plaintif untuk menarik balik 82 Plaintif daripada saman itu. Mahkamah membenarkan permohonan itu dengan sewajarnya tetapi ia menekankan bahawa permohonan itu telah meninggalkan 14 lagi Plaintif. Oleh itu, Mahkamah mengarahkan Peguamcara Plaintif untuk memfailkan permohonan kedua untuk menarik balik saman bagi Plaintif yang ditinggalkan sebelum ini serta untuk memfailkan semula Isu-isu baru yang akan Dibicarakan dan fakta-fakta yang Dipersetujui. Mahkamah kini telah menangguhkan perkara tersebut, sementara menunggu tarikh perbicaraan akan datang pada 12, 15 dan 16 Julai 2013 untuk Defendan memeriksa balas saksi kedua Plaintif.

(iii) Pada 12 Julai 2011, FPISB dan FELDA telah disaman oleh 711 peneroka Felda Jengka 1 hingga 25 dan Felda Sg. Tekam di Temerloh, Pahang (Jengka A) untuk dakwaan penipuan dan manipulasi kadar perahan minyak sawit. Tuntutan itu berjumlah RM22.9 juta bagi tahun 2008 sahaja. FPISB telah memfailkan SOD di Mahkamah Tinggi Temerloh pada 9 September 2011 dan plaintif telah memfailkan jawapan mereka pada 9 November 2011. Mahkamah telah pada 24 April 2012 membenarkan di dalam syarat-syarat permohonan oleh FELDA dan FPISB untuk membatalkan 42 Plaintif dengan kos kepada punca. Mahkamah kini menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 29 April 2013 bagi penetapan tarikh perbicaraan dan penandaan dokumen. Tarikh perbicaraan akan ditetapkan pada tarikh pengurusan kes tersebut.

(iv) Pada 10 November 2011, FPISB dan FELDA telah disaman oleh 365 peneroka Felda Jengka 1 hingga 7, 10, 13 hingga 19, 23 hingga 24, Felda Ulu Jempol dan Felda Sg. Tekam Utara (Jengka B) untuk dakwaan penipuan dan manipulasi kadar perahan minyak sawit. Tuntutan itu berjumlah RM11.7 juta bagi tahun 2008 sahaja. FPISB telah memfailkan Memorandum Kehadiran di Mahkamah Tinggi Temerloh pada 15 November 2011, Penyata Pembelaan pada 27 Disember 2011 dan permohonan untuk Membatalkan tuntutan Plaintif pada 9 Februari 2012. Di samping itu, kedua-dua Defendan dan Plaintif telah memfailkan penghujahan bertulis mengenai isu Pembatalan tersebut. Mahkamah telah pada 19 April 2012 membenarkan dalam syarat-syarat permohonan oleh FELDA dan FPISB untuk membatalkan 20 Plaintif dengan kos kepada punca. Mahkamah kini menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 29 April 2013 bagi menentukan pengurusan kes akan datang.

51 LIABILITI LUAR JANGKA (sambungan)

(a) **Sebuah syarikat bersekutu Kumpulan, Felda Holdings Bhd, mempunyai liabiliti luar jangka yang berikut, yang mana Kumpulan tidak bertanggungjawab secara bersama atau berasingan: (sambungan)**

(v) Pada 20 September 2011, FPISB dan FELDA telah disaman oleh 550 peneroka Gugusan Bera untuk dakwaan penipuan dan manipulasi kadar perahan minyak sawit. Plaintif menuntut bahagian mereka daripada jualan kernel, abu bakar dan minyak enapan yang diperolehi daripada konsainan BTS mereka yang dijual kepada kilang-kilang FPISB. Tuntutan itu berjumlah RM19.2 juta bagi tahun 2008 sahaja. FPISB telah memfailkan Memorandum Kehadiran di Mahkamah Tinggi pada 15 November, SOD pada 3 Januari 2012 dan juga telah memfailkan permohonan untuk membatalkan tuntutan Plaintif pada 25 Januari 2012. Mahkamah telah pada 19 April 2012 membenarkan dalam syarat-syarat permohonan oleh FELDA dan FPISB untuk membatalkan 20 Plaintif dengan kos kepada punca. Mahkamah kini menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 29 April 2013 bagi menetapkan tarikh perbicaraan dan penandaan dokumen. Tarikh perbicaraan akan ditetapkan pada tarikh pengurusan kes tersebut.

(vi) Pada 10 Mei 2012, FPISB dan FELDA telah disaman oleh 770 peneroka Rancangan Felda Chini 1 hingga 5 dan Rancangan Felda Chini Timur 1 hingga 3 di Pahang atas dakwaan penipuan dan manipulasi kadar perahan minyak sawit. Tuntutan itu berjumlah RM24.8 juta bagi tahun 2008 sahaja. FPISB telah memfailkan Memorandum Kehadiran di Mahkamah Tinggi pada 16 Mei 2012. Kes ini ditetapkan untuk Pengurusan Kes pertama pada 21 Mei 2012 dan SOD pada 18 Jun 2012. Mahkamah telah menetapkan tarikh baru bagi pengurusan kes pada 11 December 2012 bagi membolehkan pihak-pihak terlibat memfailkan Ikatan Rayuan, Ikatan Dokumen, Fakta Dipersetujui dan Isu yang akan Dibicarakan serta Ringkasan Kes. Mahkamah telah menetapkan perkara tersebut untuk Perbicaraan pada 11 hingga 13 Mac 2013, yang telah ditangguhkan kepada 10 hingga 13 September 2013.

(vii) Pada 5 Jun 2012, FPISB dan FELDA telah disaman oleh 956 peneroka Rancangan Felda Keratong 1 hingga 10 untuk dakwaan penipuan dan manipulasi kadar perahan minyak sawit. Tuntutan itu berjumlah RM30.9 juta untuk tahun 2008 sahaja. FPISB telah memfailkan Memorandum Kehadiran di Mahkamah Tinggi pada 26 Jun 2012. Pembelaan telah difailkan pada 17 Julai 2012. Mahkamah Tinggi Kuantan telah mengosongkan tarikh perbicaraan bagi perkara ini yang telah ditetapkan pada 9 hingga 10 April 2013. Perkara ini bagaimanapun dipanggil untuk sebutan pada 9 April 2013. Mahkamah Tinggi mengarahkan supaya semua pihak terlibat menghadiri satu sesi pengantaraan pada 16 Mei 2013 di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen. Dalam apa jua keadaan, Mahkamah Tinggi telah menetapkan tarikh baru untuk perbicaraan perkara ini iaitu pada 7 hingga 11 Oktober 2013.

(viii) Pada 25 Januari 2013, FPISB dan FELDA telah disaman oleh 351 peneroka Rancangan Felda Mempaga untuk dakwaan penipuan dan manipulasi kadar perahan minyak sawit. Mahkamah Tinggi Temerloh telah menetapkan perkara itu untuk sebutan pada 5 Mac 2013 bagi membolehkan Defendan untuk hadir dan memfailkan Pembelaan. Mahkamah kini telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 29 April 2013.

(ix) Pada 13 Disember 2011, Felda Prodata Systems Sdn Bhd ("Felda PRODATA") telah melantik Lunas Teknologi Sdn Bhd ("Lunas") untuk membangun, membekal, memasang dan memulakan sistem pengurusan ladang yang baru untuk ladang kelapa sawit yang dikenali sebagai Sistem RML2 ("Projek"). Berikutan itu, pada 4 April 2012, pihak-pihak terlibat telah memeterai Kontrak Jualan dan Pembelian untuk sistem pengurusan estet perladangan kelapa sawit (RML2). Pada 7 Januari 2013, LKKP Corporation Sdn. Bhd, sebuah entiti yang mendakwa memiliki perisian yang dijual oleh Lunas kepada Felda PRODATA di bawah Projek tersebut, telah menyaman Felda PRODATA dan menuntut antara lain, agar Felda PRODATA berhenti memasarkan atau menyatakan bahawa perisian tersebut adalah milik Felda PRODATA, ganti rugi umum dan teladan dan pemulangan semua data dan maklumat yang berkaitan dengan perisian tersebut. Lunas juga telah dinamakan sebagai Defendan Bersama dalam saman yang sama. Perkara ini telah menjalani beberapa pengurusan kes di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pendaftar kini telah menetapkan tarikh pengurusan kes seterusnya pada 6 Jun 2013 di hadapan Hakim untuk arahan lanjut.

Berdasarkan maklumat yang ada dan nasihat undang-undang yang diterima, para pengarah Felda Holdings Bhd berpendapat bahawa terdapat peluang yang munasabah untuk membela semua tuntutan di atas dan oleh itu, tiada peruntukan telah dibuat dalam penyata kewangan Felda Holdings Bhd. Hasilnya, tiada pelarasan telah dicatatkan untuk bahagian keputusan syarikat bersekutu dalam keuntungan dan kerugian Kumpulan.

(b) Syarikat bersekutu Kumpulan, Tradewinds (M) Berhad, mempunyai beberapa tanggungan luar jangka, di mana Kumpulan tidak bertanggungjawab secara bersama atau berasingan. Hasil daripada penjualan Tradewind (M) Berhad seperti yang dinyatakan dalam Nota 53, Kumpulan tidak mempunyai pendedahan kewangan lanjut bagi kesemua luar jangka ini.

52 PERISTIWA PENTING SEMASA TAHUN KEWANGAN

(a) Pada 2 Januari 2012, Syarikat telah memeterai perjanjian tambahan kepada LLA ("LLA Tambahan") untuk mengambilalih aset dan liabiliti tertentu selain daripada aset biologi bagi estet perladangan yang dimiliki oleh FELDA untuk pertimbangan pembelian yang setara dengan nilai bawaan aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang diambilalih pada 31 Disember 2011 berjumlah RM54,690,000, yakni menghapuskan keperluan untuk persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri sebelum bermulanya LLA dan meminda takrifnya. Hasilnya, LLA ("LLA") bermula pada 1 Januari 2012.

Pada 6 Januari 2012, sebagai sebahagian daripada proses penstrukturan semula, FELDA, Syarikat dan Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd ("FGVPM"), sebuah anak syarikat milik Syarikat telah memeterai satu perjanjian novasi di mana semua manfaat, hak, hakmilik, kepentingan, tanggungjawab, aku janji, perjanjian dan liabiliti Syarikat di bawah LLA dan LLA Tambahan akan dipindahkan oleh Syarikat kepada FGVPM dari 1 Januari 2012 dan FELDA telah bersetuju untuk memindahkan semua manfaat, hak, hakmilik, kepentingan, tanggungjawab, aku janji, perjanjian dan liabiliti Syarikat kepada FGVPM tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perjanjian novasi tersebut.

Pengambilalihan estet perladangan memenuhi kriteria bagi perakaunan sebelumnya. Perbezaan di antara nilai saksama pertimbangan pembelian dan nilai bawaan aset bersih yang diambilalih berjumlah RM2,088.97 juta telah diiktiraf sebagai rizab penyusunan semula.

(b) Pada 9 Januari 2012, Lembaga Pengarah FELDA telah meluluskan penukaran semua RCPS dan RCCPS yang diterbitkan oleh FGVH kepada FELDA kepada saham biasa. Bilangan RCPS dan RCCPS yang ditukar ialah 329,949,500 dan 570,590,000 masing-masing, pada nilai nominal RM0.01 dan premium RM0.99 sesaham. Penukaran RCPS dan RCCPS itu telah siap pada 17 Mei 2012, yang menghasilkan peningkatan dalam modal saham FGVH yang diterbitkan dan berbayar iaitu daripada RM1,767,612,000 kepada RM2,668,151,500. Berikutan itu, perbezaan di antara nilai bawaan dan nilai penebusan berjumlah RM9.75 juta telah didebitkan kepada keuntungan atau kerugian, dan sejumlah RM9.0 juta yang bersamaan dengan nilai tara RCPS dan RCCPS yang telah ditebus telah dipindahkan daripada perolehan tersimpan kepada rizab-rizab modal selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965.

(c) Pada 18 Januari 2012, Syarikat telah ditukar kepada syarikat awam untuk tujuan penyenaraian di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Penyenaraian"). Berikutan itu, Syarikat telah menukar namanya kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad.

(d) Pada 20 Januari 2012, Lembaga Pengarah Kumpulan telah meluluskan cadangan skim penyusunan semula korporat bagi menyusun semula dan menyenaraikan FGVH di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, yang kemudiannya dimaklumkan oleh Lembaga Pengarah pada 26 Mac 2012 .

(e) Satu Perjanjian Bekalan dan Penghantaran ("SDA") bertarikh 22 Februari 2012 telah ditandatangani antara FGVPM, anak syarikat milik penuh Syarikat dan Felda Palm Industries Sdn Bhd ("FPISB"), sebuah anak syarikat Felda Holdings Bhd, iaitu sebuah syarikat bersekutu Syarikat. Perjanjian itu menyatakan bahawa FPISB boleh menjual semua MSM yang dihasilkan daripada BTS yang dibekalkan oleh FGVPM selain sumber-sumber bekalan lain, kepada FGVPM. Asas harga MSM yang dihantar adalah menggunakan prinsip yang sama digunakan untuk mendapatkan harga BTS. BTS yang dibekalkan kepada FPISB oleh FGVPM akan diiktiraf sebagai perolehan jualan BTS oleh FGVPM.

Sebelum SDA dimeterai, tiada hasil daripada jualan MSM dan tiada kos jualan yang berkaitan dengan pembelian MSM telah diiktiraf oleh FGVH.

Selain daripada perolehan yang diiktiraf oleh FGVPM daripada jualan MSM yang dihasilkan oleh FPISB hasil bekalan FGVPM, FGVPM juga mengiktiraf perolehan daripada penjualan semula MSM yang dihasilkan oleh FPISB daripada BTS yang didapatinya daripada pembekal lain. Bagi MSM yang dihasilkan daripada BTS yang diperolehi daripada pembekal lain, kos jualan diiktiraf daripada kos pembelian yang dicaj oleh FPI.

(f) Pada 16 Mei 2012, modal saham biasa dibenarkan FGVH telah dinaikkan daripada RM2,000,000,000 yang terdiri daripada 2,000,000,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu kepada RM4,000,000,000 yang terdiri daripada 4,000,000,000 setiap satu biasa bernilai RM1 sesaham dan 1 saham khas bernilai RM1 setiap satu.

(g) Pada 26 Jun 2012, sejajar dengan penyenaraiannya, Syarikat telah meningkatkan modal terbitan dan berbayarnya kepada RM3,648,151,501 menerusi terbitan awam sebanyak 980,000,000 saham baru.

53 PERISTIWA PENTING SELEPAS TEMPOH LAPORAN

(a) Pada 29 Januari 2013, selaras dengan kelulusan Lembaga Pengarah, Syarikat telah mengumumkan penerimaan Tawaran Am Sukarela ("VGO") bagi Tradewinds (M) Berhad ("Tradewinds") dengan harga tawaran tunai RM9.30 bagi setiap tawaran saham. Rasional untuk penerimaan cadangan tawaran itu adalah seperti berikut:

(i) Syarikat akan merealisasikan pulangan yang menarik di atas pelaburan kerana harga tawaran itu adalah RM9.30 sesaham berbanding pelaburan asal yang dibuat dalam Tradewinds pada RM3.50 sesaham dalam tempoh pelaburan tiga tahun;

(ii) Syarikat akan mempunyai pengaruh yang minimum ke atas halatuju strategik masa hadapan Tradewinds memandangkan Syarikat hanya memiliki kepentingan minoriti; dan

(iii) Penerimaan cadangan tawaran memberi peluang untuk menggunakan perolehan bagi mengembangkan perniagaan dan modal kerja.

Pada 28 Februari 2013, pelupusan 20% kepentingan ekuiti dalam Tradewinds telah diselesaikan untuk pertimbangan berjumlah RM551.43 juta, yang menghasilkan keuntungan atas pelupusan sebanyak kira-kira RM26.24 juta bagi Kumpulan dan RM343.82 juta bagi Syarikat .

(b) Pada 17 April 2013, Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik Syarikat, telah menubuhkan sebuah anak syarikat milik penuh yang dikenali sebagai FGV Biotechnologies Sdn Bhd di Malaysia bagi menjalankan aktiviti yang meliputi semua jenis pengeluaran biodisel selain menceburi bidang perniagaan biodisel.

54 PERBANDINGAN

Perbandingan berikut telah dinyatakan semula untuk menggambarkan kesan perakaunan sebelumnya yang timbul daripada pengambilalihan estet perladangan seperti yang dinyatakan dalam Nota 21(c) kepada penyata kewangan dan untuk disesuaikan dengan pembentangan tahun semasa bagi mencerminkan dengan lebih tepat ciri-ciri transaksi yang berkaitan.

Kumpulan

	Seperti dilaporkan sebelum ini RM'000	Kesan perakaunan sebelumnya RM'000	Seperti dinyatakan semula RM'000
Penyata perolehan keseluruhan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011			
– Perolehan	4,201,168	3,251,909	7,453,077
– Kos jualan	(3,950,976)	(1,474,995)	(5,425,971)
– Lain-lain perolehan operasi	74,354	4,417	78,771
– Kos jualan dan pengedaran	(96,983)	(69,899)	(166,882)
– Perbelanjaan pentadbiran	(115,706)	(50,849)	(166,555)
– Lain-lain perbelanjaan operasi	(83,812)	8,028	(75,784)
– Cukai	(87,387)	(417,153)	(504,540)
Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2011			
Aset bukan semasa			
– Hartanah, loji dan peralatan	1,001,764	695,262	1,697,026
– Aset biologi	622	1,858,220	1,858,842
Aset semasa			
– Inventori	406,629	24,164	430,793
– Aset biologi	11,198	33,324	44,522
– Belum terima	395,478	8,103	403,581
– Tunai dan bersamaan tunai	1,777,824	306	1,778,130
Rizab			
– Rizab penyusunan semula (Note 21(c)(ix))	–	2,347,742	2,347,742
Liabiliti bukan semasa			
– Liabiliti cukai tertunda	136,908	17,874	154,782
– Peruntukan	7,398	(2,971)	4,427
Liabiliti semasa			
– Belum bayar	121,015	126,940	247,955
– Jumlah belum bayar kepada lain-lain syarikat berkaitan	87,905	129,794	217,699

54 PERBANDINGAN (sambungan)

Kumpulan (sambungan)

	Seperti dilaporkan sebelum ini RM'000	Kesan perakaunan sebelumnya RM'000	Seperti dinyatakan semula RM'000
Penyata kedudukan kewangan pada 1 Januari 2011			
Aset bukan semasa			
– Hartanah, loji dan peralatan	1,156,458	655,114	1,811,572
– Aset biologi	11,360	1,844,972	1,856,332
Aset semasa			
– Inventori	499,529	49,550	549,079
– Belum terima	399,137	3,929	403,066
– Jumlah belum terima daripada lain-lain syarikat berkaitan	1,965	84	2,049
– Tunai dan bersamaan tunai	451,169	310	451,479
Rizab			
– Rizab penyusunan semula	–	2,400,784	2,400,784
Liabiliti bukan semasa			
– Liabiliti cukai tertunda	149,317	11,206	160,523
Liabiliti semasa			
– Belum bayar	122,512	101,438	223,950
– Jumlah belum bayar kepada lain-lain syarikat berkaitan	71,705	51,891	123,596

Syarikat

	Seperti dilaporkan sebelum ini RM'000	Klasifikasi semula RM'000	Seperti dinyatakan semula RM'000
Penyata pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011			
– Kos jualan	–	(45,374)	(45,374)
– Perbelanjaan pentadbiran	(68,206)	45,374	(22,832)

55 KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk terbitan sejajar dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 24 April 2013.

56 PENDAPATAN TERSIMPAN DIREALISASI DAN TIDAK DIREALISASI

	Kumpulan 2012 RM'000
Jumlah perolehan tersimpan Syarikat dan anak-anak syarikatnya	
– direalisasi	21,920
– tidak direalisasi	31,624
	53,544
Jumlah bahagian perolehan tersimpan daripada entiti-entiti kawalan bersama	
– direalisasi	(99,476)
– tidak direalisasi	9,958
	(89,518)
Jumlah bahagian perolehan tersimpan daripada syarikat-syarikat bersekutu	
– direalisasi	2,085,575
– tidak direalisasi	(68,337)
	2,017,238
Ditolak: pelarasan gabungan	(789,446)
Jumlah perolehan tersimpan Kumpulan	1,191,818

